JUZU' KE-19

SURAH AN-NAML

SURAH KE

27

SURAH AN-NAML

Surah Semut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

93

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 6)

طسٓۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡقُرۡءَانِ وَكِتَابٖ مُّبِينٍ ١

هُدٗى وَبُشۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٣

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ زَيَّنَّا لَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَهُمۡ يَعۡمَهُونَ ٤

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَهُمۡ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ وَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ هُمُ ٱلۡأَخۡسَرُونَ ٥

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلۡقُرۡءَانَ مِن لَّدُنۡ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

"Taa, Siin, itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata(1). Sebagai pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin(2). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka yakin kepada hari Akhirat(3). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan(4). Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi(5). Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang diturunkan selepas Surah asy-Syua'ara. Ia mengemukakan pembicaraannya dengan pendahuluan dan kesimpulan yang memperlihatkan maudhu' yang diolahkan olehnya. Kisah-kisah yang dibentangkan di antara pendahuluan dan kesimpulan itu dapat menolong menggambarkan maudhu' ini. Kisah-kisah itu memantapkan maudhu' ini dan memperlihatkan pendirian-pendirian yang tertentu untuk membandingkan di antara pendirian kaum Musyrikin di Makkah dengan pendirian kaum Musyrikin dari berbagai-bagai umat yang lampau sebelum mereka supaya menjadi contoh teladan dan titik menungan terhadap Sunnatullah dan undang-undang da'wah.

Seperti Surah-surah Makkiyah yang lain, maudhu' utama surah ini ialah persoalan 'aqidah iaitu persoalan beriman kepada Allah dan beribadat kepada-Nya sahaja, juga persoalan beriman kepada hari Akhirat termasuk persoalan pahala dan hukuman seksa pada hari itu, dan seterusnya beriman kepada wahyu dan percaya bahawa segala urusan yang ghaib adalah milik ilmu Allah, tiada sesiapa pun yang mengetahuinya melainkan Allah. Keimanan ialah mempercayai bahawa Allahlah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pengurnia ni'mat. Keimanan ialah membimbing hati supaya mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia. Keimanan ialah mempercayai bahawa seluruh daya upaya dan kekuatan itu adalah milik Allah. Tiada daya upaya dan tiada kekuatan melainkan dengan izin Allah.

Kisah-kisah (dalam surah ini) di bawa untuk memantapkan konsep-konsep ini dan menggambarkan akibat orang-orang yang mendustakannya dan akibat-akibat baik yang diterima oleh orang-orang yang beriman.

Satu babak dari kisah Musa a.s. telah di bawa selepas pendahuluan surah ini, iaitu babak beliau melihat api dan bagaimana beliau pergi mendapatkannya, bagaimana beliau diseru dari alam al-Mala'ul-'Ala dan bagaimana beliau ditugas menyampaikan risalah kepada Fir'aun dan kuncu-kuncunya. Kemudian Al-Qur'an dengan segera menceritakan tindakan mereka mendustakan bukti-bukti kekuasaan Allah; sedangkan mereka yakin kepada kebenarannya dan seterusnya menceritakan akibat pendustaan yang dilakukan selepas wujudnya keyakinan kepada kebenarannya.

وَجَحَدُواْ بِهَا وَٱسۡتَيۡقَنَتۡهَآ أَنفُسُهُمۡ ظُلۡمٗا وَعُلُوّٗاۚ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ١٤

"Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Demikianlah juga keadaan pendirian kaum Musyrikin di Makkah terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang amat nyata kebenarannya itu.

Selepas itu disebut pula tentang ni'mat Allah yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas-salam, kemudian kisah Nabi Sulaiman dengan semut, dengan burung hudhud dan dengan ratu negeri Saba' dan kaumnya. Di dalam kisah ini ternyatalah betapa besarnya ni'mat Allah yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Sulaiman dan bagaimana kedua-duanya bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat itu, iaitu ni'mat ilmu, ni'mat memegang kuasa kerajaan dan ni'mat nubuwah serta ni'mat penundukkan jin dan burung-burung di bawah perintah Sulaiman a.s. Di dalam kisah-kisah itu juga jelas diterangkan dasar-dasar 'aqidah (agama Allah) yang diseru oleh setiap rasul dan ditonjolkan secara khusus cerita bagaimana ratu negeri Saba' dan kaumnya itu menyambut kitab (surat) Sulaiman salah seorang dari para hamba kesayangan-Nya dibandingkan dengan sambutan kaum Quraysy terhadap kitab Allah. Mereka mendusta dan mengingkarkannya, sedangkan ratu negeri Saba' dan kaumnya beriman dan menyerah diri kepada Allah. Allahlah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada Nabi Sulaiman dan menundukkan jin dan burung di bawah perintahnya. Allahlah yang memiliki segala-galanya dan Dialah yang mengetahui segala-galanya. Kebesaran kerajaan Nabi Sulaiman dan ilmunya itu hanya merupakan setitis dari limpah kurnia Allah yang tidak pernah surut.

Kemudian diiringi pula dengan kisah Nabi Soleh a.s. dengan kaumnya Thamud dan di dalam kisah ini diperlihatkan bagaimana golongan perosak dari kaum Thamud berkomplot menentang Nabi Soleh dan keluarganya dan bagaimana mereka merancang untuk membunuh beliau kemudian diterangkan pula bagaimana Allah bertindak balas terhadap kaum itu dan bagaimana kisah keselamatan Nabi Soleh dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan bagaimana kaum Thamud dibinasakan bersama-sama para pengatur komplot itu:

فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةً بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Maka itulah rumah-rumah mereka yang runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman sesungguh-nya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Kaum Quraysy juga telah berkomplot menentang Rasulullah s.a.w. dan merancang untuk membunuhnya sebagaimana kaum Thamud merancangkan untuk membinasakan Nabi Soleh dan orang-orang yang beriman.

Kemudian kisah-kisah itu ditamatkan dengan kisah Nabi Lut bersama kaumnya yang telah berazam untuk menghalaukan beliau bersama orang-orang yang beriman dari kampung mereka dengan alasan kerana mereka merupakan golongan manusia yang bersih. Kisah ini selanjutnya menceritakan bagaimana akibat yang telah menimpa kaum Thamud apabila Lut berhijrah dari kalangan mereka-dan meninggalkan mereka kepada kebinasaan:

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan Kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58)

Kaum Quraysy juga telah berazam untuk mengusir keluar Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya, dan mereka telah mengatur komplot-komplot untuk tujuan itu sebelum beliau berhijrah meninggalkan mereka.

Setelah tamat kisah-kisah itu Al-Qur'an menyampaikan kesimpulan:

قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَىٰٓ ۗ ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

"Katakanlah: Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilihkan-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menjelajah meninjau pemandangan-pemandangan alam buana dan pendalaman-pendalaman jiwa. Di sana ia memperlihatkan qudrat Allah Tuhan Pencipta, Pentadbir dan Pemberi rezeki yang mengetahui segala perkara yang ghaib dan seluruh manusia akan pulang kepada-Nya. Kemudian ia membentangkan kepada mereka salah satu alamat Qiamat dan beberapa pemandangan hari Qiamat dan malapetaka yang menunggu pendusta-pendusta hari Qiamat pada hari yang amat besar itu.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang selaras dengan maudhu' dan suasana surah:

إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلْبَلْدَةِ ٱلَّذِى حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَىْءٍ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩١﴾

وَأَنْ أَتْلُوَا۟ ٱلْقُرْءَانَ ۖ فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala, sesuatu dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya salah seorang dari para pemberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

******

Yang banyak ditekankan di dalam surah ini ialah penjelasan mengenai ilmu Allah yang sempurna, yang mengetahui zahir dan batin dan terutama ilmu Allah mengenai urusan-urusan yang ghaib dan bukti-buktinya yang dilihat pada alam buana, yang dibentangkan kepada manusia, juga ilmu yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Sulaiman 'alaihimas-salam dan ilmu percakapan burung yang diajarkan kepada Sulaiman yang disanjung-sanjungkan. Oleh kerana itu ia menyebut pendahuluan surah:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى الْقُرْآنَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Kemudian dikemukakan kesimpulan:

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ ۚ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

بَلِ ادَّارَكَ عِلْمُهُمْ فِي الْآخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan(65). Malah ilmu pengetahuan mereka tidak sampai ke Akhirat, malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66).

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٤﴾ وَمَا مِنْ غَائِبَةٍ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Pada akhir surah diterangkan:

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Di dalam kisah Nabi Sulaiman a.s. pula disebut:

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُودَ وَسُلَيْمَانَ عِلْمًا ۖ وَقَالَا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan Kami ke atas sebilangan yang ramai dari para hamba-Nya yang beriman."(15)

Juga disebut di dalam perkataan Nabi Sulaiman a.s.:

وَوَرِثَ سُلَيْمَانُ دَاوُودَ ۖ وَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عُلِّمْنَا مَنطِقَ الطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَيْءٍ ۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ الْفَضْلُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata."(16)

Juga disebut di dalam perkataan burung Hudhud.

أَلَّا يَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي يُخْرِجُ الْخَبْءَ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾

"(Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."(25)

Apabila Nabi Sulaiman a.s. mahu supaya singgahsana ratu negeri Saba' itu di bawa kepadanya, maka jin Afrit tidak sanggup membawa istana itu dalam masa sekelip mata sahaja, tetapi yang sanggup berbuat begitu ialah:

قَالَ الَّذِي عِندَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ ۚ

"Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari Al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip."(40)

Demikianlah ditonjolkan sifat ilmu Allah itu di dalam suasana surah ini yang dipayungi dengan berbagai-bagai pengertian di sepanjang penerangannya dari permulaan surah hingga ke akhirnya. Seluruh penerangan surah dibuat mengikut tertib yang kami telah terangkan tadi. Sekarang kami mulakan pentafsiran surah ini secara terperinci:

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

طسٓ تِلْكَ ءَايَـٰتُ ٱلْقُرْءَانِ وَكِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿١﴾

"Taa, Siin, itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata."(1)

Huruf-huruf potongan "Taa, Sin" itu ialah untuk mengingatkan bahawa huruf-huruf itulah bahan pertama yang digunakan untuk menggubahkan surah ini dan Al-Qur'an seluruhnya. Huruf-huruf ini boleh digunakan oleh semua orang yang bertutur di dalam bahasa Arab, tetapi mereka tidak berupaya untuk mengarang sebuah kitab seperti Al-Qur'an ini setelah dicabar dan dikemukakan hujjah yang melemahkan mereka. Selepas peringatan itu disebut Al-Qur'an **"Itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata itu."**

Yang dimaksudkan dengan kitab ialah Al-Qur'an sendiri dan ia disebut dengan sifat ini di sini mengikut yang ternampak kepada kami ialah untuk membuat perbandingan secara halus di antara sambutan kaum Musyrikin Makkah terhadap kitab yang diturunkan kepada mereka dari Allah dengan sambutan ratu negeri Saba' terhadap kitab (surat) yang dikirimkan oleh Nabi Sulaiman a.s. kepada mereka, sedangkan beliau hanya seorang hamba dari hamba-hamba Allah sahaja.

Kemudian dia sifatkan Al-Qur'an atau kitab itu sebagai:

هُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"Pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin."(2)

Al-Qur'an Hanya Menembusi Hati Yang Beriman

Ungkapan ini lebih indah dari andaian diungkapkan dengan "padanya terdapat pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin", kerana ungkapan Al-Qur'an tadi menjadikan seluruh bahan dan hakikat Al-Qur'an sebagai pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin. Al-Qur'an memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman di segenap jalan dan mengemukakan berita-berita gembira kepada mereka dalam kehidupan dunia dan Akhirat.

Pengkhususan orang-orang yang beriman dengan hidayat dan berita gembira itu mengandungi satu hakikat yang amat besar dan mendalam. Sesungguhnya Al-Qur'an itu bukanlah sebuah kitab ilmu teori atau ilmu amali yang dapat dimanfa'atkan oleh orang yang membaca dan menatapnya, malah Al-Qur'an adalah sebuah kitab suci yang berbicara dengan hati. Ia mencurahkan nurnya dan baunya yang harum ke dalam hati yang terbuka, iaitu hati yang menerimanya dengan keimanan dan keyakinan. Semakin basah hati itu dengan iman semakin bertambah seleranya meni'mati kemanisan Al-Qur'an dan semakin banyak ia dapat memahami konsep-konsep dan bimbingan-bimbingannya yang tidak dapat dicapai oleh hati yang keras dan pejal, juga semakin banyak ia mendapat hidayat dengan nur Al-Qur'an, iaitu hidayat yang tidak dapat dicapai oleh hati yang ingkar dan menyeleweng, dan seterusnya semakin banyak ia mendapat manfa'at dari persahabatannya dengan Al-Qur'an iaitu manfa'at yang tidak dapat dicapai oleh pembaca Al-Qur'an yang buta mata hatinya.

Ada orang membaca ayat Al-Qur'an atau sesuatu surah Al-Qur'an berulang-ulang kali dengan hati yang lalai atau dengan keadaan yang gopoh-gapah dan dia tidak mendapat apa-apa dari pembacaan itu, tiba-tiba terserlah sebuah nur di dalam hatinya dan terbukalah kepadanya berbagai-bagai alam yang tidak pernah terlintas di akalnya dan berlakulah satu mu'jizat di dalam kehidupannya iaitu mu'jizat yang mengubahkan kehidupannya dari satu sistem kepada satu sistem dan dari satu jalan kepada satu jalan.

Segala peraturan, undang-undang dan adab-adab cara yang terkandung di dalam Al-Qur'an hanya berdiri kukuh di atas keimanan. Seorang yang hatinya tidak beriman kepada Allah dan tidak menerima Al-Qur'an sebagai wahyu dari Allah dan tidak, menerima bahawa apa yang terkandung di dalam Al-Qur'an itu sebagai peraturan hidup yang dikehendaki Allah, maka orang yang seperti ini tidak akan mendapat hidayat dari Al-Qur'an sebagaimana yang sewajarnya dan tidak akan mendapat kegembiraan dari berita-berita gembira yang tersebut di dalam Al-Qur'an.

Gedung-gedung Hidayat Dan Ilmu Dalam Al-Qur'an

Di dalam Al-Qur'an terdapat gedung-gedung perbendaharaan hidayat, ilmu, pengetahuan, harakat dan bimbingan yang amat besar. Gedung-gedung perbendaharaan Al-Qur'an itu tidak akan dapat dibuka melainkan dengan anak kunci keimanan. Hanya orang-orang yang beriman dengan keimanan sejati sahaja yang dapat melaksanakan mu'jizat-mu'jizat dengan Al-Qur'an, tetapi apabila Al-Qur'an hanya dijadikan kitab untuk dilagu-lagukan ayat-ayatnya kemudian hanya masuk ke dalam telinga dan tidak sampai ke dalam hati, maka Al-Qur'an tidak dapat berbuat apa-apa dan tiada siapa yang mendapat manfa'at darinya kerana Al-Qur'an di waktu itu hanya merupakan sebuah gedung perbendaharaan tanpa anak kunci.

Surah ini membentangkan sifat-sifat orang-orang yang beriman yang mendapat pedoman hidayat dan berita-berita gembira dari Al-Qur'an. Mereka ialah:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم

بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٣

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka yakin kepada hari Akhirat."(3)

Mereka mendirikan solat, iaitu menunaikannya dengan sempurna, dengan hati dan jiwa yang sedar bahawa mereka sedang mengadap Allah Yang Maha Agung dan Mulia, dan dengan seluruh perasaan mereka yang meningkat ke ufuk yang gemilang itu dan dengan hati yang sibuk bermunajat, berdo'a dan bertawajjuh ke hadhrat Allah Yang Maha Besar.

Mereka juga mengeluarkan zakat, dan dengan ini mereka membersihkan diri mereka dari keburukan sifat kikir dan mengangkatkan jiwa mereka dari digoda harta kekayaan. Mereka menghubungkan saudara-saudara seagama mereka dengan menyumbangkan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka. Ini bererti mereka menunaikan hak jamaah Muslimin selaku anggota-anggotanya.

Mereka percaya kepada hari Qiamat dengan penuh keyakinan. Hati mereka sentiasa memikirkan hisab Akhirat dan hisab Akhirat inilah yang menghalangi mereka dari mengikut hawa nafsu yang liar dan memenuhkan jiwa mereka dengan rasa taqwa, takut dan malu berdiri di hadapan Allah kelak sebagai penderhaka.

Orang-orang yang beriman, yang sentiasa ingatkan Allah, yang menjunjung kewajipan-kewajipan mereka, yang takut kepada hisab dan balasan Allah dan yang mengharapkan keredhaan dan pahala dari Allah itulah orang-orang yang terbuka pintu hati mereka, kepada Al-Qur'an. Merekalah yang boleh mendapati Al-Qur'an itu sebagai pedoman hidayat dan berita gembira, sebagai nur hidayat yang menerangi jiwa mereka, sebagai pendorong semangat mereka, sebagai penggerak di dalam kehidupan mereka, sebagai bekalan perjalanan untuk sampai ke matlamatnya dan sebagai penawar yang menyembuhkan mereka.

Ketika menyebut hari Qiamat Al-Qur'an menekan dan menguatkannya dalam bentuk ancaman yang keras terhadap orang-orang yang tidak beriman dengannya supaya mereka tidak terus lalai di dalam kesesatan dan menyebabkan mereka bertemu dengan akibat kesudahan yang buruk:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ زَيَّنَّا لَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَهُمۡ يَعۡمَهُونَ ٤

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَهُمۡ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ وَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ هُمُ ٱلۡأَخۡسَرُونَ ٥

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan(4). Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi."(5)

Kepercayaan Kepada Akhirat Merupakan Pengawal Nafsu Yang Liar

Beriman kepada hari Akhirat merupakan tali kekang yang dapat menahan keinginan hawa nafsu dan dapat menjaminkan sikap sederhana di dalam kehidupan. Orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat tidak berupaya untuk menahankan dirinya dari mengikut keinginan hawa nafsunya yang liar. Dia menyangka bahawa satu-satunya peluang yang diberikan kepadanya untuk mencari keni'matan ialah peluang hidup di atas planet bumi ini, iaitu satu masa hidup yang pendek walau bagaimana panjang kelihatannya sekalipun. Masa hidup itu hampir-hampir tidak cukup untuk memenuhi kehendak-kehendak dan cita-cita hati yang belum tercapai, kemudian apakah daya penghalang yang dapat mengawalkan dirinya apabila dia dapat memuaskan kehendak-kehendak dan keni'matan hawa nafsunya sedangkan dia tidak pernah memikirkan persoalan hisab di hadapan Allah dan tidak pernah menduga persoalan pahala dan seksa pada hari Qiamat yang akan disaksikan oleh para saksi?

Oleh sebab itulah setiap tindakan memuaskan kehendak dan keni'matan nafsu di pandang elok oleh orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat. Dia terburu-buru bertindak memuaskan nafsunya tanpa dikawal oleh sebarang rasa taqwa atau rasa silu malu. Jiwa manusia itu telah dijadikan dengan tabi'at sukakan segala sesuatu yang memberi kelazatan dan keni'matan kepadanya dan memandangnya elok belaka selama ia tidak mendapat hidayat dari ayat-ayat dan risalah-risalah Allah yang membawanya kepada beriman dengan alam Akhirat yang kekal yang wujud selepas alam kehidupan dunia yang fana ini. Apabila ia beriman kepada hari Akhirat ia akan mendapat keni'matan dalam kegiatan-kegiatan dan kegemaran-kegemaran yang lain yang membuat keni'matan-keni'matan perut dan kelazatan jasmaniyah itu kelihatan begitu kecil di sampingnya.

Orang Yang Tidak Beriman Memandang Segala Amalannya Baik Belaka

Allah S.W.T. telah menciptakan jiwa manusia dengan tabi'at seperti ini dan dia jadikannya dapat menerima hidayat apabila terserlah kepadanya dalil-dalil kebenaran hidayat dan dapat pula menerima kesesatan apabila pintu-pintu akal fikirannya tertutup di dalam kesesatan. Di samping itu kehendak masyi'ah Allah tetap terlaksana mengikut undang-undangnya yang telah menciptakan jiwa manusia begitu di dalam kedua-dua keadaan itu iaitu keadaan, di mana ia dapat memilih hidayat dan memilih kesesatan. Justeru itulah Al-Qur'an sifatkan orang-

orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu begini **"Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan"**, yakni oleh sebab mereka tidak beriman kepada hari Akhirat maka berlakulah undang-undang Allah iaitu amalan-amalan mereka dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka kelihatan elok belaka di sisi mereka. Inilah maksud dengan dandanan di sini. Mereka meraba-raba di dalam kesesatan dan tidak nampak sebarang keburukan dan kejahatan di dalam amalan-amalan mereka itu atau mereka terus berada di dalam keadaan bingung tidak mengetahui di mana arah jalan yang betul.

Akibat yang akan diterima oleh orang yang dijadikan Allah amalan-amalannya kelihatan elok belaka itu adalah jelas kepada semua orang **"Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi"** sama ada azab seksa yang buruk itu berlaku kepada mereka di dunia atau di Akhirat, namun kerugian yang mutlaq akan diterima mereka pada hari Akhirat sebagai balasan yang setimpal terhadap sikap mereka yang terburu-buru melaksanakan perbuatan-perbuatan yang keji.

Pendahuluan surah ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang menerangkan sumber Ilahi yang menurunkan kitab suci Al-Qur'an ini kepada Rasulullah s.a.w.:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلْقُرْءَانَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Kata-kata "تلقى" (dikurniakan) membayangkan pemberian hidayat secara langsung dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui, iaitu Allah yang menciptakan segala sesuatu dengan hikmat dan mentadbirkan segala sesuatu dengan ilmu. Hikmat dan ilmu-Nya dapat dilihat dengan jelas di dalam Al-Qur'an ini, di dalam sistem hidup yang diatur olehnya, di dalam taklif-taklif yang diwajib ke atas manusia, di dalam arahan-arahan dan bimbingan-bimbingannya, di dalam uslub dan gayanya, di dalam penurunan ayat-ayatnya tepat dengan waktunya, di dalam bahagian-bahagiannya yang diturunkan berturut dan di dalam maudhu'-maudhu'nya yang selaras.

Kemudian ia mula menceritakan kisah-kisah yang menunjukkan betapa tingginya hikmat, ilmu dan pentadbiran Allah yang halus dan seni itu.

(Kumpulan ayat-ayat 7 - 14)

إِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِأَهْلِهِۦٓ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا سَـَٔاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ ءَاتِيكُم بِشِهَابٍ قَبَسٍ لَّعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ٧

فَلَمَّا جَآءَهَا نُودِىَ أَنۢ بُورِكَ مَن فِى ٱلنَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا وَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ٨

يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّهُۥٓ أَنَا ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٩

وَأَلْقِ عَصَاكَ ۚ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنٌّ وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ ۚ يَـٰمُوسَىٰ لَا تَخَفْ إِنِّى لَا يَخَافُ لَدَىَّ ٱلْمُرْسَلُونَ ١٠

إِلَّا مَن ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حُسْنًۢا بَعْدَ سُوٓءٍ فَإِنِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١١

وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِى جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ ۖ فِى تِسْعِ ءَايَـٰتٍ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَقَوْمِهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَـٰسِقِينَ ١٢

فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ ءَايَـٰتُنَا مُبْصِرَةً قَالُوا۟ هَـٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ١٣

وَجَحَدُوا۟ بِهَا وَٱسْتَيْقَنَتْهَآ أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا ۚ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ١٤

"Kenangilah ketika Musa bersabda kepada keluarganya: Sesungguhnya aku nampak api. Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor api supaya kamu dapat berdiang(7). Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru: Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam(8). Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(9). Dan campakkanlah tongkatmu, maka apabila dia melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi. (Lalu dia diseru): Wahai Musa! Janganlah engkau takut, kerana sesungguhnya orang-orang yang diangkatkan menjadi Rasul itu tidak sewajarnya merasa takut di sisi-Ku(10). Melainkan orang yang zalim kemudian dia menukarkan dengan kebaikan sesudah dia melakukan kejahatan, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(11). Dan masukkanlah tanganmu ke dalam belahan dada bajumu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa cacat sebagai salah satu mu'jizat di antara sembilan mu'jizat untuk dibawa kepada Fir'aun dan kaumnya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq(12). Dan apabila mu'jizat-mu'jizat Kami datang kepada mereka dengan begitu jelas, berkatalah mereka: Ini adalah perbuatan sihir yang amat nyata(13). Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14).

Dalam bahagian ini dibentangkan kisah Musa a.s. secara sepintas lalu selepas firman Allah:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلْقُرْءَانَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Seolah-olah Allah S.W.T. berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya engkau bukannya seorang yang baru menerima wahyu ini. Ini dia Musa pernah menerima tugas yang sama dan dia telah diseru supaya meyampaikan risalah Allah ini kepada Fir'aun dan kaumnya. Tentangan yang engkau terima dari kaummu itu bukannya perkara baru dalam usaha mereka mendustakan Rasul. Lihatlah kaum Musa itu sendiri. Hati mereka yakin kepada ayat-ayat Allah, tetapi mereka ingkarkannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh **"Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan"** dan hendaklah kaummu itu tunggu akibat yang akan menimpa orang-orang yang ingkar dan sombong.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 14)

إِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِأَهْلِهِۦٓ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا سَـَٔاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ ءَاتِيكُم بِشِهَابٍ قَبَسٍ لَّعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٧﴾

"Kenangilah ketika Musa bersabda kepada keluarganya: Sesungguhnya aku nampak api. Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor api supaya kamu dapat berdiang."(7)

Cerita ini telah disebut di dalam Surah Taha, iaitu semasa Musa a.s. di dalam perjalanan pulang dari negeri Madyan ke Mesir. Bersama beliau ialah isterinya puteri Nabi Syu'ayb a.s.[1]. Beliau telah kesesatan jalan di suatu malam yang gelap-gelita dan dingin. Ini dibuktikan oleh kata-kata beliau kepada isterinya **"Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor supaya kamu dapat berdiang."** Peristiwa ini berlaku dekat Bukit Tur. Di padang pasir, api-api dinyalakan di tempat-tempat yang tinggi untuk menjadi pedoman kepada orang-orang yang berjalan di waktu malam, dan apabila mereka datang kepada api itu, di sana mereka akan mendapat layanan tetamu dan berdiang atau mendapat pemandu jalan.

"Sesungguhnya aku nampak api" Musa telah melihat api itu dari jauh lalu hati nya merasa tenteram dan tidak kesepian kerana beliau berharap di sana beliau boleh mendapat berita mengenai jalan yang akan ditujuinya atau boleh mengambil api untuk isterinya berdiang di malam yang dingin di padang pasir itu.

Musa Mendengar Seruan Allah

Lalu Musa a.s. pun pergi mendapatkan api yang dilihatnya itu untuk mendapat berita, tiba-tiba di sana beliau menerima seruan yang amat luhur:

فَلَمَّا جَآءَهَا نُودِىَ أَنۢ بُورِكَ مَن فِى ٱلنَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا وَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٨﴾

يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّهُۥٓ أَنَا ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٩﴾

"Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru: Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam(8). Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(9)

Itulah seruan yang bergema di seluruh alam buana. Itulah seruan yang membuat alam-alam dan cakerawala-cakerawala bersambung dengannya, membuat seluruh alam al-wujud khusyu' dan tunduk kepadanya dan membuat hati dan jiwa menggigil. Itulah seruan yang menghubungkan langit dengan bumi. Itulah seruan yang membuat planet bumi menerima seruan Penciptanya Yang Maha Agung. Itulah seruan yang mengangkatkan insan yang fana dan lemah ke maqam munajat dengan limpah kurnia Allah.

"Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru" ungkapan dengan kata kerja bina majhul (passive voice) sedangkan maksudnya kata kerja maklum (active voice), ialah untuk memulia dan membesarkan Allah Penyeru Yang Maha Agung itu.

"Dia diseru semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya."

Api Dari Nur Para Malaikat

Siapakah yang berada di dalam api itu? Siapakah yang berada di sekelilingnya? Pendapat yang lebih rajih api itu bukanlah dari api yang kita nyalakannya, malah ia adalah api (nur) yang terbit dari al-Mala'ul-'Ala, api yang dinyalakan oleh roh-roh yang suci dari malaikat-malaikat Allah untuk hidayat yang agung. Nur itu kelihatan seperti api biasa ketika roh-roh yang suci ini berada di dalamnya. Oleh sebab itulah Allah berseru **"Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu"** untuk mengumumkan limpah keberkatan Ilahi Yang Maha Tinggi ke atas para malaikat yang berada di dalam api itu dan yang berada di sekelilingnya dan di antaranya ialah Nabi Musa a.s. sendiri. Seluruh alam buana telah merakamkan pengurniaan yang agung ini dan tempat ini terus berada di dalam daftar alam buana sebagai satu tempat yang berkat dan suci dengan sebab

---

[1] *Di sana tidak ada nas yang jelas yang menunjukkan bahawa Nabi Syu'ayb itu ialah orang tua yang dikhidmati Musa dan berkahwin dengan salah seorang dari dua orang puterinya, tetapi inilah pendapat yang lebih rajih kerana memandangkan kisah Musa itu selalu disebut selepas kisah Syu'ayb setiap kali dua kisah itu diceritakan di dalam Al-Qur'an yang mana menunjukkan bahawa kedua-duanya hidup semasa atau seturut.*

berlakunya Tajalli Allah di situ dan keizinan-Nya mengurniakan keberkatan yang agung itu.

Kemudian seluruh alam buana melainkan kata-kata baki seruan itu **"Dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Di sini Allah membersihkan zat-Nya dan mengumumkan Rububiyah-Nya yang meliputi semesta alam serta mendedahkan kepada hamba-Nya (Musa a.s.) bahawa yang menyeru beliau itu ialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana sendiri dan dengan ini terangkatlah seluruh insan yang diwakili Nabi Musa a.s. itu ke ufuk yang gemilang dan mulia, dan berjayalah Musa mendapat berita di tempat api yang dilihatnya itu, tetapi bukannya berita biasa, malah berita yang amat besar dan agung, dan berjayalah beliau mendapat obor yang memanaskan badan, tetapi bukannya obor biasa, malah obor hidayat yang membimbing ke jalan Allah yang lurus.

Musa Dikurniakan Mu'jizat-mu'jizat

Seruan itu merupakan pengumuman perlantikan beliau sebagai Rasul dan di sebalik perlantikan itu ialah kewajipan membawa risalah Allah kepada Fir'aun sebesar-besar pemerintah yang bermaharajalela di bumi di zaman itu. Oleh sebab itu Allah melengkapkan beliau dengan kekuatan mu'jizat:

"Dan campakkanlah tongkatmu"(10)

Mu'jizat ini disebut di sini dengan ringkas sahaja tanpa menyebut dialog yang panjang seperti di dalam Surah Taha, kerana pokok pembicaraan yang dikehendaki di sini ialah penyampaian seruan dan taklif kepada Musa.

فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنٌّ وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ

"Maka apabila dia melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi."(10)

Musa telah mencampakkan tongkatnya sebagaimana diperintah, tiba-tiba tongkat itu bergerak dan berjalan. Ia bergerak cepat seperti gerakan seekor ular kecil dari jenis yang lincah. Musa yang bertabi'at mudah terharu itu telah terharu dan terkejut kerana apa yang berlaku itu adalah di luar dugaannya, lalu beliau pun lari menjauhkan diri dari ular itu tanpa berfikir untuk berpatah balik lagi. Gerak-geri beliau itu jelas memperlihatkan bagaimana beliau begitu terperanjat kerana didorong tabi'atnya yang mudah terharu.

Kemudian Musa dipanggil seruan Ilahi yang mententeramkan hatinya di mana diterangkan kepadanya bentuk tugas yang akan dipertanggungjawabkan kepadanya:

يَٰمُوسَىٰ لَا تَخَفْ إِنِّى لَا يَخَافُ لَدَىَّ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿١٠﴾

"Wahai Musa! Janganlah engkau takut kerana sesungguhnya orang-orang yang diangkatkan menjadi Rasul itu tidak sewajarnya merasa takut di sisi-Ku."(10)

Janganlah engkau merasa takut kerana engkau telah ditugaskan sebagai seorang rasul untuk menyampai risalah Allah, dan para rasul itu sewajarnya tidak merasa takut berada di hadapan Tuhan mereka untuk menerima tugas itu.

إِلَّا مَن ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حُسْنًۢا بَعْدَ سُوٓءٍ فَإِنِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١﴾

"Melainkan orang yang zalim kemudian dia menukarkannya dengan kebaikan sesudah dia melakukan kejahatan, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(11)

Orang yang layak merasa takut itu ialah orang-orang yang zalim kecuali mereka yang mengubahkan diri mereka dengan mengerjakan amalan yang baik setelah melakukan amalan-amalan yang jahat dan meninggalkan kezaliman kepada keadilan, meninggalkan syirik kepada keimanan dan meninggalkan kejahatan kepada kebaikan, maka rahmat-Ku amat luas dan keampunan-Ku amat besar.

Kini Musa kembali tenang dan tenteram lalu Allah melengkapkannya dengan mu'jizat yang kedua sebelum diterangkan kepada beliau ke manakah beliau harus membawa risalah dan tugas itu:

وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِى جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ

"Dan masukkanlah tangamnu ke dalam belahan dada bajumu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa cacat."(12)

Lalu Musa memasukkan tangannya ke dalam belahan dada bajunya, tiba-tiba tangan itu keluar putih berseri-seri bukan bukti menunjukkan sakit, tetapi bukti menunjukkan mu'jizat. Kemudian Allah berjanji akan membantu beliau dengan sembilan mu'jizat dan dua darinya telah dilihatnya dan kini Allah menjelaskan pula arah tujuannya yang menjadi objektif beliau dilantik menjadi Rasul yang dilengkapkan dengan mu'jizat dan diberi perlindungan.

Musa Diutuskan Kepada Para Fir'aun Dan Kaumnya

فِى تِسْعِ ءَايَٰتٍ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَقَوْمِهِۦٓ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿١٢﴾

"Di antara Sembilan mu'jizat untuk dibawa kepada Fir'aun dan kaumnya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(12)

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut baki mu'jizat-mu'jizat yang sembilan itu sebagaimana yang dihuraikan di dalam Surah al-A'raf iaitu tahun-tahun kemarau, kekurangan buah-buahan, banjir, wabak-wabak belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah, kerana yang ditekankan di sini ialah kekuatan mujizat-mu'jizat itu bukannya hakikat-hakikatnya, juga kejelasan mujizat-mu'jizat itu dan keingkaran kaum Fir'aun terhadapnya:

فَلَمَّا جَآءَتۡهُمۡ ءَايَٰتُنَا مُبۡصِرَةٗ قَالُواْ هَٰذَا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ﴿١٣﴾
وَجَحَدُواْ بِهَا وَٱسۡتَيۡقَنَتۡهَآ أَنفُسُهُمۡ ظُلۡمٗا وَعُلُوّٗاۚ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٤﴾

"Dan apabila mu'jizat-mu'jizat Kami datang kepada mereka dengan begitu jelas, berkatalah mereka: Ini adalah perbuatan sihir yang amat nyata(13). Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Mengapa Pembesar-pembesar Quraysy Menentang Al-Qur'an

Mu'jizat-mu'jizat ini memang banyak dan ia mendedahkan kebenaran hingga dapat disaksikan oleh setiap orang yang mempunyai mata. Al-Qur'an sifatkan mu'jizat-mu'jizat ini sebagai **"Begitu jelas"** kerana ia membuka mata hati manusia dan membimbing mereka ke arah hidayat, tetapi walaupun begitu Fir'aun dan kaumnya tetap mengatakan bahawa semuanya adalah perbuatan-perbuatan sihir yang amat nyata. Mereka berkata begitu bukan kerana keyakinan mereka dan bukan pula kerana kekeliruan, malah kerana **"Sikap mereka yang zalim dan angkuh"**. Hati mereka memang yakin terhadap kebenaran mu'jizat-mu'jizat yang jelas dan tidak mempunyai sebarang kekeliruan itu **"Sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya"**, tetapi mereka mengeluarkan kata-kata itu semata-mata kerana ingkar dan sombong dan semata-mata kerana mereka tidak mahu beriman. Mereka bukannya bertujuan mencari dalil, malah mereka berkata begitu untuk menunjukkan sikap mereka yang zalim dan angkuh terhadap kebenaran. Mereka telah menganiayai diri sendiri dengan sifat angkuh yang keji ini.

Demikianlah juga sikap pembesar-pembesar Quraysy yang menyambut kitab suci Al-Qur'an. Mereka yakin Al-Qur'an itu benar, tetapi mereka sengaja mengingkarkannya dan mengingkarkan da'wah Nabi s.a.w. yang menyeru mereka beriman kepada Allah Yang Tunggal. Ini disebabkan kerana mereka mahu kekal dengan agama dan kepercayaan-kepercayaan mereka kerana di sebalik agama dan kepercayaan-kepercayaan ini terdapat peraturan yang memantapkan kedudukan mereka dan memberi keuntungan yang tidak putus-putus kepada mereka, sedangkan peraturan itu ditegakkan di atas landasan 'aqidah-'aqidah yang palsu, yang kini dirasa mereka terancam kerana da'wah Islamiyah. Mereka merasa 'aqidah-'aqidah mereka yang karut itu sedang bergoyang di bawah tapak kaki mereka dan di dalam hati mereka. Tukul-tukul kebenaran memanglah bertindak menggugatkan 'aqidah-'aqidah yang karut, lemah dan mengelirukan itu.

Demikianlah kedudukan agama yang benar. Mereka mengingkarkannya bukan kerana mereka tidak mengenali-nya, malah kerana mereka mengenalinya. Mereka ingkarkannya setelah hati mereka yakinkan kebenarannya kerana mereka merasa kebenaran itu mengancam kewujudan dan kedudukan mereka atau mengancam kepentingan-kepentingan dan keuntungan-keuntungan mereka. Oleh sebab itu mereka bangkit menentangnya semata-mata kerana degil dan sombong, sedangkan kebenaran itu amat jelas dan nyata.

فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Kesudahan Fir'aun dan kaumnya telah diketahui umum, kerana Al-Qur'an telah menerangkan kesudahan mereka di berbagai-bagai tempat yang lain. Di sini Al-Qur'an hanya menyebut akibat sahaja dengan tujuan untuk mengingatkan orang-orang yang lalai dari golongan yang ingkarkan kebenaran dan bersikap angkuh terhadapnya kepada akibat kesudahan yang diterima oleh Fir'aun sebelum mereka diseksa dengan keseksaan yang telah diterima para perosak masyarakat.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 44)

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيۡمَٰنَ عِلۡمٗاۖ وَقَالَا ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّنۡ عِبَادِهِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٥﴾
وَوَرِثَ سُلَيۡمَٰنُ دَاوُۥدَۖ وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمۡنَا مَنطِقَ ٱلطَّيۡرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَيۡءٍۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلۡفَضۡلُ ٱلۡمُبِينُ ﴿١٦﴾
وَحُشِرَ لِسُلَيۡمَٰنَ جُنُودُهُۥ مِنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِ وَٱلطَّيۡرِ فَهُمۡ يُوزَعُونَ ﴿١٧﴾
حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَوۡاْ عَلَىٰ وَادِ ٱلنَّمۡلِ قَالَتۡ نَمۡلَةٞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّمۡلُ ٱدۡخُلُواْ مَسَٰكِنَكُمۡ لَا يَحۡطِمَنَّكُمۡ سُلَيۡمَٰنُ وَجُنُودُهُۥ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ﴿١٨﴾
فَتَبَسَّمَ ضَاحِكٗا مِّن قَوۡلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ

أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ ﴿١٩﴾

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهُدْهُدَ أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ ﴿٢٠﴾

لَأُعَذِّبَنَّهُ عَذَابًا شَدِيدًا أَوْ لَأَذْبَحَنَّهُ أَوْ لَيَأْتِيَنِّي بِسُلْطَانٍ مُبِينٍ ﴿٢١﴾

فَمَكَثَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَحَطْتُ بِمَا لَمْ تُحِطْ بِهِ وَجِئْتُكَ مِنْ سَبَإٍ بِنَبَإٍ يَقِينٍ ﴿٢٢﴾

إِنِّي وَجَدْتُ امْرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَجَدْتُهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾

أَلَّا يَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي يُخْرِجُ الْخَبْءَ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan kami di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman(15). Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata(16). Dan untuk Sulaiman dihimpunkan bala tenteranya dari jin, manusia dan burung dan mereka diatur dalam barisan yang rapi(17). Sehingga apabila mereka tiba di lembah semut berkatalah seekor semut: Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar(18). Lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh(19). Dan kemudian dia memeriksa burung-burung lalu dia berkata: Mengapa aku tidak nampak hudhud adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?(20). Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku(21). Tidak lama kemudian (datanglah hudhud) lalu berkata: Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya(22). Sesungguhnya saya dapati di sana ada seorang raja perempuan memerintah mereka. Dia telah dikurniakan segala sesuatu dan dia mempunyai singgahsana yang besar(23). Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah. Syaitan telah mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang keji) dan menghalangkan mereka dari jalan (Allah). Oleh sebab itu mereka tidak mendapat hidayat(24). (Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."(25).

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ۩ ﴿٢٦﴾

قَالَ سَنَنْظُرُ أَصَدَقْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٢٧﴾

اذْهَبْ بِكِتَابِي هَٰذَا فَأَلْقِهْ إِلَيْهِمْ ثُمَّ تَوَلَّ عَنْهُمْ فَانْظُرْ مَاذَا يَرْجِعُونَ ﴿٢٨﴾

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ إِنِّي أُلْقِيَ إِلَيَّ كِتَابٌ كَرِيمٌ ﴿٢٩﴾

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

أَلَّا تَعْلُوا عَلَيَّ وَأْتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي أَمْرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّىٰ تَشْهَدُونِ ﴿٣٢﴾

قَالُوا نَحْنُ أُولُو قُوَّةٍ وَأُولُو بَأْسٍ شَدِيدٍ وَالْأَمْرُ إِلَيْكِ فَانْظُرِي مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا أَعِزَّةَ أَهْلِهَا أَذِلَّةً ۖ وَكَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٣٤﴾

وَإِنِّي مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar(26). Ujar Sulaiman: Kami akan lihat apakah engkau benar atau engkau termasuk di dalam

golongan mereka yang berbohong(27). Pergilah engkau membawa suratku ini dan campakkannya kepada mereka, kemudian berundurlah dari mereka dan lihatlah apakah yang dibicarakan mereka?(28). Berkatalah (ratu Balqis): Wahai sekalian pembesar! Sesungguh-nya ada sepucuk surat yang mulia telah dicampakkan kepadaku(29). Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu kepadaku sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(31). Berkatalah (ratu Balqis): Wahai para pembesar! Berilah kepadaku pendapat kamu dalam urusanku ini. Aku tidak pernah membuat sesuatu keputusan sehingga kamu datang bermesyuarat denganku(32). Jawab mereka: Kita adalah umat yang kuat dan gagah berani. Keputusan berada di tangan anda. Oleh itu fikirkanlah apa yang anda hendak perintahkan(33). Berkatalah(ratu Balqis): Sesungguhnya (adat) raja-raja itu apabila mereka memasuki sesebuah negeri, mereka akan merosakkannya dan menjadikan penduduk-penduduknya yang mulia hina-dina. Dan begitulah pula mereka akan lakukan (terhadap negeri kita)(34). Dan sesungguhnya aku akan menghantarkan utusan membawa hadiah kepada mereka dan aku akan menunggu apakah yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan itu?."(35).

فَلَمَّا جَآءَ سُلَيۡمَٰنَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٖ فَمَآ ءَاتَىٰنِۦَ ٱللَّهُ خَيۡرٞ مِّمَّآ ءَاتَىٰكُمۚ بَلۡ أَنتُم بِهَدِيَّتِكُمۡ تَفۡرَحُونَ ٣٦

ٱرۡجِعۡ إِلَيۡهِمۡ فَلَنَأۡتِيَنَّهُم بِجُنُودٖ لَّا قِبَلَ لَهُم بِهَا وَلَنُخۡرِجَنَّهُم مِّنۡهَآ أَذِلَّةٗ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ٣٧

قَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ أَيُّكُمۡ يَأۡتِينِي بِعَرۡشِهَا قَبۡلَ أَن يَأۡتُونِي مُسۡلِمِينَ ٣٨

قَالَ عِفۡرِيتٞ مِّنَ ٱلۡجِنِّ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن تَقُومَ مِن مَّقَامِكَۖ وَإِنِّي عَلَيۡهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٞ ٣٩

قَالَ ٱلَّذِي عِندَهُۥ عِلۡمٞ مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن يَرۡتَدَّ إِلَيۡكَ طَرۡفُكَۚ فَلَمَّا رَءَاهُ مُسۡتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ هَٰذَا مِن فَضۡلِ رَبِّي لِيَبۡلُوَنِيٓ ءَأَشۡكُرُ أَمۡ أَكۡفُرُۖ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيّٞ كَرِيمٞ ٤٠

قَالَ نَكِّرُواْ لَهَا عَرۡشَهَا نَنظُرۡ أَتَهۡتَدِيٓ أَمۡ تَكُونُ مِنَ ٱلَّذِينَ لَا يَهۡتَدُونَ ٤١

فَلَمَّا جَآءَتۡ قِيلَ أَهَٰكَذَا عَرۡشُكِۖ قَالَتۡ كَأَنَّهُۥ هُوَۚ وَأُوتِينَا ٱلۡعِلۡمَ مِن قَبۡلِهَا وَكُنَّا مُسۡلِمِينَ ٤٢

وَصَدَّهَا مَا كَانَت تَّعۡبُدُ مِن دُونِ ٱللَّهِۖ إِنَّهَا كَانَتۡ مِن قَوۡمٖ كَٰفِرِينَ ٤٣

قِيلَ لَهَا ٱدۡخُلِي ٱلصَّرۡحَۖ فَلَمَّا رَأَتۡهُ حَسِبَتۡهُ لُجَّةٗ وَكَشَفَتۡ عَن سَاقَيۡهَاۚ قَالَ إِنَّهُۥ صَرۡحٞ مُّمَرَّدٞ مِّن قَوَارِيرَۗ قَالَتۡ رَبِّ إِنِّي ظَلَمۡتُ نَفۡسِي وَأَسۡلَمۡتُ مَعَ سُلَيۡمَٰنَ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٤٤

"Apabila utusan itu datang menemui Sulaiman, dia pun berkata: Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu, malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu (ini)?(36). Pulanglah sahaja kepada mereka: Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka dan kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina dan mereka akan tunduk patuh(37). Berkatalah (Sulaiman): Wahai para pembesar! Siapakah di antara kamu yang boleh membawa ke mari singgahsananya (Balqis) sebelum mereka datang sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(38). Berkatalah seorang yang pintar dari jin: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum anda bangkit dari tempat duduk anda. Sesungguhnya aku adalah seorang yang gagah membawanya lagi amanah(39). Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip. Kemudian apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya dia pun berkata: Ini adalah dari limpah kurnia Tuhanku untuk mencubaku sama ada aku bersyukur kepada-Nya atau kufurkan ni'mat-Nya. Dan barang siapa yang bersyukur, maka sebenarnya ia bersyukur untuk kebaikan dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya dan Maha Pemurah(40). Berkatalah Sulaiman: Ubahkan singgahsananya itu supaya kita dapat melihat sama ada dia dapat mengenal singgahsananya atau dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak dapat mengenalinya(41). Apabila (Balqis) tiba dia pun ditanya: Apakah singgahsana anda seperti ini? Dia pun menjawab. Ya, seakan-akan singgahsana ini, dan kami telah pun dikurniakan ilmu sebelum ini dan kami menjadi golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(42). Dan yang telah menghalangkannya (dari beriman) selama ini ialah amalannya yang menyembah tuhan yang lain dari Allah. Sesungguhnya dia dahulu adalah dari golongan orang-orang yang kafir(43). Lalu dikatakan kepadanya: Silalah masuk ke dalam istana. Apabila dia melihat (lantai) istana itu dia menyangkakan sebuah kolam air lalu dia pun menyingsingkan kedua betisnya. Sulaiman berkata: Sesungguhnya istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca. Lalu Balqis berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah

menganiayai diriku sendiri dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam"(44).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Sentuhan mengenai Nabi Daud a.s. di sini dan cerita Nabi Sulaiman a.s. yang diceritakan selepas babak kisah Nabi Musa a.s. dan semuanya merupakan para Anbiya' dari Bani Israel yang disebut dalam surah ini yang memulakan pembicaraannya mengenai Al-Qur'an, di mana diterangkan:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang menimbulkan perselisihan di antara mereka."(76)

Kisah Nabi Sulaiman a.s. di dalam surah ini dibentangkan dengan lebih panjang lebar dari mana-mana surah yang lain walaupun ceritanya hanya mengenai satu babak dari babak-babak kisah hidupnya sahaja, iaitu babak ceritanya dengan burung hudhud dan dengan ratu negeri Saba'. Ia dimulakan dengan pengumuman Nabi Sulaiman kepada orang ramai bahawa beliau telah diajar oleh Allah bahasa pertuturan burung-burung dan bahawa beliau telah dikurniakan segala sesuatu dan beliau bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya yang amat nyata itu. Kemudian ditayangkan pemandangan bala tentera beliau yang terdiri dari jin, manusia dan burung-burung sambil menceritakan bagaimana seekor semut telah mengingatkan kaumnya supaya menyelamatkan diri dari kemaraan angkatan bala tentera itu dan bagaimana Nabi Sulaiman dapat memahami perkataan semut itu dan bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya, juga bagaimana beliau sedar bahawa ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu merupakan suatu ujian Allah dan justeru itu beliau memohon kepada Allah supaya menjadikannya seorang yang bersyukur dan berjaya menghadapi ujian ini.

Penceritaan kisah-kisah ini secara ringkas di dalam surah ini adalah sesuai dengan keterangan di permulaan surah yang membicarakan tentang Al-Qur'an dan sesuai dengan sebuah kenyataan yang menjelaskan bahawa Al-Qur'an ini **"Menceritakan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan-persoalan yang menimbulkan perselisihan di antara mereka".** Kisah-kisah Musa, Daud dan Sulaiman merupakan babak-babak sejarah yang paling penting didalam sejarah Bani Israel.

Persesuaian babak ini dan pendahuluan-pendahuluan-nya dengan maudhu' surah ini dapat dilihat pada beberapa tempat dari babak ini dan dari surah ini iaitu:

Penekanan suasana dan bayangan surah ini pada isu ilmu pengetahuan sebagaimana kami telah terangkan dalam ayat-ayat awal surah. Keterangan yang pertama di dalam kisah Daud dan Sulaiman ialah:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ عِلْمًا

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman."(15)

Pengumuman Sulaiman tentang pengurniaan ni'mat Allah kepadanya dimulakan dengan menyebut ni'mat Allah yang telah mengajar ilmu pertuturan burung-burung kepadanya iaitu:

وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمْنَا مَنطِقَ ٱلطَّيْرِ

"Dan dia (Sulaiman) berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung."(16)

Penjelasan burung hudhud ketika menyatakan alasan mengapa ia tidak datang mengadap Sulaiman yang dicerita di celah-celah kisah ini dimulakan dengan perkataannya:

أَحَطتُ بِمَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ وَجِئْتُكَ مِن سَبَإٍۭ بِنَبَإٍ يَقِينٍ ﴿٢٢﴾

"Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya."(22)

Dan seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itulah yang berjaya membawa singgahsana ratu Balqis dalam sekelip mata.

Keterangan pembukaan surah yang menerangkan bahawa Al-Qur'an itu adalah kitab suci Allah yang amat jelas yang disampaikan kepada kaum Musyrikin, tetapi mereka menyambutnya dengan pendustaan, dan dalam kisah ini disebut kitab (surat) Sulaiman yang disambut baik oleh ratu negeri Saba' dan tidak lama selepas itu baginda bersama kaumnya datang menyerah diri kepada Allah di hadapan Sulaiman sesudah baginda melihat kekuatan-kekuatan yang telah dikurniakan kepada beliau, iaitu kekuatan bala tentera yang terdiri dari jin, manusia dan burung-burung. Allahlah yang telah mengurniakan ni'mat ini. Dialah Yang Maha Berkuasa di atas sekalian hamba-Nya dan Dialah Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung.

Di dalam surah ini ditayangkan ni'mat-ni'mat Allah kepada para hamba-Nya dan bukti-bukti kekuasaan-Nya di alam buana, juga diterangkan ni'mat Allah melantikkan manusia selaku khalifah-Nya, sedangkan mereka meng-ingkarkan ayat-ayat Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya, dan di dalam kisah ini pula disebut contoh hamba yang bersyukur, yang memohon taufiq dari Tuhannya supaya sentiasa mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepadanya, juga memikir dan merenungi ayat-ayat Allah tanpa melupakannya. Dia tidak lupa daratan apabila menerima ni'mat dan tidak bertindak zalim apabila memiliki kekuatan. Pendeknya persesuaian-persesuaian itu banyak dan jelas di antara maudhu'

surah dengan saranan-saranan kisah dan situasi-situasinya.

Kisah Nabi Sulaiman a.s. dengan ratu negeri Saba' merupakan sebuah contoh kisah yang sempurna di dalam Al-Qur'an dan contoh gaya penyampaian yang seni. Ia adalah sebuah kisah yang penuh harakat, perasaan-perasaan dan pemandangan-pemandangan dan di antara pemandangan-pemandangan itu dipotong-potong dan dimasukkan ruang-ruang kosong yang seni.

Sekarang marilah kita huraikan ayat-ayat ini dengan terperinci:

******

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 19)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَـٰنَ عِلْمًا ۖ وَقَالَا ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan kami di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman."(15)

Pengumuman Ni'mat-ni'mat Allah Ke Atas Nabi Daud Dan Sulaiman

Ayat ini merupakan isyarat permulaan kisah atau pengumuman pembukaan kisah. Ia merupakan berita yang menjelaskan ni'mat yang paling besar yang dikurniakan Allah kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas-salam iaitu ni'mat ilmu pengetahuan. Kisah Nabi Daud a.s. yang dikurniakan ni'mat ilmu pengetahuan itu adalah diceritakan dengan terperinci di dalam surah-surah yang lain di antaranya ialah ni'mat Allah mengajar beliau membaca kitab suci Zabur dengan bacaan tartil yang disambut oleh alam buana di sekelilingnya, di mana-mana gunung-ganang dan burung turut serta membaca bersamanya kerana kemerduan dan kenyaringan suaranya, juga kerana tumpuan sepenuh hatinya bermunajat dengan Allah dan pembebasan dirinya dari segala halangan dan rintangan yang memisahkan di antaranya dengan atom-atom alam buana ini. Di antara ni'mat-ni'mat itu lagi ialah ni'mat Allah mengajar beliau kepandaian membuat perisai dan alat-alat peperangan dan melembutkan besi-besi kepadanya supaya beliau dapat membuat apa sahaja alat yang dikehendakinya. Di antaranya lagi ialah ni'mat Allah mengajar beliau ilmu kehakiman untuk mengadili manusia, iaitu ilmu yang dikongsi sama oleh Nabi Sulaiman a.s.

Kisah Nabi Sulaiman a.s. yang dijelaskan dengan terperinci di dalam surah ini ialah mengenai ni'mat Allah mengajar beliau ilmu bahasa burung dan sebagainya, sebagai tambahan kepada ni'mat-ni'mat Allah yang lain, yang disebut di dalam surah-surah yang lain seperti ni'mat Allah mengajar beliau ilmu kehakiman dan menundukkan angin bertiup mengikut kehendaknya dengan perintah Allah.

Ni'mat Ilmu Pengetahuan

Kisah ini dimulakan dengan isyarat: **"Dan sesungguh Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman",** dan sebelum ayat ini berakhir di sana diterangkan bagaimana Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas salam itu mensyukuri ni'mat itu dan menyatakan nilai-nilainya yang amat besar. Kedua-duanya mengucap kesyukuran "الحمدلله" di atas limpah kurnia Allah yang melebihkan kedua-duanya di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman. Ayat ini menonjolkan nilai pengetahuan sebagai satu ni'mat yang agung yang dikurniakan Allah kepada para hamba-Nya dan mana-mana hamba yang mendapat ni'mat ini bererti dia telah dilebihkan Allah di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut jenis ilmu yang tertentu dan isi maudhu'nya, kerana yang hendak ditonjolkan di sini ialah ilmu itu sendiri, juga untuk menyarankan bahawa semua ilmu itu adalah pemberian dari Allah belaka dan setiap orang yang mempunyai ilmu pengetahuan itu sepatutnya mengetahui dari manakah sumber ilmu pengetahuannya dan bertawajjuh kepada Allah dengan mengucapkan kesyukuran kepada-Nya, juga menggunakan ilmu pengetahuan itu untuk maksud-maksud yang diredhai Allah yang telah mengurniakannya. Oleh itu ilmu pengetahuan tidak seharusnya menjauhkan seorang dari Allah atau menjadikannya lupa kepada Allah. Ilmu pengetahuan itu hanya merupakan sebahagian dari limpah kurnia dan pemberian Allah.

Ilmu pengetahuan yang menjauhkan hati dari Allah adalah ilmu yang rosak dan sesat dari sumbernya dan dari matlamatnya. Ia tidak dapat memberi kebahagiaan kepada tuannya dan kepada orang ramai, malah ia hanya membuahkan kecelakaan, ketakutan, kegelisahan dan kehancuran kerana ia terputus dari sumbernya dan menyeleweng dari jalannya dan sesat dari jalan yang boleh membawanya kepada Allah.

Ilmu Pengetahuan Membuat Bom Nuklear Di Zaman Ini

Umat manusia pada hari ini telah sampai kepada satu tahap kemajuan yang cemerlang di dalam tahap-tahap kemajuan ilmu pengetahuan dengan kejayaan mereka meleburkan atom dan menggunakannya, tetapi apakah hasil yang dapat dicapai oleh manusia dari ilmu pengetahuan atom ini, yang mana ahli-ahlinya tidak pernah menyebut nama Allah, tidak pernah merasa takut dan bersyukur kepada Allah dan tidak pernah bertawajjuh kepada-Nya dengan ilmu pengetahuan mereka? Mereka tidak mendapat apa-

apa selain dari mangsa-mangsa yang ngeri dari dua biji bom atom yang digugurkan ke atas bandar Hiroshima dan Nagasaki dan selain dari ketakutan dan kegelisahan yang tidak melelapkan mata penduduk-penduduk Timur dan Barat kerana sentiasa terancam kepada bahaya kehancuran, kemusnahan dan kehapusan. [2]

Selepas menyebut ni'mat pengurniaan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kesyukuran mereka berdua kepada Allah atas pengurniaan ini, juga penghargaan mereka berdua terhadap nilai dan kelebihan ni'mat yang dikurniakan itu, maka Al-Qur'an menumpukan penceritaannya kepada kisah Sulaiman sahaja:

Kisah Kerajaan Sulaiman

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ ۖ وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمْنَا مَنطِقَ ٱلطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَىْءٍ ۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلْفَضْلُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata."(16)

Nabi Daud a.s. telah dikurniakan ni'mat pemerintahan bersama-sama ni'mat nubuwah dan ilmu pengetahuan, tetapi ni'mat pemerintahan tidak disebut semasa memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada beliau dan Sulaiman, malah yang disebutkan hanya ni'mat ilmu pengetahuan sahaja, kerana ni'mat pemerintahan itu terlalu kecil untuk disebutkan di tempat ini.

Sulaiman Dikurniakan Ilmu Bahasa Burung

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud" warisan yang difahamkan di sini ialah warisan ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuanlah yang mempunyai nilai yang amat tinggi yang wajar disebut-sebutkan. Ini dikuatkan pula oleh pengumuman Sulaiman kepada orang ramai yang berbunyi, **"Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu"**, di sini Nabi Sulaiman a.s. menzahirkan ni'mat Allah yang mengajar beliau bahasa pertuturan burung, sedangkan ni'mat-ni'mat yang lain hanya disebut secara umum dan dihubungkan kepada sumber yang telah mengajar bahasa pertuturan burung itu. Sumber itu bukannya Daud kerana Sulaiman tidak mewarisi ilmu bahasa pertuturan burung ini dari bapanya begitu juga segala ni'mat yang dikurniakan kepada beliau, malah semua ni'mat ini adalah datang dari Allah yang mengajar ilmu bahasa pertuturan burung itu.

"Wahai manusia! Kami telah diajar bahasa pertuturan burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu", demikianlah pengumuman Nabi Sulaiman a.s. kepada orang ramai untuk mengenang dan menzahirkan limpah kurnia Allah kepada beliau bukannya untuk berbangga-bangga dan bermegah-megah di hadapan mereka. Kemudian beliau iringi pula dengan kenyataan "Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata" yakni limpah kurnia Allah sebagai sumber dan ampunyanya, kerana tiada siapa yang berkuasa mengajar bahasa pertuturan burung kepada manusia melainkan Allah, demikian juga tiada siapa yang dapat memberikan segala sesuatu kepada seseorang melainkan Allah.

Setiap Haiwan Mempunyai Sarana-sarana Komunikasi

Burung-burung, haiwan-haiwan dan serangga-serangga masing-masing mempunyai sarana-sarana komunikasi di antara mereka iaitu bahasa pertuturan mereka masing-masing. Allah S.W.T. yang menciptakan berbagai-bagai alam ini telah berfirman:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا طَٰٓئِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّآ أُمَمٌ أَمْثَالُكُم

"Dan tiada binatang yang wujud di bumi dan tiada burung-burung yang terbang dengan sayapnya melainkan semuanya adalah umat-umat seperti kamu juga"

(Surah al-An'am: 38)

binatang-binatang dan burung-burung itu tidak boleh menjadi umat-umat melainkan apabila mereka mempunyai perhubungan-perhubungan yang tertentu dan sarana-sarana tertentu untuk mengadakan hubungan saling mengerti di antara mereka. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam kehidupan berbagai-bagai burung, binatang dan serangga. Ahli-ahli sains yang mengkaji kehidupan makhluk-makhluk ini bersungguh-sungguh berusaha untuk memahami bahasa dan sarana-sarana komunikasi di antara binatang-binatang itu dengan cara membuat tekaan dan andaian bukan dengan cara pasti dan yakin, tetapi ilmu pengetahuan mengenai bahasa pertuturan burung-burung yang dikurniakan Allah kepada Nabi

---

[2] *Ujar Prof.* م.ي.ألي فنيث *(ejaan Inggerisnya tidak diketahui penyalin) Pensyarah Universiti Birmingham dan anggota lembaga perusahaan menyediakan bom-bom atom selepas peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki: "Saya percaya tidak lama lagi akan lahir di pentas alam bom-bom yang melebihi bom-bom atom pertama sepuluh ribu tan di dalam kekuatan letupannya, dan selepas itu akan lahir pula bom-bom yang mempunyai kekuatan satu juta tan dan tiada lagi sebarang pertahanan dan kawalan yang dapat menyelamatkan dari bahayanya. Enam biji bom dari jenis ini sudah cukup untuk membinasa dan meleburkan England dengan seluruh penduduknya". Ramalan beliau itu tepat dan benar, kerana bom-bom hidrogen telah pun dihasilkan, iaitu bom yang menjadikan dua biji bom yang digugurkan ke atas Hiroshima dan Nagasaki itu sebagai bom mainan kanak-kanak sahaja, jika dibandingkan dengannya. Sehubungan dengan ini eloklah disebutkan bahawa bom yang digugurkan ke atas Hiroshima telah membunuh dengan serta merta bangsa Jepun seramai di antara 210,000 hingga 240,000 jiwa. Jumlah ini tidak termasuk orang-orang yang tercedera dan terbakar yang mati selepas itu yang dianggar berpuluh-puluh ribu orang pula.*

Sulaiman a.s. itu adalah suatu ilmu yang istimewa untuk beliau sahaja, iaitu ilmu secara mu'jizat yang berlainan dari kebiasaan manusia, bukannya ilmu yang didapati menerusi hasil usaha kajian untuk memahami sarana-sarana komunikasi burung-burung dan sebagainya untuk mengadakan hubungan saling mengerti di antara mereka, iaitu usaha kajian melalui andaian dan tekaan sebagaimana yang diamalkan oleh ahli-ahli ilmu pada hari ini.

Saya suka pengertian ini difaham dengan tegas dan jelas, kerana setengah-setengah ahli tafsir angkatan baru yang terpesona dengan kemajuan-kemajuan sains moden cuba mentafsirkan ayat Al-Qur'an mengenai ilmu Nabi Sulaiman a.s. yang dapat memahami bahasa pertuturan burung itu sebagai satu kepandaian memahami bahasa burung, binatang dan serangga yang didapati melalui usaha-usaha kajian ilmiyah secara moden. Pentafsiran ini merupakan perbuatan mengeluarkan mu'jizat yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman a.s. dari tabi'at mu'jizat dan merupakan salah satu kesan dari kesan-kesan kekalahan dan keterpesonaan kepada ilmu pengetahuan manusia yang amat sedikit itu. Sesungguhnya amatlah mudah kepada Allah mengajar mana-mana hamba kesayangan-Nya bahasa-bahasa burung, binatang dan serangga secara pemberian laduni dari-Nya tanpa memerlukan kepada sebarang usaha kajian dan penyelidikan. Pemberian itu terlaksana dengan hanya menghapuskan pagar-pagar yang didirikan Allah di antara bangsa-bangsa makhluk yang diciptakan-Nya itu.

Nabi Sulaiman Dikurniakan Sekumpulan Tentera Dari Jin Dan Burung

Ini hanya sebahagian dari mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada hamba kesayangan-Nya Nabi Sulaiman a.s. Sebahagian yang lain lagi ialah mu'jizat penundukan sekumpulan jin dan burung di bawah perintah beliau selaku bala tenteranya yang sama dengan bala tentera bangsa manusia. Jenis kumpulan burung yang ditundukkan kepada Sulaiman itu telah dikurniakan Allah daya kefahaman yang lebih tinggi dari daya kefahaman jenis-jenis burung yang lain di kalangan umat burung.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam kisah burung hudhud yang dapat memahami keadaan-keadaan pemerintahan 'Ratu Negeri Saba' dan kaumnya dengan kefahaman yang difikirkan oleh seorang manusia yang amat bijak, cerdik dan bertaqwa. Semuanya ini dikurniakan secara mu'jizat yang di luar kemampuan manusia.

Memang benar bahawa undang-undang atau Sunnatullah dalam penciptaan makhluk-makhluk-Nya telah menetapkan bahawa burung-burung mempunyai daya kefahaman yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain, tetapi daya kefahaman burung tidak sampai kepada tahap daya kefahaman manusia. Penciptaan burung-burung dengan kebolehan seperti ini merupakan satu mata rantai di dalam siri keselarasan alam buana. Penciptaan seperti itu adalah tunduk kepada undang-undang am yang menghendaki burung itu diciptakan dengan kefahaman yang sedemikian rupa.

Memang benar bahawa burung hudhud yang dilahirkan hari ini adalah sama dengan burung hudhud yang wujud sejak ribuan atau jutaan tahun yang lampau, iaitu sejak wujudnya burung hudhud di alam ini. Di sana ada pembawa-pembawa warisan (genes) yang tertentu yang menjadikan rupa paras burung hudhud yang ada sekarang sama dengan burung hudhud yang pertama. Biarpun bagaimana burung hudhud itu melalui perubahan, namun ia tidak akan keluar dari jenis hudhud untuk meningkat ke jenis yang lain. Hal ini merupakan sebahagian dari Sunnatullah dan undang-undang penciptaan makhluk-makhluk-Nya atau sebahagian dari undang-undang am yang menyelaras dan mengatur alam buana ini.

Tetapi kedua-dua hakikat yang mantap ini tidak menghalangi berlakunya mu'jizat apabila dikehendaki Allah yang menciptakan undang-undang itu. Kadang-kadang mu'jizat itu sendiri merupakan sebahagian undang-undang am yang kita tidak mengetahui hujung tepinya, iaitu sebahagian undang-undang alam yang lahir pada waktu yang tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah, ia lahir mencarik adat kebiasaan manusia dan menyempurnakan undang-undang Allah dalam penciptaan makhluk dan keselarasan umum. Dengan cara beginilah wujudnya burung hudhud Sulaiman dan kumpulan burung yang ditundukkan kepada beliau di zaman itu.

Marilah kita balik semula dari selingan ini kepada menghuraikan kisah Nabi Sulaiman a.s. setelah beliau mewarisi Nabi Daud a.s. dan mengumumkan ni'mat ilmu pengetahuan, kerajaan yang kukuh dan ni'mat kelebihannya di atas manusia-manusia yang lain:

وَحُشِرَ لِسُلَيْمَٰنَ جُنُودُهُۥ مِنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ وَٱلطَّيْرِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ۝١٧

"Dan untuk Sulaiman dihimpunkan bala tenteranya dari jin, manusia dan burung dan mereka diatur (dalam barisan yang rapi)."(17)

Inilah angkatan bala tentera Sulaiman yang amat ramai terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung. Makhluk manusia telah diketahui oleh semua orang, tetapi kita tidak mengetahui makhluk jin melainkan sekadar yang diceritakan Allah di dalam Al-Qur'an, iaitu Dia ciptakan mereka dari pucuk api yang bergejolak. Mereka nampak manusia, tetapi manusia tidak nampak mereka:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

"Sesungguhnya dia dan kumpulannya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Pembicaraan dalam ayat ini mengenai Iblis atau syaitan, dan Iblis adalah dari bangsa jin, mereka biasanya berupaya membisikkan kejahatan di dalam hati manusia dan mendorongkan mereka melakukan maksiat, tetapi kita tidak mengetahui bagaimana caranya. Sekumpulan dari makhluk jin ada yang beriman kepada Rasulullulah s.a.w., sedangkan beliau tidak melihat mereka atau mengetahui keimanan mereka dari mereka, tetapi hanya Allah sahaja yang menceritakan hal-hal yang seperti itu kepada beliau:

قُلۡ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسۡتَمَعَ نَفَرٞ مِّنَ ٱلۡجِنِّ فَقَالُوٓاْ إِنَّا سَمِعۡنَا قُرۡءَانًا عَجَبٗا ١ يَهۡدِيٓ إِلَى ٱلرُّشۡدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦۖ وَلَن نُّشۡرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدٗا ٢

"Katakanlah: Telah diwahyukan kepadaku bahawa ada sekumpulan jin telah mendengar bacaan Al-Qur'an lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Qur'an yang amat mengkagumkan, yang memberi hidayat ke jalan yang benar. Oleh sebab itu kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutui Allah dengan sesiapa pun."

(Surah al-Jin: 1-2)

Nabi Sulaiman Dikurniakan Kumpulan Pekerja Mahir Dari Jin

Kita juga tahu bahawa Allah telah menundukkan sekumpulan dari makhluk jin itu kepada Nabi Sulaiman a.s. untuk membina tempat-tempat ibadat, patung-patung dan periuk-periuk yang besar. Mereka juga menjadi penyelam-penyelam di dalam laut kepada Nabi Sulaiman. Mereka menurut perintah beliau dengan izin Allah. Di antara mereka pula ialah kumpulan jin yang turut serta di dalam angkatan bala tentera Sulaiman bersama-sama makhluk manusia dan burung-burung.

Pada pendapat kami Allah hanya telah menundukkan sekumpulan jin dan sekumpulan burung sahaja kepada Nabi Sulaiman a.s., sebagaimana Allah tundukkan kepada beliau sekumpulan makhluk manusia. Sekiranya tidak semua manusia yang menjadi penghuni bumi ini menjadi bala tentera Sulaiman - kerana lingkungan kerajaan beliau tidak menjangkau lebih dari wilayah-wilayah yang dikenal sekarang sebagai negeri Palestin, Lubnan, Syria, Iraq hingga ke tebing sungai Furat - maka begitu juga tidak semua jin dan tidak semua burung ditundukkan kepada beliau, malah hanya satu kumpulan sahaja dari makhluk-makhluk itu yang ditundukkan kepada beliau.

Alasan pegangan kami dalam masalah jin ini ialah kerana Iblis dan zuriatnya adalah dari bangsa jin sebagaimana diterangkan oleh Al-Qur'an:

إِلَّآ إِبۡلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلۡجِنِّ

"Melainkan Iblis adalah dia (Iblis) dari bangsa jin."

(Surah al-Kahfi: 50)

Di dalam Surah an-Nas diterangkan begini:

"Yang membisik (kejahatan) di dalam dada manusia dari jin-jin dan manusia"(5-6)

Adakah Semua Jin Dan Burung Ditundukkan Kepada Sulaiman?

mereka telah melakukan kerja-kerja menggoda, membisik dan mendorong manusia kepada kejahatan itu di zaman Sulaiman dan mereka tentulah tidak dapat melakukan kerja-kerja ini andainya mereka ditundukkan kepada Sulaiman dan dibelenggu di bawa perintahnya kerana Sulaiman adalah seorang nabi yang menyeru manusia kepada hidayat. Oleh itu dapatlah difahamkan bahawa hanya segolongan jin sahaja yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s.

Alasan pegangan kami dalam masalah burung pula ialah kerana apabila Sulaiman memeriksa burung-burung, maka ketika itu barulah beliau tahu bahawa burung hudhud itu tidak ada dan andainya seluruh burung-burung itu ditunduk kepada beliau dan dihimpunkan dalam angkatan tentera beliau termasuk burung hudhud tentulah beliau tidak dapat mengecam seekor burung hudhud di antara berjuta-juta hudhud di samping berbilion-bilion burung-burung yang lain. Apabila beliau bersabda: **"Mengapa aku tidak nampak burung** hudhud**"**, maka maksudnya ialah seekor burung hudhud yang tertentu sahaja dan mungkin burung inilah sahaja yang ditundukkan kepada beliau dari umat burung hudhud atau mungkin burung inilah sahaja yang menjadi burung yang memegang peranan utama di dalam angkatan bala tentera Sulaiman dari satu kumpulan burung-burung hudhud yang terbatas bilangannya. Ini disokong oleh kenyataan bahawa burung hudhud itu adalah seekor burung yang dikurniakan daya kefahaman yang istimewa yang berlainan dari daya kefahaman burung-burung hudhud biasa atau burung-burung yang lain umumnya. Pengurniaan ini tentulah diberikan kepada sekumpulan burung hudhud yang tertentu sahaja yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s., bukannya diberikan kepada semua burung hudhud dan seluruh burung-burung yang lain, kerana jenis daya kefahaman yang diperlihatkan oleh burung hudhud yang istimewa itu adalah setaraf dengan daya kefahaman yang ada pada manusia-manusia yang bijak dan bertaqwa.

Angkatan bala tentera yang terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung itu telah dihimpunkan untuk Nabi Sulaiman a.s. Ia adalah satu

angkatan yang besar dan ramai, yang bersambung awal dengan akhirnya. Mereka diatur dalam barisan-barisan yang rapi, supaya mereka tidak kucar-kacir dan pecah berselerak. Ia adalah perhimpunan barisan tentera yang teratur. Ia diistilahkan dengan nama angkatan tentera kerana ramai bilangannya dan tersusun barisannya.

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَوۡاْ عَلَىٰ وَادِ ٱلنَّمۡلِ قَالَتۡ نَمۡلَةٞ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّمۡلُ ٱدۡخُلُواْ مَسَٰكِنَكُمۡ لَا يَحۡطِمَنَّكُمۡ سُلَيۡمَٰنُ وَجُنُودُهُۥ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ١٨

فَتَبَسَّمَ ضَاحِكٗا مِّن قَوۡلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنۡ أَعۡمَلَ صَٰلِحٗا تَرۡضَىٰهُ وَأَدۡخِلۡنِي بِرَحۡمَتِكَ فِي عِبَادِكَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١٩

"Sehingga apabila mereka tiba di lembah semut berkatalah seekor semut: Wahai sekelian semut! Masuklah kesarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar (18). Lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada kedua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh."(19)

Angkatan bala tentera nabi Sulaiman a.s. meneruskan perjalanannya dalam barisan-barisan yang teratur rapi, barisan pertama bersambung dengan barisan yang akhir, mereka berjalan dengan barisan-barisan yang padu dan dengan langkah-langkah yang sama sehingga sampailah di sebuah lembah yang banyak semut sehingga dipanggil "Lembah semut" atau "Wadi an-Naml". Di sini berkatalah seekor semut yang menjadi kepala yang menyelia dan mengaturkan urusan semut yang berkeliaran di wadi itu - kerajaan semut adalah sama dengan kerajaan lebah dari segi susunan yang teratur rapi. Tugas-tugas kerja di sana dibahagi kepada berbagai-bagai jenis dan dilaksanakan dengan peraturan yang amat menarik dan melemahkan manusia dari mencontohinya walaupun mereka dikurniakan akal dan daya pemikiran yang tinggi - berkatalah semut ini dengan sarana komunikasi yang difahami umat semut dan dengan bahasa yang dimengertikan di dalam kalangan mereka - berkatalah semut ini kepada sekalian yang lain: "*Masuklah ke sarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar.*"

Perkataan semut itu dapat difahami Nabi Sulaiman a.s. lalu beliau pun tersenyum. Beliau merasa senang hati kerana memahami isi maksud perkataan semut itu sama seperti tersenyumnya seorang tua terhadap budak kecil yang cuba melepaskan diri dari bahayanya, sedangkan dia tidak berniat hendak membahayakannya. Hatinya lapang kerana dapat memahaminya. Itulah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada beliau, iaitu ni'mat yang menghubungkannya dengan alam-alam haiwan yang terpisah dari manusia kerana tertutupnya pintu saling mengerti dengan mereka dan adanya halangan-halangan yang menceraikan mereka. Beliau bergembira dengan peristiwa ini kerana ianya suatu peristiwa yang aneh dan menarik kerana semut ini mempunyai daya kefahaman yang seperti itu dan dapat memahamkan pula perintahnya kepada semut-semut yang lain dan menjadikan mereka ta'at kepadanya.

Nabi Sulaiman a.s. memahami (apa yang dikatakan semut itu) lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya. Pemandangan ini telah mengharukan perasaan beliau dan membawa hati beliau dengan segera pulang kepada Allah yang telah mengurniakannya ni'mat ilmu pengetahuan mu'jizat ini dan membuka kepadanya alam-alam haiwan yang selama ini tertutup dan terpisah darinya, lalu beliau pun bertawajjuh kepada Allah memohon:

رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ

"Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakan kepadaku dan kepada dua ibubapaku."(19)

"Wahai Tuhanku!" Di sini beliau menggunakan kata-kata seruan dari dekat dan secara langsung. **"Tumpukan diriku"** yakni kumpulkan seluruh diriku, kumpulkan seluruh anggotaku, perasaanku, lidahku, hatiku, fikiranku, perkataanku, susunan perkataanku, amalanku dan tujuan-ku.kumpulkan seluruh diriku, seluruh daya tenagaku (mengikut pengertian bahasa dari kata-kata "أوزعني") supaya seluruhnya ditumpukan **"untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakan kepadaku dan kepada dua ibubapaku."**

Ungkapan ini membayangkan ni'mat Allah yang telah mengharukan hati Nabi Sulaiman a.s. pada sa'at itu dan menggambarkan bentuk perasaan keterharuan, kekuatan tawajjuh, dan rasa hatinya yang bergelora ketika beliau menyedari ni'mat Allah yang limpah yang dikurniakan kepadanya dan kepada kedua ibubapanya. Beliau mengalami ni'mat dan rahmat Allah itu dengan penuh keterharuan lalu memohon:

رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ

وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَٰلِحًا تَرْضَىٰهُ

"Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu."(19)

Kerana amalan yang soleh itu juga merupakan limpah kurnia Allah yang ditaufikkan Allah kepada mereka yang bersyukur kepada ni'mat-Nya.

Nabi Sulaiman a.s. yang bersyukur kepada Allah dan memohon kepada-Nya agar mengumpulkan seluruh dirinya dan menumpukannya kepada tujuan mensyukuri ni'mat Allah itu juga telah memohon kepada Allah agar memberi taufiq kepadanya mengerjakan amalan-amalan yang soleh yang diredhai-Nya. Di sini beliau menyedari bahawa mengerjakan amalan yang soleh itu merupaan satu lagi taufiq dan ni'mat yang lain yang dikurniakan Allah.

وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh."(19)

"Masukkanlah aku dengan rahmat-Mu" beliau mengetahui bahawa keupayaan untuk memasuki ke dalam golongan hamba yang soleh itu merupakan satu rahmat dari Allah. Rahmat itu membawa seorang hamba itu sedar dan mentaufiqkannya mengerjakan amalan-amalan yang soleh hingga dapat masuk ke dalam golongan orang-orang yang soleh. Nabi Sulaiman a.s. menyedari hakikat ini kerana itu beliau merayu kepada Allah supaya menjadikannya termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat rahmat dan taufiq Allah untuk memasuki golongan orang-orang yang soleh itu. Beliau tetap merayu kepada Allah walaupun beliau seorang nabi yang dikurniakan Allah ni'mat-ni'mat yang besar dan ditundukkan kepadanya makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung, beliau tidak merasa aman dari kemurkaan Allah walaupun setelah beliau dipilih menjadi nabi. Beliau merasa bimbang amalannya dan kesyukurannya terhadap Allah tidak sempurna. Demikianlah perasaan beliau yang peka terhadap taqwa dan takut kepada Allah dan keinginan beliau yang berkobar-kobar untuk mendapatkan keredhaan dan rahmat Allah disa'at munculnya ni'mat Allah sebagaimana yang telah berlaku apabila beliau dapat memahami bahasa pertuturan semut dengan ajaran dan limpah kurnia dari Allah.

Di sini kita berdepan di hadapan dua jenis mu'jizat bukannya satu mu'jizat iaitu mu'jizat kefahaman Nabi Sulaiman a.s. yang memahami amaran semut kepada kaumnya dan mu'jizat kefahaman semut bahawa ini adalah Nabi Sulaiman dan bala tenteranya. Mu'jizat pertama merupakan ilmu pengetahuan mu'jizat yang diajarkan Allah kepada Sulaiman sebagai seorang manusia dan nabi. Oleh itu mu'jizat yang pertama ini lebih dekat kepada beliau dibandingkan dengan mu'jizat yang kedua yang terdapat pada percakapan semut itu. Mungkin semut itu dapat menanggap bahawa makhluk-makhluk itu adalah makhluk-makhluk yang lebih besar. Mereka boleh membinasakan semut-semut apabila mereka memijaknya. Mungkin juga semut itu dapat melarikan diri dari sesuatu bahaya dengan daya-daya kefahaman yang dijadikan Allah dalam tabi'atnya untuk memelihara hidupnya, tetapi untuk memahami bahawa orang-orang ini adalah Nabi Sulaiman dan bala tenteranya tentulah merupakan satu kejadian istimewa yang luar biasa dan dapat dimasukkan ke dalam kumpulan mu'jizat-mu'jizat dalam keadaan yang seperti ini.

******

Sekarang sampailah pula kita kepada kisah Nabi Sulaiman a.s. dengan burung hudhud dan ratu negeri Saba'. Kisah ini dipecahkan kepada enam pemandangan yang diselangi ruang-ruang kosong yang seni, yang dapat difaham dari pemandangan-pemandangan yang dibentangkan itu. Ruang-ruang kosong itu menyempurnakan keindahan pembentangan yang seni kisah ini. Pemandangan-pemandangan itu juga diselangi dengan ulasan-ulasan terhadap setengah-setengah pemandangan yang mengandungi bimbingan kepada hati manusia dan inilah tujuan pemandangan itu ditayangkan dalam surah ini, juga ulasan yang menonjolkan contoh teladan dan pengajaran yang menjadi pokok tujuan dibentangkan kisah-kisah itu di dalam Al-Qur'anul-Karim. Ulasan-ulasan itu selaras dengan pemandangan-pemandangan dan ruang-ruang kosong itu dari sudut kesenian yang indah dan dari sudut keagamaan yang dapat mempengaruhi hati dan kesedaran manusia.

Oleh sebab pendahuluan kisah Sulaiman itu mengandungi isyarat tentang makhluk-makhluk jin, manusia dan burung di samping mengandungi isyarat tentang ni'mat ilmu pengetahuan, maka kisah ini juga memuatkan peranan masing-masing bagi makhluk-makhluk jin, manusia dan burung itu di samping menonjolkan peranan ilmu pengetahuan. Seolah-olah pendahuluan itu memberi isyarat kepada watak-watak yang memainkan peranan-peranan utama dalam kisah itu. Ini satu lagi ciri yang amat seni dan halus di dalam kisah Al-Qur'an.

Begitu juga ciri-ciri syakhsiyah dan sifat-sifat yang membezakan di antara syakhsiyah-syakhsiyah dalam kisah itu digambarkan begitu jelas iaitu ciri-ciri syakhsiyah Sulaiman, syakhsiyah ratu negeri Saba', syakhsiyah burung hudhud dan syakhsiyah pembesar-pembesar ratu negeri Saba' di samping menggambarkan perasaan-perasaan yang dialami oleh syakhsiyah-syakhsiyah itu di dalam berbagai-bagai pemandangan dan situasi-situasi kisah itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 44)

Pemandangan yang pertama dimulai dengan pemandangan angkatan bala tentera Sulaiman yang

besar setelah mereka tiba di lembah semut dan setelah seekor semut memberi amaran kepada kaumnya dan setelah Nabi Sulaiman a.s. bertawajjuh kepada Allah menyatakan kesyukurannya, mengemukanya do'a dan taubatnya:

وَتَفَقَّدَ ٱلطَّيۡرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَآ أَرَى ٱلۡهُدۡهُدَ أَمۡ كَانَ مِنَ ٱلۡغَآئِبِينَ ﴿٢٠﴾

لَأُعَذِّبَنَّهُۥ عَذَابٗا شَدِيدًا أَوۡ لَأَاْذۡبَحَنَّهُۥٓ أَوۡ لَيَأۡتِيَنِّي بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ﴿٢١﴾

"Dan kemudian dia memeriksa burung-burung lalu dia berkata: Mengapa aku tidak nampak hudhud adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?(20). Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku."(21)

Ini dia raja dan Nabi Sulaiman a.s. dalam angkatannya yang amat besar sedang memeriksa angkatan burung-burung tiba-tiba beliau tidak nampak hudhud. Dari sini kita dapat memahami bahawa yang dimaksudkan dengan hudhud ini ialah seekor burung hudhud istimewa yang mempunyai tugas tertentu dalam angkatan bala tentera Sulaiman bukannya mana-mana seekor burung hudhud biasa dari beribu-ribu atau berjuta-juta umat burung hudhud yang ada di bumi ini. Dari tindakan Nabi Sulaiman a.s. memeriksa burung hudhud ini kita dapat memahami pula salah satu sifat dari sifat-sifat syakhsiyah beliau, iaitu sifat waspada, teliti dan tegas. Beliau tidak pernah lupa mana-mana perajuritnya yang menghilangkan diri dari angkatan bala tenteranya yang amat besar itu, yang terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung yang diatur dalam barisan yang padu supaya mereka tidak berpecah belah dan menyeleweng.

Beliau bertanya tentang hudhud itu dengan gaya seorang pemerintah dan dengan bahasa yang lembut dan padat **"Mengapa aku tidak nampak** hudhud **adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?"**

Yang jelas ialah hudhud tidak hadir dan semua mereka tahu dari pertanyaan raja Sulaiman itu bahawa hudhud itu tidak hadir tanpa kebenaran. Di sini tindakan yang tegas pasti diambil supaya tidak berlaku keadaan yang kucar-kacir. Tindakan ini tidak menjadi perkara rahsia lagi setelah raja Sulaiman sendiri melakukan pemeriksaannya. Jika satu tindakan yang tegas tidak diambil, ia akan menjadi contoh teladan yang tidak baik kepada perajurit-perajurit yang lain. Oleh sebab itu kita dapati raja Sulaiman yang tegas itu terus mengancam perajurit-perajurit yang tidak hadir dan melanggar disiplin itu dengan katanya:

لَأُعَذِّبَنَّهُۥ عَذَابٗا شَدِيدًا أَوۡ لَأَاْذۡبَحَنَّهُۥٓ أَوۡ لَيَأۡتِيَنِّي بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku."(21)

Tetapi Sulaiman a.s. bukannya seorang raja yang zalim di bumi ini, malah beliau adalah seorang nabi. Beliau belum lagi mendengar alasan hudhud yang menghilangkan diri itu. Oleh sebab itu beliau tidak mengambil sesuatu keputusan yang muktamad terhadap hudhud sebelum mendengar sendiri alasan dan sebab-sebab keuzurannya tidak hadir. Di sini terserlah sifat seorang nabi yang adil apabila beliau bersabda **"Atau dia membawa alasan yang terang kepadaku"** yakni mengemukakan hujjah yang kuat yang membuktikan keuzurannya yang dapat melepaskan dirinya dari tindakan bersalah.

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan pertama kisah itu (atau mungkin juga tirai masih tersingkap) dan hudhud pun sampai membawa berita yang amat penting yang begitu memeranjatkan Nabi Sulaiman a.s., malah memeranjatkan kita juga yang sedang menonton kisah ini sekarang.

فَمَكَثَ غَيۡرَ بَعِيدٖ فَقَالَ أَحَطتُ بِمَا لَمۡ تُحِطۡ بِهِۦ وَجِئۡتُكَ مِن سَبَإِۭ بِنَبَإٖ يَقِينٍ ﴿٢٢﴾

إِنِّي وَجَدتُّ ٱمۡرَأَةٗ تَمۡلِكُهُمۡ وَأُوتِيَتۡ مِن كُلِّ شَيۡءٖ وَلَهَا عَرۡشٌ عَظِيمٞ ﴿٢٣﴾

وَجَدتُّهَا وَقَوۡمَهَا يَسۡجُدُونَ لِلشَّمۡسِ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَصَدَّهُمۡ عَنِ ٱلسَّبِيلِ فَهُمۡ لَا يَهۡتَدُونَ ﴿٢٤﴾

أَلَّا يَسۡجُدُواْۤ لِلَّهِ ٱلَّذِي يُخۡرِجُ ٱلۡخَبۡءَ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَيَعۡلَمُ مَا تُخۡفُونَ وَمَا تُعۡلِنُونَ ﴿٢٥﴾

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ۩ ﴿٢٦﴾

"Tidak lama kemudian (datanglah hudhud) lalu berkata: Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahui-nya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya(22). Sesungguhnya saya dapati disana ada seorang raja perempuan memerintah mereka. Dia telah dikurniakan segala sesuatu dan dia mempunyai singgahsana yang besar(23). Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah. Syaitan telah

mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang keji) dan meng-halangkan mereka dari jalan (Allah). Oleh sebab itu mereka tidak mendapat hidayat(24). (Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu(25). Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar."(26)

Hudhud Melaporkan Kedudukan Kerajaan Ratu Balqis Di Saba' Kepada Sulaiman

Hudhud tahu ketegasan rajanya kerana itu ia memulakan percakapannya dengan cerita yang dapat memeranjatkan beliau, yang dapat mengatasi persoalan ketidakhadirannya dan dapat menjamin Raja Sulaiman bersedia mendengarnya **"Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya".** Manakah seorang raja yang tidak mahu mendengar apabila ada seorang rakyatnya berkata begitu?

Setelah berjaya menarik pendengaran raja dengan berita yang memeranjatkan itu, hudhud pun mulai menghuraikan dengan terperinci berita benar yang dibawanya dari negeri Saba' iaitu sebuah negeri yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab di negeri Yaman. Dia menceritakan bahawa dia dapati penduduk-penduduk negeri itu diperintah seorang raja perempuan yang telah **"Dikurniakan segala sesuatu"** yakni seorang raja yang mempunyai kerajaan yang besar, kaya, cukup dengan serba kelengkapan tamadun, kekuatan, kemewahan dan keni'matan hidup, dan **"Dia mempunyai singgahsana yang besar"** yakni sebuah takhta kerajaan agung, yang melambangkan kekayaan, kemewahan dan kemajuan seni pertukangan. hudhud seterusnya menyebut bahawa dia dapati rakyat jelatanya **"Menyembah matahari selain Allah"**, dan di sini dia menyebut bahawa punca yang membawa kesesatan mereka ialah syaitan yang telah menjadikan perbuatan mereka yang kecil itu dipandang baik dan cantik pada pandangan mereka dan dengan cara inilah syaitan telah menyesatkan mereka dan menyebabkan mereka tidak mendapat hidayat kepada menyembah Allah Tuhan Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuanNya, Tuhan **"Yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi"** yakni sama ada berupa hujan dari langit atau tumbuhan-tumbuhan di dalam bumi, atau berupa rahsia-rahsia langit dan bumi. Kata "ألخبء" itu mengertikan segala sesuatu yang tersembunyi di belakang tabir ghaib di alam buana yang lebar ini. Dan **"Dia mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu"** yakni Dia mengetahui segala apa yang tersembunyi di langit dan di bumi juga mengetahui segala apa yang tersembunyi di dalam hati manusia sama ada zahir atau batin.

hudhud pada ketika ini masih lagi berdiri selaku orang yang bersalah yang belum lagi menerima hukuman dari rajanya, oleh kerana itu dia menyindir secara halus pada akhir ceritanya tentang sifat Allah selaku Pemerintah Yang Maha Agung, Maha Gagah Perkasa dan selaku Tuhan seluruh makhluk yang mempunyai 'Arasy Yang Maha Besar yang tidak dapat dibandingkan dengan singgahsana-singgahsana manusia dengan tujuan supaya Raja Sulaiman mengurangkan kebesaran insannya di hadapan kebesaran Ilahi Yang Maha Agung ini:

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar."(26)

Dengan isyarat yang halus ini hudhud dapat menyentuh hati Nabi Sulaiman a.s. ketika ia mengulas tentang keadaan raja perempuan negeri Saba'dan rakyat jelatanya.

Kita dapati diri kita berdepan dengan seekor burung hudhud yang aneh. Dia mempunyai kefahaman, kecerdasan, keimanan dan kepintaran membentangkan berita di samping mempunyai kewaspadaan dan ketelitian terhadap kedudukan-nya dan mempunyai kebijaksanaan memberi sindiran dan isyarat yang bijak. Dia dapat memahami bahawa ini raja perempuan dan ini pula rakyat jelatanya. Dia memahami bahawa mereka menyembah matahari bukan menyembah Allah. Dia memahami bahawa sujud itu hanya untuk Allah Tuhan yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan Tuhan yang mem-punyai 'Arasy Yang Maha Besar. Burung-burung hudhud biasa tentulah tidak mempunyai kefahaman dan fikiran yang seperti ini. Oleh itu hudhud ini tetaplah seekor hudhud istimewa yang dikurniakan daya kefahaman istimewa sebagai satu mu'jizat yang menyalahi biasa.

Tetapi Nabi Sulaiman a.s. tidak bersikap gopoh menerima berita hudhud atau mendustakannya, malah beliau ingin menguji berita itu lebih dahulu untuk mempastikan kebenarannya sesuai dengan sifat seorang nabi yang adil dan seorang raja yang tegas.

قَالَ سَنَنظُرُ أَصَدَقْتَ أَمْ كُنتَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾ ٱذْهَب بِّكِتَٰبِى هَٰذَا فَأَلْقِهْ إِلَيْهِمْ ثُمَّ تَوَلَّ عَنْهُمْ فَٱنظُرْ مَاذَا يَرْجِعُونَ ﴿٢٨﴾

"Ujar Sulaiman: Kami akan lihat apakah engkau benar atau mereka (yang keji) dan menghalangkan engkau termasuk di dalam golongan mereka yang berbohong(27). Pergilah engkau membawa suratku ini dan campakkan-nya kepada mereka kemudian berundurlah dari mereka dan lihatlah apakah yang dibicarakan mereka?"(28)

hudhud Diperintah Menyampaikan Surat Da'wah Kepada Ratu Balqis

Pada masa ini beliau tidak menjelaskan isi kandungan surat itu, malah isi kandungannya tetap tertutup seperti surat itu sendiri supaya ia hanya

dibuka dan diumumkan di negeri Saba' sana. Dengan ini kejutan yang seni itu adalah disediakan untuk tempatnya yang sesuai. Kemudian tabir dilabuhkan menutup pemandangan ini dan setelah itu diangkatkan kembali, di sana kelihatan raja perempuan negeri Saba' telah menerima surat itu dan sedang bermesyuarat dengan para pembesarnya untuk memutuskan persoalan yang amat penting itu:

قَالَتْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَؤُا۟ إِنِّىٓ أُلْقِىَ إِلَىَّ كِتَٰبٌ كَرِيمٌ ﴿٢٩﴾

إِنَّهُۥ مِن سُلَيْمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

أَلَّا تَعْلُوا۟ عَلَىَّ وَأْتُونِى مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

"Berkatalah (ratu Balqis): Wahai sekalian pembesar! Sesungguhnya ada sepucuk surat yang mulia telah dicampakkan kepadaku(29). Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)."(31)

Ratu itu menerangkan kepada para pembesarnya bahawa ada sepucuk surat telah dicampakkan kepada baginda. Di sini kita lebih percaya bahawa baginda tidak mengetahui siapakah yang mencampakkan surat itu kepadanya dan bagaimana surat itu dicampakkan kepadanya. Andainya baginda tahu bahawa yang membawa surat itu ialah hudhud- sebagaimana disebutkan dalam kitab-kitab tafsir - tentulah baginda mengumumkan peristiwa yang aneh yang tidak berlaku setiap hari ini, tetapi baginda hanya menceritakan dengan kata · kerja majhul (passive voice) sahaja. Ini membuat kita lebih percaya bahawa baginda tidak mengetahui bagaimana surat itu dicampakkan kepadanya dan siapakah yang mencampakkannya.

Baginda menyifatkan surat itu sebagai **"Sepucuk surat yang mulia"** mungkin sifat ini terlintas di dalam hati baginda setelah baginda melihat mohornya atau bentuk rupanya atau membaca isi kandungannya yang diumumkan kepada para pembesarnya:

Ratu Balqis Mengadakan Sidang Tergempar Dengan Para Pembesarnya

إِنَّهُۥ مِن سُلَيْمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

أَلَّا تَعْلُوا۟ عَلَىَّ وَأْتُونِى مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)."(31)

Baginda tidak menyembah Allah, tetapi kemasyhuran pemerintahan Sulaiman memang terkenal di kawasan ini. Gaya bahasa surat yang diceritakan oleh Al-Qur'an itu memperlihatkan sikap unggul dan lebih tegas dan pasti. Gaya Bahasa inilah barangkali yang mendorong baginda menyifatkan surat itu sebagai **"Sepucuk surat yang mulia".**

Isi kandungan surat itu amat mudah, kuat dan tegas. Ia dimulakan dengan Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan permintaannya hanya satu sahaja iaitu ia meminta mereka jangan berlagak angkuh dan menderhaka terhadap orang yang mengirim surat itu, malah mereka hendaklah datang menemuinya untuk menyerah diri kepada Allah, yang kini beliau bercakap kepada mereka di atas nama-Nya.

Baginda membentangkan kandungan surat itu kepada para pembesar kaumnya kemudian baginda bertitah meminta pendapat mereka dan mengumumkan kepada mereka bahawa baginda tidak akan membuat apa-apa keputusan melainkan selepas diadakan mesyuarat ini dan mendapat persetujuan mereka:

قَالَتْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَؤُا۟ أَفْتُونِى فِىٓ أَمْرِى مَا كُنتُ قَاطِعَةً

أَمْرًا حَتَّىٰ تَشْهَدُونِ ﴿٣٢﴾

"Berkatalah (Ratu Balqis): Wahai para pembesar! Berilah kepadaku pendapat kamu dalam urusanku ini. Aku tidak pernah membuat sesuatu keputusan sehingga kamu datang bermesyuarat denganku."(32)

Di sini terserlah sifat baginda yang bijaksana itu. Dari awal lagi nampak jelas bahawa bagindalah yang mengambil surat yang dicampakkan kepadanya entah dari mana itu, dan kandungan surat itu juga nampak jelas memperlihatkan sikap yang tegas dan unggul. Baginda telah memindahkan kesan-kesan ketegasan dan keunggulan kandungan surat ini kepada para pembesar kaumnya apabila baginda menyifatkan surat itu sebagai sepucuk surat yang mulia. Sikap baginda juga jelas iaitu baginda tidak mahu menentang dan berseteru (dengan Sulaiman), tetapi baginda tidak mahu mengatakan sikap ini secara terus terang, malah baginda hanya memberi jalan ke arah itu dengan menyifatkan surat itu sebagai surat yang mulia, kemudian baginda meminta fikiran mereka.

Sesuai dengan kebiasaan pembesar-pembesar negeri mereka menyatakan kesediaan mereka untuk bertindak, tetapi mereka menyerahkan perkara ini untuk diputuskan oleh baginda sendiri:

قَالُوا۟ نَحْنُ أُو۟لُوا۟ قُوَّةٍ وَأُو۟لُوا۟ بَأْسٍ شَدِيدٍ وَٱلْأَمْرُ إِلَيْكِ

فَٱنظُرِى مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

"Jawab mereka: Kita adalah umat yang kuat dan gagah berani. Keputusan berada di tangan anda. Oleh itu fikirkanlah apa yang anda hendak perintahkan."(33)

Di sini nampak jelas sifat syakhsiyah seorang perempuan di sebalik sifat syakhsiyah seorang raja perempuan, iaitu sifat perempuan yang bencikan

peperangan dan perbuatan menghancur dan membinasa, sifat perempuan yang suka menggunakan senjata helah dan berlemah lembut sebelum menggunakan senjata kekuatan dan tindakan yang kasar:

قَالَتْ إِنَّ ٱلْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا۟ قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوٓا۟ أَعِزَّةَ أَهْلِهَآ أَذِلَّةً ۖ وَكَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٣٤﴾ وَإِنِّى مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِم بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌۢ بِمَ يَرْجِعُ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Berkatalah (ratu Balqis): Sesungguhnya (adat) raja-raja itu apabila mereka memasuki sesebuah negeri, mereka akan merosakkannya dan menjadikan penduduk-penduduknya yang mulia hina-dina. Dan begitulah pula mereka akan lakukan (terhadap negeri kita)(34). Dan sesungguhnya aku akan menghantarkan utusan membawa hadiah kepada mereka dan aku akan menunggu apakah yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan itu?"(35)

Baginda tahu bahawa tabi'at raja-raja apabila mereka menyerang sebuah negeri mereka berleluasa melakukan kerosakan, mereka menghalalkan segala yang dipandang suci dan mulia, mereka menceroboh segala yang diharamkan dan mereka menghancurkan segala kekuatan yang mempertahankan negeri itu terutama pembesar-pembesarnya. Mereka akan jadikan pembesar-pembesar itu hina-dina kerana merekalah kumpulan yang menjadi unsur yang menentang mereka. Inilah adat kebiasaan yang dilakukan mereka.

Pemberian hadiah boleh melembutkan hati kerana ia melambangkan perasaan kasih mesra. Kadang-kadang hadiah itu berjaya mengelakkan peperangan. Ini boleh dicuba. Andainya Sulaiman menerima hadiah itu, maka ini menunjukkan bahawa apa yang diperjuangkan beliau adalah perkara urusan dunia, dan sebaliknya jika beliau tidak menerimanya, maka ini menunjukkan bahawa beliau benar-benar memperjuangkan urusan 'aqidah yang tidak dapat diselewengkan oleh harta dan mata benda yang ada di bumi.

Ratu Balqis Menghantar Misi Damai Kepada Sulaiman

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini dan setelah itu disingkapkan kembali untuk menayangkan pemandangan para utusan ratu negeri Saba' membawa hadiah-hadiah sedang mengadap Nabi Sulaiman a.s. Beliau mengecamkan tujuan mereka yang cuba membelinya dengan harta atau cuba menghalangkannya dari berda'wah kepada mereka supaya memeluk agama Islam. Kemudian beliau mengumumkan dengan penuh ketegasan ancaman dan amarannya yang akhir:

فَلَمَّا جَآءَ سُلَيْمَٰنَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٍ فَمَآ ءَاتَىٰنِۦَ ٱللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّآ ءَاتَىٰكُم بَلْ أَنتُم بِهَدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾ ٱرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُم بِجُنُودٍ لَّا قِبَلَ لَهُم بِهَا وَلَنُخْرِجَنَّهُم مِّنْهَآ أَذِلَّةً وَهُمْ صَٰغِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Apabila utusan itu datang menemui Sulaiman, diapun berkata: Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu, malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu (ini)(36). Pulanglah sahaja kepada mereka: Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka dan kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina dan mereka akan tunduk patuh."(37)

Jawapan ini membayangkan sikap beliau yang memandang rendah kepada harta kekayaan dan kecaman beliau terhadap tujuan kedatangan mereka yang tidak ada hubungan dengan bidang 'aqidah dan da'wah, **"Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku?"** Yakni adakah kamu mahu menyogokkan aku dengan harta benda dunia yang murah ini, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu? Yakni Allah telah mengurniakan kepadaku harta benda yang lebih baik dari harta benda yang ada pada kamu, malah Allah telah mengurniakan kepadaku pemberian yang lebih baik dari segala harta kekayaan, iaitu pemberian ilmu pengetahuan dan pangkat kenabian dan ni'mat penundukan jin dan burung-burung kepada perintahku. Justeru itu tiada apa lagi di bumi ini yang dapat mengembirakan aku, **"Malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu ini"** yakni kamulah yang merasa gembira dengan nilai-nilai harta kekayaan yang murah ini, yang hanya diminati ahli-ahli dunia yang tidak berhubung dengan Allah dan tidak menerima hidayat dari-Nya.

Kemudian kecaman itu diiringi dengan ancaman, **"Pulanglah sahaja kepada mereka"** membawa hadiah-hadiah ini balik dan tunggulah akibatnya yang ngeri. **"Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka"** yakni bala tentera yang tidak pernah ditundukkan kepada manusia yang lain di mana-mana tempat sekalipun dan bala tentera yang tidak dapat dilawan baginda dan hamba rakyatnya. **"Kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina"**, kalah dan tewas.

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan yang tegang itu. Para utusan berundur dari situ. Al-Qur'an meninggalkan mereka begitu sahaja dan tidak berkata apa-apa tentang mereka seolah-olah perkara itu telah selesai dan ceritanya telah tamat.

Kemudian Nabi Sulaiman a.s. sedar bahawa jawapan ini akan menyelesaikan urusannya dengan

ratu negeri Saba' yang tidak mahu berseteru dengan beliau sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas dari cara baginda melayani suratnya yang tegas itu dengan balasan hadiah.

Beliau percaya bahawa baginda akan menyahut da'wah-Nya dan apa yang dipercayainya itu adalah tepat.

Sulaiman Membawa Singgahsana Balqis Ke Istananya Semasa Baginda Dalam Perjalanan Mengadapnya

Tetapi Al-Qur'an tidak menyebut bagaimana para utusan itu pulang kepada ratu negeri Saba' itu dan apakah penjelasan yang disampaikan kepada baginda dan apakah keputusan yang telah diambil oleh baginda selepas itu, malah Al-Qur'an meninggalkan satu ruang kosong yang kemudiannya kita dapat mengetahui bahawa baginda sedang berangkat menuju kepada Nabi Sulaiman a.s. Beliau memang tahu tentang keberangkatan ini lalu beliau mengadakan perbincangan dengan tenteranya untuk membawa singgahsana baginda yang ditinggalkannya di negeri Saba' dan dikawal rapi itu:

قَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ أَيُّكُمۡ يَأۡتِينِي بِعَرۡشِهَا قَبۡلَ أَن يَأۡتُونِي مُسۡلِمِينَ ٣٨

قَالَ عِفۡرِيتٞ مِّنَ ٱلۡجِنِّ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن تَقُومَ مِن مَّقَامِكَۖ وَإِنِّي عَلَيۡهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٞ ٣٩

"Berkatalah (Sulaiman): Wahai para pembesar! Siapakah di antara kamu yang boleh membawa ke mari singgah-sananya (Balqis) sebelum mereka datang sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(38). Berkatalah seorang yang pintar dari jin: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum anda bangkit dari tempat duduk anda. Sesungguhnya aku adalah seorang yang gagah membawanya lagi amanah(39).

قَالَ ٱلَّذِي عِندَهُۥ عِلۡمٞ مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن يَرۡتَدَّ إِلَيۡكَ طَرۡفُكَۚ

Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip."(40)

Pakar-pakar Kerajaan Sulaiman Sanggup Membawa Singgahsana Balqis Dalam Masa Yang Amat Pantas

Apakah tujuan Nabi Sulaiman a.s. membawa ke istananya singgahsana ratu Saba' itu sebelum baginda tiba di sini untuk menyerahkan dirinya kepada Allah bersama-sama rakyat jelatanya? Pada hemat kami ini adalah satu cara beliau hendak menunjukkan gejala-gejala kekuatan mu'jizat yang menyokong kenabiannya untuk mempengaruhi hati baginda dan mendorongnya beriman kepada Allah dan tunduk kepada da'wah-Nya.

Seorang yang pintar dari makhluk jin telah menawar untuk membawa singgahsana itu sebelum habis masa sidang perbicaraan Nabi Sulaiman a.s. Mengikut cerita, beliau biasanya duduk mengendalikan urusan kehakiman dan perbicaraan dari waktu pagi sehingga waktu Zuhur. Oleh sebab itulah beliau nampaknya merasa masa itu sangat panjang dan lambat, **"Tiba-tiba seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab"** menawar kepada beliau untuk membawa singgahsana itu dalam masa tidak sampai sekelip mata. Al-Qur'an tidak menyebut nama orang itu dan tidak juga menjelaskan tentang kitab yang menjadi sumber ilmu orang ini. Yang kita dapat faham ialah orang ini adalah seorang Mu'min yang sentiasa berhubung dengan Allah. Dia dikurniakan rahsia Ilahi dari Allah dan dengan rahsia inilah dia mendapat kekuatan yang amat besar, yang tidak dapat dihalangi oleh segala halangan dan jarak-jarak yang jauh. Kekuatan yang seperti ini kadang-kadang dapat dilihat berlaku pada setengah-tengah orang yang berhubung rapat dengan Allah, tetapi rahsianya ini tidak dapat diketahui dan dijelaskan sebab-sebabnya kerana ia terkeluar dari kebiasaan manusia dalam kehidupan seharian mereka. Itulah sejauh-jauh pentafsiran yang dapat dikatakan dalam lingkungan yang aman yang tidak terkeluar kepada alam cerita-cerita dongeng dan khurafat.

Setengah-setengah ahli tafsir membuat berbagai-bagai pentafsiran tentang ayat **"Seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab".** Setengahnya mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan al-kitab itu ialah kitab suci Taurat. Setengah yang lain pula berkata orang ini mengetahui rahsia Ismullahil-a'zam. Sementara yang lain pula berpendapat begitu dan begini dan apa yang dikatakan mereka itu bukanlah merupakan satu pentafsiran dan penjelasan yang diyakini kebenarannya. Perkara itu lebih mudah dari segala pentafsiran itu apabila kita melihatnya dengan kacamata kenyataan. Berapa banyak rahsia-rahsia di alam buana ini yang kita tidak mengetahuinya. Berapa banyak kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan di alam buana ini yang belum kita gunakannya. Berapa banyak rahsia dan kekuatan di dalam jiwa manusia yang kita tidak mengetahuinya. Apabila Allah mahu menunjukkan kepada hamba kesayangan-Nya mana-mana rahsia dan mana-mana kekuatan ini, maka akan berlakulah peristiwa luar biasa dalam kehidupan biasa dengan izin Allah, dengan tadbir-Nya dan dengan kuasa penundukkan-Nya, di mana orang-orang yang tidak dikehendaki Allah berlakunya peristiwa itu di tangan mereka tidak akan berkuasa melakukannya.

Orang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itu adalah mempunyai kesediaan jiwa dengan sebab ilmu yang ada padanya untuk menghubungi setengah-setengah rahsia dan kuasa-kuasa alam dan dengan rahsia dan kuasa inilah berlakunya kejadian yang luar biasanya di tangannya, kerana ilmu dari al-kitab yang ada padanya itulah yang menghubungkan hatinya dengan

Allah dengan cara yang menjadikannya bersedia untuk menerima kurnia Allah dan untuk menggunakan kuasa-kuasa dan rahsia-rahsia yang dikurniakan Allah kepadanya.

Setengah-setengah ahli tafsir menyebut bahawa orang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itu ialah Nabi Sulaiman a.s. sendiri, tetapi pada hemat kami orang itu bukannya Nabi Sulaiman. Andainya orang itu ialah Nabi Sulaiman tentulah Al-Qur'an menyebut beliau dengan namanya dan tidak menyembunyinya kerana kisah yang diceritakan itu adalah kisah diri beliau. Tiada sebab untuk menyembunyikan namanya di dalam kisah itu ketika menceritakan babak yang gemilang ini. Setengah mereka pula mengatakan bahawa nama orang itu ialah Aasif bin Burkhia, tetapi pendapat ini tidak mempunyai dalil.

فَلَمَّا رَءَاهُ مُسْتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ هَٰذَا مِن فَضْلِ رَبِّى لِيَبْلُوَنِىٓ ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ ۖ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّى غَنِىٌّ كَرِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Kemudian apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya diapun berkata: Ini adalah dari limpah kurnia Tuhanku untuk mencubaku sama ada aku bersyukur kepada-Nya atau kufurkan ni'mat-Nya. Dan barang siapa yang bersyukur, maka sebenarnya ia bersyukur untuk kebaikan dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya dan Maha Pemurah."(40)

Peristiwa besar yang mengkagetkan ini telah membuat hati Nabi Sulaiman a.s. terharu. Beliau merasa begitu terperanjat kerana Allah telah memenuhi kehendak-kehendaknya dengan cara yang penuh mu'jizat ini. Beliau sedar bahawa ni'mat yang seperti ini merupakan satu ujian besar yang menakutkan, satu ujian yang memerlukan sikap yang penuh waspada untuk menempuhnya, satu ujian yang memerlukan pertolongan Allah untuk mendapat kekuatan darinya dan satu ujian yang memerlukan sikap mengenal ni'mat dan perasaan mengenang budi terhadap pengurniaan ni'mat supaya perasaannya itu diketahui Allah dan dengan itu dia akan mendapat naungan dari-Nya, tetapi Allah Maha Kaya (tidak berhajat) kepada kesyukuran orang-orang yang bersyukur, kerana barang siapa yang bersyukur, maka kesyukurannya itu adalah sebenarnya untuk kebaikan dirinya, iaitu dia akan mendapat tambahan ni'mat dari Allah di samping mendapat pertolongan yang baik dari-Nya untuk menempuh ujian itu, dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah itu **"Maha Kaya"** yakni Allah tidak memerlukan kesyukuran dan **"Maha Pemurah"** yakni Allah memberi dengan penuh kemurahan bukannya menunggu balasan kesyukuran di atas pengurniaan-Nya.

Selepas menzahirkan keterharuannya di hadapan ni'mat Allah dan menyedari bahawa di sebalik ni'mat itu ada ujian, maka Nabi Sulaiman a.s. terus bertindak menyiapkan perkara-perkara yang boleh memeranjatkan ratu negeri Saba' yang tidak lama lagi akan datang mengunjunginya:

Keberkatan Ratu Balqis Di Istana Sulaiman

"Berkatalah Sulaiman: Ubahkan singgahsananya itu supaya kita dapat melihat sama ada dia dapat mengenal singgahsananya atau dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak dapat mengenalinya."(41)

Maksudnya, ubahkan tanda-tanda istimewa yang membezakannya (dari singgahsana- singgahsana yang lain) supaya kita dapat mengetahui adakah pemerhatian dan kebijaksanaan baginda dapat mengecam singgahsananya selepas diadakan perubahan-perubahan itu atau baginda menjadi keliru dan tidak dapat mengecamkannya di sebalik perubahan itu.

Mungkin langkah ini merupakan ujian Nabi Sulaiman a.s. sejauh mana kecerdasan dan bagaimana tindak-tanduk baginda semasa berdepan dengan singgahsananya yang sudah tentu memeranjatkannya itu. Kemudian ditayangkan pemandangan ratu negeri Saba' itu di sa'at ketibaannya:

فَلَمَّا جَآءَتْ قِيلَ أَهَٰكَذَا عَرْشُكِ ۖ قَالَتْ كَأَنَّهُۥ هُوَ ۚ

"Apabila (Balqis) tiba, dia pun ditanya: Apakah singgahsana anda seperti ini? Dia pun menjawab: Ya, seakan-akan singgahsana ini."(42)

Itu adalah peristiwa besar yang amat memeranjatkan dan tidak pernah terlintas di dalam hati baginda. Bukankah singgahsananya berada di dalam kerajaannya. Bukankah ia dikunci dan dijaga oleh pengawal-pengawalnya? Bukankah ini Baitul-Maqdis tempat kediaman Raja Sulaiman? Bagaimana singgahsananya dapat di bawa ke mari dan siapakah pula yang membawanya?

Tetapi singgahsana itu adalah singgahsana kepunyaan baginda yang telah diubah rupanya! Adakah anda lihat baginda menafikan singgahsana itu sebagai singgahsana baginda berdasarkan keadaan-keadaan perubahan itu? Atau adakah anda lihat baginda mengaku bahawa singgahsana itu adalah singgahsana baginda bersadarkan tanda-tanda yang dilihatnya? Akhirnya baginda memberi satu jawapan yang cerdik dan bijak **"Ya, seakan-akan singgahsana ini"**, baginda tidak menafi dan tidak pula mengia dan ia menunjukkan betapa tajamnya pemerhatian dan kebijaksanaan baginda dalam menghadapi suasana-suasana yang mengkagetkan itu.

Di sini terdapat pula ruang kosong dalam penerangan kisah ini seolah-olah baginda telah diberitahu tentang rahsia yang memeranjatkan baginda itu lalu baginda pun mengaku bahawa baginda telah pun bersedia untuk menyerah diri

kepada Allah dan memeluk agama Islam sebelum ini, iaitu sejak baginda berazam untuk datang mengadap Sulaiman selepas penghantaran hadiahnya ditolak beliau.

وَأُوتِينَا ٱلْعِلْمَ مِن قَبْلِهَا وَكُنَّا مُسْلِمِينَ ﴿٤٢﴾

"Dan kami telah pun dikurniakan ilmu sebelum ini dan kami menjadi golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)."(42)

Kemudian Al-Qur'an menyampuk untuk menjelaskan apakah sebab yang menghalangkan baginda sebelum ini dari beriman kepada Allah dan memeluk Islam ketika sampai kepadanya surat dari Sulaiman itu. Baginda adalah lahir dan besar di dalam kalangan kaum yang kafir dan yang menghalangi baginda dari menyembah Allah ialah kerana baginda menyembah tuhan yang lain dari Allah iaitu menyembah matahari sebagaimana telah dijelaskan di permulaan kisah:

وَصَدَّهَا مَا كَانَت تَّعْبُدُ مِن دُونِ ٱللَّهِ إِنَّهَا كَانَتْ مِن قَوْمٍ كَٰفِرِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan yang telah menghalangkannya (dari beriman) selama ini ialah amalannya yang menyembah tuhan yang lain dari Allah. Sesungguhnya dia dahulu adalah dari golongan orang-orang yang kafir."(43)

Nabi Sulaiman a.s. telah pun menyediakan satu lagi kejutan untuk ratu negeri Saba' itu dan kejutan ini belum lagi didedahkan penjelasan Al-Qur'an sebagaimana ia telah mendedahkan kejutan pertama sebelum diterangkan keberangkatan baginda itu. Ini adalah satu lagi cara penyampaian Al-Qur'an di dalam kisah itu, ianya satu cara yang berlainan dari cara yang pertama:[3]

قِيلَ لَهَا ٱدْخُلِى ٱلصَّرْحَ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَن سَاقَيْهَا قَالَ إِنَّهُۥ صَرْحٌ مُّمَرَّدٌ مِّن قَوَارِيرَ قَالَتْ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَٰنَ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٤﴾

"Lalu dikatakan kepadanya: Silalah masuk ke dalam istana. Apabila dia melihat (lantai) istana itu dia menyangkakan sebuah kolam air lalu dia pun menyingsingkan kedua betisnya. Sulaiman berkata: Sesungguhnya istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca. Lalu Balqis berkata: Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menganiayai diriku sendiri dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam."(44)

Perkara yang memeranjatkan itu ialah istana beliau yang diperbuat dari kaca. Lantai istana itu dibina di atas air dan ini membuatnya kelihatan seakan-akan sebuah kolam air. Oleh sebab itu apabila baginda dipersilakan masuk baginda menyangka bahawa baginda akan mengharungi sebuah kolam air lalu baginda pun menyingsingkan betisnya. Apabila perkara yang memeranjatkan ini berlaku, maka Nabi Sulaiman pun menjelaskan rahsianya. **"Sulaiman berkata: Sesungguhnya Istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca."**

Baginda berdiri kaget dan kagum melihat ke'ajaiban yang melemahkan manusia itu, iaitu ke'ajaiban yang menunjukkan bahawa Sulaiman telah ditundukkan kepadanya kekuatan-kekuatan yang lebih besar dari kekuatan daya tenaga manusia biasa, lalu baginda pun bertaubat kepada Allah dan berseru kepada-Nya seraya mengaku bahawa baginda telah menzalimi diri sendiri kerana menyembah tuhan yang lain dari Allah pada masa-masa yang silam, kemudian baginda mengumumkan keislamannya **"Bersama Sulaiman"** bukannya kepada Sulaiman tetapi **"Kepada Allah Tuhan semesta alam"**.

Kini hati baginda telah diterangi cahaya hidayat dan tahulah baginda bahawa Islam atau penyerahan diri itu ialah untuk Allah sahaja bukan untuk sesiapa dari makhluk-Nya walaupun ianya Sulaiman sendiri selaku nabi dan raja yang memiliki mu'jizat-mu'jizat ini. Sesungguhnya Islam atau penyerahan diri itu ialah penyerahan untuk Allah Tuhan semesta alam dan bersahabat dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan dengan penda'wah-penda'wah yang menyeru manusia ke jalan Allah di atas dasar sama tinggi sama rendah. **"Dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam".**

Al-Qur'an merakam dan menonjolkan perhatian ini untuk menjelaskan tabi'at keimanan kepada Allah dan penyerahan diri kepada-Nya. Keimanan itu merupakan kemuliaan yang mengangkatkan orang-orang yang kalah ke taraf orang-orang yang menang, malah keimanan itulah yang menjadikan orang yang menang dan orang yang kalah itu dua saudara seperjuangan kerana Allah, tiada lagi yang menang dan yang kalah di antara keduanya, kerana kedua-duanya adalah saudara seperjuangan kerana Allah Tuhan semesta alam.

Para pembesar Quraisy telah menolak da'wah Rasulullah s.a.w. yang menyeru mereka kepada agama Islam. Di dalam jiwa mereka terdapat perasaan sombong dan takbur untuk mengikut Muhammad anak Abdullah yang bererti memberi kepadanya taraf ketua dan penguasa di atas mereka. Kini lihatlah (Balqis) seorang ratu dalam sejarah telah mengajar mereka bahawa penyerahan diri kepada Allah telah membuat penda'wah dan penerima da'wah itu sama tinggi dan sama rendah, di mana pemimpin dan yang

---

[3] *Lihat para "القصة في القرآن" dalam-kitab "التصوير الفني في القرآن" muka surat 148 - 176 cetakan yang kedua.*

dipimpin adalah sama setaraf sahaja kerana mereka telah menyerah diri bersama Rasulullah s.a.w. kepada Allah Tuhan semesta alam.

(Kumpulan ayat-ayat 45 - 53)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا أَنِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ فَإِذَا هُمْ فَرِيقَانِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٥﴾
قَالَ يَٰقَوْمِ لِمَ تَسْتَعْجِلُونَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
لَوْلَا تَسْتَغْفِرُونَ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٦﴾
قَالُوا۟ ٱطَّيَّرْنَا بِكَ وَبِمَن مَّعَكَ ۚ قَالَ طَٰٓئِرُكُمْ عِندَ ٱللَّهِ ۖ
بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تُفْتَنُونَ ﴿٤٧﴾
وَكَانَ فِى ٱلْمَدِينَةِ تِسْعَةُ رَهْطٍ يُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿٤٨﴾
قَالُوا۟ تَقَاسَمُوا۟ بِٱللَّهِ لَنُبَيِّتَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥ ثُمَّ لَنَقُولَنَّ
لِوَلِيِّهِۦ مَا شَهِدْنَا مَهْلِكَ أَهْلِهِۦ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٤٩﴾
وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا
يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَٰهُمْ
وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾
فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةًۢ بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾
وَأَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh (lalu ia berseru): Sembahlah Allah! Tiba-tiba mereka menjadi, dua puak yang berseteru(45). Berkatalah (Soleh): Mengapakah kamu meminta disegerakan keburukan (azab) sebelum meminta kebaikan? Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Allah supaya kamu dikurniakan rahmat(46). Mereka berkata: Kami ditimpa malang celaka dengan sebab engkau dan pengikut-pengikut engkau. Jawab (Soleh): Malang celaka kamu itu adalah di sisi Allah, malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang sedang diuji(47). Di bandar itu (negeri Thamud) terdapat sembilan orang lelaki yang melakukan kerosakan di negeri itu dan mereka tidak melakukan kebaikan(48). Mereka berkata: Hendaklah kamu bersumpah dengan nama Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya itu dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar(49). Dan mereka telah merancangkan tipu daya mereka dengan rapi dan Kami juga telah merancangkan tindak balas Kami dengan rapi, sedangkan mereka tidak sedar(50). Oleh itu lihatlah bagaimanakah akibat tipu daya mereka. Sesungguhnya Kami telah membinasakan mereka dan kaum mereka semuanya(51). Maka itulah rumah-rumah mereka runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman. Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui(52). Dan Kami telah meyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka sentiasa bertaqwa."(53).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an diceritakan kisah Nabi Soleh a.s. dengan kaum Thamud di dalam rangkaian kisah-kisah Anbiya' umumnya, iaitu Nuh, Hud, Lut dan Syu'ayb. Kadang-kadang kisah Ibrahim diceritakan juga di dalam rangkaian itu, tetapi di dalam surah ini ditekankan kisah-kisah Bani Israel, di mana kisah Musa, kisah Daud dan Sulaiman diceritakan dengan panjang, sedangkan kisah Hud dan kisah Syu'ayb diceritakan dengan ringkas dan kisah Ibrahim tidak disebut langsung di dalam siri kisah-kisah itu.

Di dalam surah ini tidak disebut cerita unta mu'jizat di dalam kisah Nabi Soleh a.s., malah yang disebut ialah rancangan sembilan sekawan kaki-kaki perosak yang merancang hendak membunuh Soleh dan keluarganya di waktu malam. Mereka telah mengaturkan rancangan jahat terhadap beliau, sedangkan beliau tidak sedar, lalu Allah mengaturkan tindak balas terhadap mereka tanpa disedari mereka juga dan Allah telah membinasakan mereka bersama kaum mereka seluruhnya, tetapi Allah telah menyelamatkan orang-orang yang beriman yang sentiasa bertaqwa. Allah telah meninggalkan rumah-rumah kediaman para perosak itu runtuh ranap supaya menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian dari mereka. Kaum Musyrikin di Makkah itu pernah lalu dan melihat kesan-kesan rumah-rumah kediaman yang runtuh ranap itu, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 53)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا أَنِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ فَإِذَا هُمْ فَرِيقَانِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh (lalu ia berseru): Sembahlah Allah! Tiba-tiba mereka menjadi dua puak yang berseteru."(45)

Kisah Nabi Soleh Dan Saripati Da'wahnya

Ayat ini menyaripatikan risalah Nabi Soleh a.s. dalam satu hakikat sahaja iaitu **"Sembahlah Allah"**,

inilah satu-satunya tapak asas bagi semua agama samawi yang dihantar ke bumi dalam setiap generasi manusia bersama setiap rasul. Walaupun seluruh kejadian alam di sekeliling manusia dan seluruh dalil yang tersembunyi di dalam diri mereka menyeru mereka supaya beriman dengan hakikat ini, namun manusia generasi demi generasi, zaman demi zaman yang hanya diketahui Allah, tetap mengambil sikap mengingkar dan menolak hakikat yang amat mudah dan jelas ini atau mengambil sikap mengejek dan mendustakannya. Sehingga hari ini pun manusia masih lagi melarikan diri dari hakikat yang kekal ini dan cenderung kepada berbagai-bagai jalan yang menyesatkan mereka dari jalan Allah yang tunggal dan lurus.

Adapun kisah kaum Soleh iaitu Thamud hanya diceritakan ringkasan pendirian mereka terhadap da'wah Soleh dan kesulitan yang dihadapi beliau bersama mereka, yang mana akibatnya mereka telah menjadi dua puak yang berseteru satu sama lain. Satu puak menyahut seruannya dan satu puak lagi menentangnya, dan puak yang menentang inilah merupakan golongan yang terbesar sebagaimana kita dapat mengetahuinya dari keterangan-keterangan di beberapa tempat yang lain di dalam Al-Qur'an mengenai kisah ini.

Di sini terdapat satu ruang kosong di dalam surah ini mengikut uslub kisah-kisah Al-Qur'an, dan dari ruang kosong ini kita dapat faham bahawa golongan yang mendusta dan enggan menerima da'wah Soleh itu telah meminta supaya disegerakan azab Allah yang diancam oleh Nabi Soleh a.s. itu, bukannya meminta hidayat Allah dan rahmat-Nya. Tindak-tanduk mereka samalah dengan tindak-tanduk kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Oleh sebab itu Nabi Soleh a.s. telah mengecam perbuatan mereka yang menuntut supaya azab Allah itu ditimpakan ke atas mereka dengan segera dan mengecam sikap mereka yang tidak mahu menuntut hidayat itu. Beliau cuba membimbing mereka supaya beristighfar kepada Allah supaya mereka dicucuri rahmat Allah:

قَالَ يَٰقَوۡمِ لِمَ تَسۡتَعۡجِلُونَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبۡلَ ٱلۡحَسَنَةِۖ لَوۡلَا تَسۡتَغۡفِرُونَ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ﴿٤٦﴾

"Berkatalah (Soleh): Mengapakah kamu meminta disegerakan keburukan (azab) sebelum meminta kebaikan? Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Allah supaya kamu dikurniakan rahmat."(46)

Kerosakan hati golongan pendusta itu telah sampai ke tahap sanggup berdo'a: "Ya Allah jika da'wah Soleh ini benar, maka hujankan ke atas kami hujan batu dari langit atau bawalah kepada kami azab yang amat pedih" bukannya berdo'a: "Ya Allah jika da'wah Soleh ini benar dari-Mu, maka tunjukkan kami supaya kami beriman dan membenarkannya."

Itulah ucapan kaum Soleh. Mereka tidak menyahut seruan Rasul yang mengajak mereka ke jalan rahmat, taubat dan istighfar. Mereka mengemukakan alasan bahawa mereka bosankan Nabi Soleh a.s. dan pengikut-pengikutnya ialah kerana mereka memandang mereka sebagai punca malang celaka yang menimpa mereka. Mereka sentiasa menduga akan ditimpa nasib malang dengan sebab mereka:

قَالُواْ ٱطَّيَّرۡنَا بِكَ وَبِمَن مَّعَكَۚ

"Mereka berkata: Kami ditimpa malang celaka dengan sebab engkau dan pengikut-pengikut engkau."(47)

Kepercayaan Tuah Celaka

Kepercayaan mujur sial ini adalah diambil dari adat kaum-kaum yang jahil yang mempercayai khurafat-khurafat dan tahyul-tahyul. Kepercayaan ini tidak membawa kepada keimanan yang bersih. Biasanya apabila seorang dari mereka hendak melakukan sesuatu pekerjaan dia pergi kepada seekor burung dan menakutkannya, iaitu dia menudingkan kepada burung itu dengan tujuan menghambatkannya, jika burung itu terbang dari sebelah kanannya menuju ke sebelah kirinya dia akan bergembira dan akan melakukan pekerjaan itu, sebaliknya jika ia terbang dari sebelah kirinya menuju ke sebelah kanannya dia akan merasa sial dan menduga akan mendapat akibat yang tidak baik, sedangkan burung itu tidak mengetahui urusan ghaib dan seluruh pergerakannya yang automatik itu sama sekali tidak berfungsi meramalkan sesuatu yang majhul, akan tetapi jiwa manusia tidak dapat hidup tanpa bergantung kepada sesuatu kuasa yang majhul dan ghaib, di mana dia menyerahkan kepadanya perkara-perkara yang tidak diketahui dan tidak mampu dilakukan olehnya. Andainya dia tidak menyerahkannya kepada sesuatu kuasa yang majhul dan ghaib dengan beriman kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib, maka dia akan menyerahkannya kepada kepercayaan tahyul dan khurafat seperti itu, iaitu kepercayaan-kepercayaan karut yang tidak akan berhenti pada suatu batas dan tidak tunduk kepada akal dan tidak membawa kepada ketenteraman dan keyakinan.

Sehingga kini pun anda dapat melihat manusia yang lari dari beriman kepada Allah dan merasa angkuh untuk menyerahkan urusan ghaib kepada Allah kerana menyangka mereka telah sampai kepada satu tahap kemajuan sains yang tidak layak lagi kepada mereka untuk mempercayai khurafat agama. Tetapi orang-orang yang tidak percaya kepada Allah, kepada agama dan kepada ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib itu masih lagi meletakkan perhatian mereka yang besar kepada khurafat angka 13, kepada khurafat kucing hitam yang melintas jalan di hadapan mereka, kepada khurafat menyalakan lebih dari dua batang rokok dengan sebatang mancis dan kepada lain-lain khurafat yang dungu. Mereka bertindak demikian kerana mereka menentang hakikat fitrah yang sentiasa lapar kepada keimanan

dan tidak dapat berpisah dari keimanan, hakikat fitrah yang sentiasa cenderung kepada beriman kepada Allah dalam mentafsirkan kebaikan hakikat-hakikat alam yang tidak dapat dicapai oleh ilmu manusia. Setengah-setengah hakikat alam itu pula tidak akan dapat dicapai oleh ilmu manusia pada bila-bila masa sekali pun, kerana hakikat itu di luar daya tenaga manusia dan di luar ikhtisas manusia, juga terlebih dari keperluan-keperluan tugas khilafahnya di bumi ini, di mana manusia dilengkapkan dengan bakat-bakat kebolehan dan daya tenaga sekadar yang diperlukan mereka sahaja.

Apabila kaum Nabi Soleh a.s. mengeluarkan kata-kata mereka yang jahil dan dungu itu, beliau menjawab mengembalikan mereka kepada nur keimanan dengan Allah dan kepada hakikat keimanan yang jelas, yang jauh dari sebarang kabus dan kegelapan:

قَالَ طَٰٓئِرُكُمْ عِندَ ٱللَّهِ ۖ

"Jawab (Soleh): Malang celaka kamu itu adalah di sisi Allah."(47)

Nasib kamu, masa depan kamu dan akibat kesudahan hidup kamu adalah terletak di sisi Allah. Allah S.W.T. telah mengaturkan undang-undang dan peraturan-peraturan, Dia menyuruh manusia melaksanakan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu dan dia menjelaskan jalan-jalan yang terang kepada mereka, oleh sebab itu sesiapa yang mematuhi undang-undang dan peraturan Allah dan berjalan mengikut bimbingan hidayat-Nya, maka di sanalah dia akan menemui nasib yang baik tanpa memerlukan kepada meramal nasib dengan menghambat burung, sebaliknya barang siapa yang menyeleweng dari undang-undang dan peraturan-peraturan Allah dan menyimpang dari jalan yang lurus, maka dia akan menemui nasib yang buruk tanpa memerlukan kepada kepercayaan khurafat mujur sial itu.

بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تُفْتَنُونَ ﴿٤٧﴾

"Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang sedang diuji."(47)

Maksudnya, kamu diuji dengan ni'mat-ni'mat Allah dan kamu diuji dengan baik buruk yang diperolehi kamu. Kewaspadaan dan ketelitian memperhatikan undang-undang dan peraturan Allah, kehematan mengikut perkembangan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan kesedaran terhadap hikmat ujian Allah di sebalik peristiwa-peristiwa itulah yang menjamin mencapai nasib yang baik pada akhirnya, bukannya kepercayaan khurafat mujur sial melalui setengah-setengah makhluk Allah sama ada burung atau manusia.

Beginilah caranya 'aqidah yang betul itu mengembalikan manusia kepada jalan yang terang dan lurus dalam menilaikan segala urusan dan mengembalikan hati mereka kepada sikap waspada dan teliti memperhatikan apa yang berlaku kepada mereka dan apa yang berlaku di sekeliling mereka. 'Aqidah yang betul itu juga membuat mereka sedar bahawa tangan Qudrat Allah sentiasa berada di sebalik semua peristiwa itu dan tiada suatu pun yang berlaku cuma-cuma dan secara kebetulan sahaja. Dengan 'aqidah yang betul inilah meningkatnya nilai hidup dan nilai manusia, dan dengan 'aqidah yang betul inilah manusia dapat meneruskan perjalanannya di atas planet bumi ini tanpa terputus hubungannya dengan alam buana di sekelilingnya, dengan Allah Pencipta dan Pentadbirnya, dan dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan alam buana dan memeliharanya dengan perintah Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana.

Tetapi .cara berfikir yang lurus ini hanya dapat diterima oleh hati-hati manusia yang tidak rosak dan tidak menyeleweng hingga ke tahap yang tidak dapat kembali ke pangkal jalan lagi. Di antara kaum Soleh terdapat sembilan orang pembesar yang tidak ada ruang di dalam hati mereka untuk kebaikan dan tiada peluang untuk diperbaiki. Merekalah orang-orang yang sentiasa mengaturkan berbagai-bagai rancangan jahat dalam gelap untuk membinasakan Soleh dan keluarganya:

Rancangan Jahat Sembilan Pembesar Thamud Terhadap Soleh

وَكَانَ فِى ٱلْمَدِينَةِ تِسْعَةُ رَهْطٍ يُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿٤٨﴾ قَالُوا۟ تَقَاسَمُوا۟ بِٱللَّهِ لَنُبَيِّتَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥ ثُمَّ لَنَقُولَنَّ لِوَلِيِّهِۦ مَا شَهِدْنَا مَهْلِكَ أَهْلِهِۦ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٤٩﴾

"Di bandar itu (negeri Thamud) terdapat sembilan orang lelaki yang melakukan kerosakan di negeri itu dan mereka tidak melakukan kebaikan(48). Mereka berkata: Hendaklah kamu bersumpah dengan nama Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya itu dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar."(49)

Pembesar-pembesar sembilan sekawan itu mempunyai hati yang semata-mata bertujuan jahat. Mereka hanya melakukan kerja-kerja yang jahat. Mereka tidak dapat diperbaiki lagi. Mereka tidak senang dengan da'wah Nabi Soleh a.s. Oleh sebab itu mereka dengan diam-diam merancang sesama mereka (untuk membinasakan beliau). Yang anehnya ialah mereka mengajak sesama mereka bersumpah dengan nama Allah untuk melaksanakan rancangan jahat yang diatur mereka secara sulit itu, iaitu rancangan membunuh Soleh dan keluarganya di waktu malam, sedangkan beliau hanya menyeru mereka supaya beribadat kepada Allah.

Sungguh aneh mereka sanggup berkata: **"Hendaklah kamu bersumpah dengan nama**

Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya, kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya". Yakni kami tidak hadir semasa mereka dibunuh. **"Dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar".** Yakni mereka telah merancang hendak membunuh mereka di waktu malam dan mereka tidak menyaksi atau melihat kematian mereka dengan sebab kegelapan malam.

Ini adalah satu tipu helah yang dangkal dan dungu, tetapi mereka dapat mententeramkan hati mereka dengan tipu helah itu. Mereka mengadakan alasan berbohong untuk menyelamatkan diri dari tuntutan wali-wali darah Soleh dan keluarganya. Yang anehnya mereka ini begitu berminat untuk menyifatkan diri mereka sebagai orang-orang yang benar. Tetapi sebenarnya jiwa manusia itu penuh dengan penyelewengan terutama ketika mereka tidak berpandu dengan nur keimanan yang menggariskan jalan yang lurus kepada mereka.

Demikianlah mereka merancang dan mengatur tipu daya, tetapi Allah sentiasa memperhatikan mereka. Dia melihat mereka tetapi mereka tidak dapat melihat-Nya. Dia mengetahui rancangan dan tipu daya mereka tanpa disedari mereka:

وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka telah merancangkan tipu daya mereka dengan rapi dan Kami juga telah merancangkan tindak balas Kami dengan rapi, sedangkan mereka tidak sedar."(50)

Tetapi masakan rancangan jahat mereka mengatasi rancangan tindak balas Allah, masakan tadbir mereka melebihi tadbir Allah, masakan kekuatan mereka lebih kuat dari kekuatan Allah.

Berapa banyak manusia-manusia yang zalim telah tersalah anggap dan tertipu dengan kekuatan dan tipu helah yang ada pada mereka, sedangkan mereka lupa kepada penglihatan Ilahi yang sentiasa melihat dan tidak pernah lalai. Mereka lupa kepada kekuatan Ilahi yang menguasai seluruh urusan itu, iaitu kekuatan yang mungkin menghentam mereka secara tiba-tiba tanpa disedari mereka:

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَٰهُمْ وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾ فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةًۢ بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimanakah akibat tipu daya mereka. Sesungguhnya Kami telah membinasakan mereka dan kaum mereka semuanya(51). Maka itulah rumah-rumah mereka runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman. Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Kaum Thamud Dibinasakan Dalam Sekelip Mata

Dalam sekelip mata sahaja berlakulah kemusnahan itu dan tiba-tiba rumah-rumah kediaman mereka runtuh ranap, sedangkan baru sekejap tadi di dalam ayat yang silam mereka sedang sibuk mengatur rancangan jahat mereka dan mengira bahawa mereka akan berjaya melaksanakan rancangan itu.

Kepantasan penceritaan babak ini memang dimaksudkan dalam ayat ini untuk memperlihatkan satu kejutan yang tegas, iaitu kejutan dari qudrat Ilahi yang tidak dapat diatasi orang-orang yang tertipu dengan kekuatan mereka, dan kejutan dari tadbir Ilahi yang tidak dapat digagalkan perancang-perancang yang jahat dan angkuh dengan rancangan-rancangan jahat mereka.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Persoalan ilmu pengetahuanlah yang ditekankan di dalam surah ini dan di dalam ulasan-ulasannya terhadap kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Selepas pemandangan peristiwa yang mengejut dan tergempar ini, Al-Qur'an menyebut cerita orang-orang yang beriman yang takut dan bertaqwa kepada Allah yang telah terselamat (dari malapetaka itu):

وَأَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾

"Dan kami telah meyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka sentiasa bertaqwa."(53)

Orang yang takut kepada Allah dilindungi Allah S.W.T. dari segala ketakutan kerana Allah tidak mengumpulkan dua ketakutan ke atasnya sebagaimana telah diterangkan dalam sebuah hadith Qudsi yang mulia.

(Kumpulan ayat-ayat 54 - 58)

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٥٤﴾ أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَخْرِجُوٓا۟ ءَالَ لُوطٍ مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ﴿٥٦﴾

فَأَنجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ قَدَّرْنَاهَا مِنَ الْغَابِرِينَ ﴿٥٧﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Adakah kamu melakukan kejahatan yang keji itu, sedangkan kamu melihat (undang-undang fitrah)(54). Mengapa kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu bukannya mendatangi perempuan? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang jahil(55).[4] *Maka tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata: Usirlah keluarga Lut itu keluar dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang bersih(56). Lalu Kami selamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya. Kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang ditinggal dalam kebinasaan(57). Dan kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58).*

Kekuatan-kekuatan Alam Ghaib Yang Belum Diketahui Manusia

Inilah satu siri pendek dari kisah Nabi Lut a.s. yang diceritakan dengan ringkas. Ia menonjolkan kehendak kemahuan kaum Lut untuk mengusir beliau keluar (dari negeri itu) kerana beliau telah mengecam perbuatan mereka yang keji dan luar biasa yang dilakukan mereka dengan sebulat persetujuan dan terus terang, iaitu perbuatan memuaskan nafsu seks yang ganjil dengan melakukan hubungan kelamin dengan lelaki dan meninggalkan perempuan. Ia adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang telah dijadikan Allah, malah bertentangan dengan fitrah kejadian semua makhluk yang hidup.

Kelakuan ini merupakan satu gejala yang ganjil di dalam sejarah masyarakat-masyarakat manusia. Kadang-kadang ada juga beberapa individu menunjukkan kelakuan yang ganjil itu dengan sebab-sebab yang berpunca dari pengidapan jiwa atau dari tekanan keadaan-keadaan yang bersifat sementara yang mendorong lelaki mengadakan hubungan kelamin sesama lelaki. Kebanyakan kejadian ini berlaku di kem-kem tentera, di mana tidak terdapat perempuan atau di dalam penjara-penjara, di mana banduan-banduan ditahan begitu lama dan mereka terdedah kepada tekanan keinginan seks, sedangkan mereka diharamkan dari mengadakan hubungan dengan perempuan, tetapi andainya kelakuan seks yang ganjil ini tersebar dengan luas hingga menjadi amalan umum dalam sebuah negeri, di mana wujudnya perempuan-perempuan dan kemudahan perkahwinan, maka sudah tentu kelakuan ini merupakan satu kelakuan yang luar biasa di dalam sejarah masyarakat-masyarakat manusia.

Allah S.W.T. telah mengadakan dalam tabi'at semulajadi manusia kecenderungan keinginan sek kepada jenis yang lain, kerana Allah telah menjadikan seluruh hayat ini ditegakkan di atas asas berpasangan (di antara lelaki dan perempuan atau di antara betina dan jantan) firman Allah:

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh pasangan berbagai-bagai makhluk-Nya iaitu di dalam kejadian tumbuhan-tumbuhan dan kejadian diri mereka sendiri, juga dalam kejadian-kejadian lain yang tidak diketahui mereka"

(Surah Yasiin: 36)

Maksudnya, seluruh kejadian yang hidup itu dijadikan berpasang-pasangan sama ada pada tumbuhan-tumbuhan di bumi, atau pada haiwan atau pada berbagai-bagai makhluk lain yang tidak diketahui manusia. Asas berpasang-pasangan itu merupakan asas semulajadi dalam pembinaan alam buana seluruhnya lebih-lebih lagi pada makhluk-makhluk yang hidup. Atom sendiri tersusun dari proton-proton dan elektron-elektron, iaitu dari tenaga elektrik yang positif dan negatif. Ia merupakan kesatuan seluruh kejadian yang berulang-ulang sebagaimana yang dilihat sehingga sekarang.

Walau bagaimanapun, yang menjadi hakikat yang diakui ialah seluruh makhluk yang hidup adalah tegak di atas asas berpasang-pasangan sehingga pada makhluk-makhluk yang tidak terdapat jenis jantan dan betina sekalipun, kerana di sana terdapat sel-sel jantan dan betina terkumpul pada individu-individu makhluk ini dan dengan pertemuan (di antara sel-sel jantan dan betina) inilah makhluk-makhluk itu membiak subur.

Oleh sebab berpasangan merupakan asas hayat di dalam undang-undang penciptaan Allah, maka Allah telah mengadakan kecenderungan saling berahi di antara pasangan itu sebagai fitrah semulajadi, yang tidak memerlukan sebarang ajaran dan pemikiran untuk membolehkan hayat itu meneruskan perjalanannya dengan dorongan fitrah semulajadi. Makhluk-makhluk yang hidup itu akan memperolehi keni'matan mereka apabila mereka dapat memenuhkan kehendak-kehendak fitrah itu. Qudrat Ilahi yang memegang teraju tadbir itu melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya di sebalik rasa keni'matan yang diletakkan di dalam diri mereka tanpa disedari mereka dan tanpa ditunjuk ajar oleh orang lain dari mereka. Allah S.W.T. telah menjadikan struktur anggota-anggota perempuan dan anggota-anggota lelaki dan mewujud perasaan berahi di antara keduanya yang dapat melahirkan keni'matan semulajadi dari hasil pertemuan keduanya, tetapi Allah tidak menjadikan hal ini pada anggota dua lelaki dan pada kecenderungan keduanya.

---

[4] *Di sinilah penghabisan juzu' yang kesembilan belas dalam bahagian Mushaf, tetapi kami teruskan penerangan ayat-ayat itu sehingga tamat kisah Lut a.s.*

Oleh sebab itu ia menjadi sesuatu keganjilan apabila fitrah semulajadi itu menyeleweng secara umum dalam sesuatu kelompok manusia sebagaimana yang telah berlaku di dalam kalangan kaum Lut. Mereka telah menyimpang dari fitrah tanpa sesuatu tekanan darurat yang begitu mendesak ke arah keinginan yang bertentangan dengan arah tujuan fitrah semulajadi yang betul dan lurus ini.

Demikianlah Nabi Lut a.s. mengecam dan melahirkan rasa takjubnya terhadap kejahatan yang dilakukan mereka:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٥٤﴾

أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Adakah kamu melakukan kejahatan yang keji itu, sedangkan kamu melihat (undang-undang fitrah)(54). Mengapa kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu bukannya mendatangi perempuan? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang jahil."(55).[5]

Dalam kenyataannya yang pertama Lut melahirkan kehairanannya terhadap perbuatan mereka yang keji ini, sedangkan mereka melihat bahawa seluruh jenis makhluk yang hidup adalah mengikuti peraturan fitrah semulajadi. Hanya mereka sahaja yang ganjil ditengah-tengah makhluk yang hidup itu. Di dalam kenyataannya yang kedua, Lut mendedah hakikat perbuatan mereka yang keji itu. Pendedahan ini sahaja sudah cukup untuk menonjolkan keganjilan kelakuan mereka dari adat kebiasaan manusia dan dari adat fitrah semulajadi seluruh makhluk. Kemudian Al-Qur'an mengecap mereka dengan sifat jahil yang merangkumi dua pengertiannya, iaitu jahil dengan pengertian tidak tahu dan jahil dengan pengertian bodoh dan tolol. Kedua-dua pengertian ini terdapat pada penyelewengan yang keji ini, kerana orang yang tidak mengetahui kehendak fitrah semulajadi bererti dia tidak mengetahui segala sesuatu atau tidak tahu apa pun, dan orang yang menyimpang dari kehendak fitrah semulajadi ini bererti dia seorang yang bodoh, tolol dan mencabul segala hak.

Apakah jawapan kaum Lut terhadap kecaman beliau terhadap penyelewengan itu dan terhadap bimbingan beliau supaya mereka mengikut keinginan fitrah semulajadi yang bersih?

Jawapan mereka pendek sahaja, iaitu mereka mahu mengusir Nabi Lut a.s. dan orang-orang yang mengikut da'wahnya yang terdiri dari anggota keluarganya sendiri kecuali isterinya dengan alasan kerana mereka orang-orang yang bersih!

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَخْرِجُوٓا۟ ءَالَ لُوطٍ مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ﴿٥٦﴾

"Maka tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata: Usirlah keluarga Lut itu keluar dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang bersih."(56)

Kata-kata mereka ini mungkin bertujuan mengejekkan sikap membersih diri dari kekotoran kelakuan ini dan mungkin pula bertujuan menyangkal pendapat beliau yang menamakan sikap ini sebagai suatu sikap yang bersih. Mereka yang telah menyeleweng sebegitu jauh dari fitrah semulajadi tidak lagi merasakan apa-apa kekotoran dari nafsu berahi mereka yang menyeleweng itu. Mungkin juga kata-kata itu bertujuan melahirkan perasaan bosan mereka terhadap konsep kesucian dan membersih diri kerana ia memaksa mereka meninggalkan kelakuan-kelakuan seks mereka yang ganjil itu.

Walau bagaimanapun, mereka telah menyatakan kemahuan dan keazaman mereka, tetapi apa yang dikehendaki Allah berlainan dari apa yang dikehendaki mereka:

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ قَدَّرْنَٰهَا مِنَ ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿٥٧﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾

"Lalu Kami selamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya. Kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang ditinggal dalam ke-binasaan(57).[6] *Dan Kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58)*

Al-Qur'an tidak menyebut di sini cerita yang terperinci mengenai hujan yang membinasakan kaum Lut itu sebagaimana yang diceritakan di dalam surah-surah yang lain. Oleh itu cukuplah bagi kami membuat huraian sekadar ini sahaja selaras dengan huraian ayat ini, tetapi kami nampak ada titik persamaan di antara pemilihan Allah yang membinasakan kaum Lut dengan hujan, iaitu air yang bertabi'at menghidup dan menyubur dengan amalan mereka yang menyalahgunakan air hayat atau air nutfah, sedangkan ia merupakan bahan hayat dan kesuburan manusia. Hanya Allah sahaja yang lebih

---

[5] *Di sinilah penghabisan juzu' yang kesembilan belas dalam pembahagian Mushaf, tetapi kami teruskan penerangan ayat-ayat itu sehingga tamat kisah Lut a. s.*

[6] *Ia dibinasakan kerana ia seorang tua yang jahat yang bersetuju dengan penyelewengan dan keganjilan kaumnya.*

mengetahui maksud dari firman-Nya itu dan Dialah sahaja yang lebih mengetahui undang-undang dan selok-belok tadbir-Nya. Apa yang dikemukakan itu hanya satu fikiran sahaja yang terlintas pada saya ketika memikirkan tadbir Ilahi ini.

(Tamat Juzu' Yang Kesembilan Belas)

JUZU' KE-20

SURAH AN-NAML

JUZU' YANG KEDUA PULUH

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

(Kumpulan ayat-ayat 59 - 93)

قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَىٰٓ ۗ
ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾
أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا
كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾
أَمَّن جَعَلَ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنْهَٰرًا
وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِىَ وَجَعَلَ بَيْنَ ٱلْبَحْرَيْنِ
حَاجِزًا ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾
أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ ٱلسُّوٓءَ
وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَآءَ ٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾
أَمَّن يَهْدِيكُمْ فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَمَن
يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦٓ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ
ٱللَّهِ ۚ تَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٣﴾
أَمَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَمَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٦٤﴾
قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِى شَكٍّ مِّنْهَا ۖ
بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا
لَمُخْرَجُونَ ﴿٦٧﴾
لَقَدْ وُعِدْنَا هَٰذَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ
أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾
قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾
وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِى ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Katakanlah: Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?(59). Atau siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah, yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang menyamakan Allah dengan makhluk?(60). Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkannya, dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui?(61). Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghapuskan kesusahan itu, dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Amat sedikit kamu mengambil pengajaran(62). Atau siapakah yang memandu (perjalanan) kamu di tengah-tengah kegelapan di daratan dan lautan dan siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari apa yang dipersekutukan mereka(63). Atau siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar(64). Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66). Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah

setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah, kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?(67). Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja(68). Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa(69). Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka"(70).

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٧١

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعْضُ ٱلَّذِى تَسْتَعْجِلُونَ ٧٢

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ٧٣

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٤

وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِى ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ٧٥

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ٧٦

وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ٧٧

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُم بِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْعَلِيمُ ٧٨

فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ٧٩

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ ٨٠

وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِى ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ٨١

"Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?(71). Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu(72). Dan sesungguhnya Tuhanmu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur(73). Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang(75). Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang mereka berselisih faham mengenainya(76). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(77). Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya, dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata(79). Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangimu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memper-dengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81).

وَإِذَا وَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَّةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ٨٢

وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُمْ يُوزَعُونَ ٨٣

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٨٤

وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ٨٥

أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٨٦

وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ٨٧

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ٨٨

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ٨٩

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتۡ وُجُوهُهُمۡ فِي ٱلنَّارِ هَلۡ تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٩٠﴾

إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩١﴾

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan apabila keputusan (azab) telah dijatuhkan ke atas mereka, kami akan keluarkan kepada mereka sejenis binatang dari bumi yang berbicara dengan mereka: Sesungguhnya manusia telah tidak yakin kepada ayat-ayat Kami(82). Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)(83). Sehingga apabila mereka semua datang, Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?(84). Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)(85). Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman(86). Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu(90). Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu, dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini merupakan bahagian penamat Surah an-Naml setelah ditayangkan berbagai-bagai siri dari kisah-kisah Nabi Musa, Daud, Sulaiman, Soleh dan Lut عليهم السلام. Bahagian penamat ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bahagian permulaan surah dari segi maudhu' pembicaraannya. Di antara kisah-kisah itu pula terdapat hubungan yang selaras dengan permulaan dan akhiran surah ini. Setiap kisah memenuhi sebahagian dari aspek-aspek tujuan yang ditangani oleh seluruh surah ini.

Pelajaran ini dimulakan dengan ucapan "الحمدلله" dan do'a selamat sejahtera ke atas para hamba kesayangan yang telah dipilih Allah, yang terdiri dari para Anbiya', para rasul dan mereka yang disebutkan kisah-kisah mereka sebelum ini. Ucapan Alhamdulillah dan do'a selamat sejahtera itu merupakan kata pembukaan bagi penjelajahan di sekitar 'aqidah, iaitu penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam, pendalaman-pendalaman jiwa manusia, lipatan-lipatan alam ghaib, tanda-tanda hari Qiamat, pemandangan-pemandangan Qiamat dan kedahsyatan di padang Mahsyar yang ditakuti oleh sekalian makhluk yang ada di langit dan sekalian makhluk yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah.

******

Di dalam penjelajahan ini Al-Qur'an meletak mereka di hadapan pemandangan-pemandangan alam buana dan pemandangan-pemandangan di dalam jiwa manusia yang tidak dapat diingkarkan mereka dan tidak dapat dihuraikan mereka selain dari mengakui kewujudan Allah Yang Maha Pencipta, Maha Esa, Maha Pentadbir dan Maha Kuasa.

Pemandangan-pemandangan itu ditayangkan berturut-turut dengan nada kenyataan-kenyataan yang berkesan dan mempengaruhi mereka dari segi hujjah dan perasaan. Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang bertubi-tubi kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Siapakah yang menurunkan hujan dari langit dan menumbuhkan kebun-kebun yang indah dengannya? Siapakah yang menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap, mengadakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, mencipta gunung-ganang yang memantapkannya, mengadakan dinding pemisah di antara lautan dan sungai? Siapakah yang menyahut do'a orang yang berada dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepadanya dan menghapuskan kesusahan itu? Siapakah yang melantik kamu selaku khalifah-khalifah di bumi? Siapakah yang memandu

perjalanan kamu di dalam kegelapan di daratan dan lautan? Siapakah yang melepaskan angin membawa berita kedatangan hujan yang penuh rahmat? Siapakah yang memulakan ciptaan kemudian mengulanginya? Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Dan pada setiap pertanyaan itu Dia mencabar mereka: Apakah di sana ada tuhan yang lain dari Allah? Sedangkan mereka sama sekali tidak berdaya membuat dakwaan seperti itu. Mereka tidak berdaya untuk mengatakan bahawa disana ada tuhan yang lain disamping Allah yang menciptakan sesuatu dari kejadian-kejadian itu, tetapi walaupun demikian, mereka masih menyembah berbagai-bagai sembahan selain Allah.

Selepas mengemukakan kenyataan-kenyataan yang kuat, yang menembusi hati, iaitu kenyataan-kenyataan alam buana yang penuh di sekeliling mereka dan kenyataan-kenyataan, perasaan yang dirasakan hati mereka sendiri, Al-Qur'an mendedahkan pula perbuatan mereka yang mendustakan hari Akhirat dan perbuatan mereka yang meraba-raba dalam urusan Akhirat. Kemudian ia iringi dengan menarik hati mereka supaya memikirkan akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang telah lalu yang sependirian dengan mereka mendustakan hari Akhirat dan meraba-raba dalam urusannya.

Dari sini Al-Qur'an menyambung tayangan pemandangan padang Mahsyar yang penuh dengan perkara-perkara yang menakut dan memeranjatkan, kemudian dalam sekelip mata sahaja ia mengembalikan mereka ke alam bumi, kemudian mengembalikan mereka pula kepada pemandangan padang Mahsyar seolah-olah ia menggoncangkan hati mereka dengan sekuat-kuatnya.

Pada akhir penjelajahan itu tibalah ayat penamatnya, iaitu ayat penamat yang serupa dengan sebuah nada kenyataan yang akhir, yang membawa gema yang mendalam dan mengerikan, di mana Rasulullah s.a.w. berlepas tangan dari tindak-tanduk kaum Musyrikin yang mempersenda-sendakan janji azab dan mendusta hari Akhirat. Beliau mem-bimbing hati mereka supaya memerhatikan pemandangan-pemandangan alam buana dan keadaan-keadaan yang dahsyat di padang Mahsyar, juga akibat-akibat yang diterima orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang derhaka. Beliau membiarkan mereka kepada nasib kesudahan yang dipilih mereka sendiri dan menggariskan sistem hidupnya dan sarana-sarananya untuk dipilih oleh siapa sahaja yang ingin memilihnya:

إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٩١

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ٩٢

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu, dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja."(92)

Kemudian penjelajahan itu ditamatkan sebagaimana dimulakan iaitu dengan memuji Allah yang berhak menerima seluruh kepujian dan sanjungan, dan menyerahkan mereka kepada Allah yang akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan-Nya kepada mereka dan mengetahui segala amalan mereka zahir dan batin:

وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ٩٣

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Demikianlah surah ini diakhiri dengan nada kenyataan yang amat berkesan dan mendalam.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 64)

Dalil-dalil Spontan Yang Membuktikan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa

قُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصۡطَفَىٰٓۗ ءَآللَّهُ خَيۡرٌ أَمَّا يُشۡرِكُونَ ٥٩

"Katakanlah: Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya mengucapkan kata-kata yang layak bagi seorang Mu'min memula dan mengakhiri sesuatu percakapan, seruan dan perdebatannya. Katakanlah: "Alhamdulillah" Tuhan yang berhak menerima kepujian dan sanjungan dari sekalian hamba-Nya kerana ni'mat-ni'mat kemudahan-Nya yang melimpah-ruah terutama ni'mat hidayat-Nya yang membimbing mereka kepada-Nya, memimpin mereka ke jalan yang dipilih-Nya dan kepada agama yang diredhai-Nya. "*Dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya*" untuk membawa risalah-Nya, menyampaikan da'wah-Nya dan menjelaskan agama-Nya.

Selepas ayat pembukaan ini, Al-Qur'an mula mengenakan paluan-paluannya ke atas hati-hati yang ingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang dimulakan dengan satu pertanyaan yang tidak dapat dijawab melainkan dengan satu jawapan sahaja, dan dengan pertanyaan ini juga ia mengecam perbuatan mereka yang mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka:

ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

"Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Tuhan-tuhan palsu yang dipersekutukan mereka ialah patung-patung dan berhala- berhala atau malaikat-malaikat dan jin atau mana-mana makhluk dari makhluk Allah. Semuanya tidak mungkin sampai ke tahap yang menyerupai Allah S.W.T. apatah lagi ke tahap yang lebih baik dari-Nya. Tidak terlintas sama sekali dalam hati seorang yang berakal untuk membuat sesuatu perbandingan seperti itu. Oleh sebab itu bentuk pertanyaan ini merupakan bentuk pertanyaan untuk mengejek dan mencela semata-mata, kerana pertanyaan ini tidak mungkin dihadapkan secara sungguh-sungguh atau dipinta jawapannya.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengubahkannya kepada satu bentuk pertanyaan yang lain yang diambil dari kenyataan alam buana di sekelilingnya dan dari pemandangan-pemandangan yang dilihat mata mereka sendiri.

أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾

"Atau siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit; lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang menyamakan Allah dengan makhluk."(60)

Langit dan bumi merupakan hakikat yang tersergam (di hadapan mata) sdan tiada seorang pun yang dapat mengingkari kewujudannya dan dapat mendakwa bahawa tuhan-tuhan palsu yang didakwakan mereka itulah yang telah menciptakannya, iaitu patung-patung atau berhala-berhala atau malaikat-malaikat atau syaitan-syaitan atau matahari atau bulan. Jawapan spontan dengan lantang menentang dakwaan ini. Tiada seorang pun dari kaum Musyrikin yang mendakwa bahawa alam buana ini berdiri sendiri dan terjadi dengan sendiri sebagaimana adanya orang-orang yang membuat dakwaan yang tidak berasas ini di abad-abad ke belakangan ini. Apabila disebut sahaja kewujudan langit dan bumi dan apabila di arah sahaja supaya berfikir siapakah yang menciptakan kedua-duanya sudah cukup untuk menegakkan hujjah, membatalkan kepercayaan syirik dan mengalahkan kaum Musyrikin. Dan pertanyaan ini masih terus dikemukakan kerana penciptaan langit dan bumi dalam bentuknya yang ada ini, iaitu bentuk yang jelas memperlihatkan adanya tujuan, pentadbiran dan keselarasan yang sempurna yang tidak mungkin terjadi secara kebetulan itu dengan sendirinya dapat membawa kepada pengakuan wujudnya Allah Pencipta Yang Maha Esa. Keesaan Allah dapat dilihat dengan jelas pada kesan-kesan ciptaan-Nya, kerana semuanya menjelaskan bahawa di sana hanya terdapat satu perencanaan yang selaras bagi alam buana ini, di mana tabi'at dan hala tujuannya hanya satu sahaja tidak berbilang-bilang. Oleh itu ia pastilah lahir dari kehendak iradat yang tunggal dan tidak berbilang-bilang, iaitu iradat yang mempunyai tujuan yang wujud pada setiap ciptaan-Nya sama ada pada makhluk-makhluk yang besar atau yang kecil.

أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ

"Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah, yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya?"(60)

Air hujan yang turun dari langit juga merupakan satu hakikat yang dapat dilihat dengan jelas. Ia tidak mungkin diingkar dan tidak mungkin ditafsirkannya selain dari mengakui kewujudan Allah yang mencipta dan mentadbir, yang telah menjadikan langit, dan bumi mengikut undang-undang yang tertentu yang memungkinkan turunnya air hujan sekadar yang wajar, yang dapat melahirkan tumbuhan-tumbuhan yang hidup seperti yang wujud sekarang ini. Semuanya ini tidak mungkin wujud secara kebetulan sahaja dan kebetulan-kebetulan itu tidak mungkin teratur dengan tertib peraturan yang amat halus dan tepat seperti ini, iaitu tertib peraturan yang disusun untuk memenuhi keperluan makhluk-makhluk yang hidup terutama makhluk insan. Penentuan tujuan ini telah dijelaskan oleh Al-Qur'an dengan ungkapan *"Dan menurunkan untuk kamu"*, Al-Qur'an mengarahkan hati dan penglihatan manusia supaya memperhatikan kesan-kesan air hujan yang menghidupkan tumbuh-tumbuhan. Ia diturunkan untuk memenuhi keperluan-keperluan manusia iaitu ia diatur dengan tujuan-tujuan untuk memelihara kewujudan mereka dan melaksanakan kehendak-

kehendak dan keperluan-keperluan mereka. Al-Qur'an menarik hati dan penglihatan mereka supaya merenungi kesan-kesan hidup yang terbentang di hadapan mereka, sedangkan mereka melihatnya dengan hati yang lalai:

فَأَنۢبَتۡنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهۡجَةٖ

"Lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah"(60)

Keindahan Sekuntum Bunga

Iaitu kebun-kebun yang indah, subur, hidup, cantik dan menyenangkan hati. Pemandangan kebun-kebun itu membangkitkan perasaan riang, cegas dan segar. Renungan kepada keindahan tumbuhan-tumbuhan yang hidup subur ini sudah cukup untuk menghidupkan hati manusia. Penelitian terhadap kesan, ciptaan Ilahi yang permai pada kebun-kebun sudah cukup bagi seseorang untuk memuji dan mengagung-agungkan Allah yang telah menciptakan keindahan yang mengkagumkan ini. Pengwarnaan pada sekuntum bunga dan penyusunannya melemahkan tokoh seniman manusia yang paling agung. Gelombang warna warni, susunan garis-garis dan dedaun-dedaun kecil pada sekuntum bunga itu merupakan satu mu'jizat yang melemahkan 'abqariyah seni baik di zaman dahulu mahu pun di zaman moden, lebih-lebih lagi mu'jizat hayat yang subur pada pokok-pokok, yang merupakan rahsia yang paling besar yang tidak dapat difahami manusia **"Yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya".**

Rahsia Hayat Yang Tertutup

Rahsia hayat itu selama-lamanya telah dan akan tertutup kepada manusia sama ada rahsia hayat pada tumbuh-tumbuhan atau pada haiwan atau pada insan. Sehingga di sa'at ini tiada seorang manusia pun yang dapat menjelaskan bagaimana hayat ini datang dan bagaimana ia menjelma pada makhluk-makhluk itu sama ada tumbuh-tumbuhan atau haiwan atau insan. Ia pasti dirujukkan kepada sumber yang wujud di sebalik alam buana yang dapat dilihat ini.

Setibanya di sini iaitu ketika berdiri di hadapan tumbuh-tumbuhan yang hidup subur di dalam kebun-kebun yang permai yang merangsangkan perhatian dan pergerakkan menungan dan fikiran itu, Al-Qur'an menyerbu mereka dengan satu pertanyaan:

أَءِلَٰهٞ مَّعَ ٱللَّهِۚ

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"(60)

Tiada ruang yang membolehkan untuk membuat dakwaan seperti ini dan tiada tempat untuk melarikan diri selain dari mengakui dan patuh. Di sini kedudukan kaum Musyrikin kelihatan begitu aneh dan ganjil apabila mereka menyamakan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan mereka itu dengan Allah dan menyembah mereka seperti menyembah Allah:

"Malah sebenarnya mereka adalah kaum yang menyamakan (Allah dengan makhluk yang benar)."

Kata-kata "يعدلون" boleh diertikan dengan "mereka menyamakan" iaitu menyamakan tuhan-tuhan mereka dengan Allah dari segi menyembah dan beribadat kepadanya dan boleh juga diertikan dengan "mereka menyimpang" iaitu menyimpang dari kebenaran yang amat terang dan jelas dengan mempersekutukan Allah dengan makhluk yang lain di dalam ibadat, sedangkan Allah itu Pencipta Yang Maha Esa dan tiada siapa pun yang berkongsi dengan-Nya dalam urusan penciptaan. Kedua-duanya merupakan perbuatan-perbuatan ganjil yang tidak patut dilakukannya.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah kepada satu hakikat alam buana yang lain pula. Ia hadapkan mereka dengan hakikat ini sebagaimana ia hadapkan mereka dengan hakikat penciptaan yang pertama:

أَمَّن جَعَلَ ٱلۡأَرۡضَ قَرَارٗا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنۡهَٰرٗا وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِيَ وَجَعَلَ بَيۡنَ ٱلۡبَحۡرَيۡنِ حَاجِزًاۗ أَءِلَٰهٞ مَّعَ ٱللَّهِۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٦١

"Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkannya, dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(61)

Elemen-elemen Kemantapan Bumi

Hakikat kejadian alam buana yang pertama ialah hakikat penciptaan langit dan bumi, tetapi hakikat yang mahu dinyatakan ayat ini ialah bagaimana keadaan bumi itu diciptakan Allah. Ia diciptakan Allah sebagai tempat kediaman yang mantap untuk dihayati sebagai tempat yang tenteram dan sesuai bagi kewujudan makhluk-makhluk yang hidup, yang dapat berkembang dan mem-biak subur. Andainya kedudukan bumi dengan matahari dan bulan itu berubah atau bentuk bumi itu sendiri berubah, atau saiznya berubah atau anasir-anasirnya dan anasir-anasir yang meliputi udara di sekelilingnya berubah atau kecepatan pusingannya di sekeliling dirinya atau kecepatan pusingannya di sekeliling matahari atau kecepatan pusingan bulan di sekelilingnya berubah atau sebagainya dari berbagai hubungan-hubungan yang rapat yang tidak mungkin wujud, secara kebetulan, iaitu hubungan-hubungan yang seluruhnya harus berjalan dengan keselarasan yang ada sekarang ini, andainya berlaku sesuatu perubahan dalam hubungan-hubungan ini semua-nya, walaupun perubahan itu amat kecil, nescaya bumi ini tidak lagi merupakan sebuah tempat kediaman yang mantap dan sesuai untuk makhluk-makhluk yang hidup.

Mungkin orang-orang (Arab) yang mula-mula ditujukan ayat ini kepada mereka pada masa itu belum lagi memahami ke'ajaiban-ke'ajaiban ini yang terkandung di dalam firman Allah Taala ini **"Siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap?"** Tetapi secara umumnya mereka dapat melihat bumi ini sebuah tempat yang mantap dan sesuai untuk hidup dan mereka tidak mampu untuk mendakwa bahawa salah satu dari tuhan-tuhan sembahan mereka itu turut serta dalam menciptakan bumi dengan keadaan yang wujud ini. Sekadar ini pun sudah cukup. Kemudian selepas itu ayat ini terbuka kepada pemahaman semua generasi manusia. Semakin luas ilmu pengetahuan mereka semakin luas pula mereka dapat memahami pengertian ayat ini, yang memang amat luas dan sentiasa membaru itu. Itulah mu'jizat Al-Qur'an dalam pernyataannya yang ditujukan kepada semua peringkat akal manusia di sepanjang zaman.

أَمَّن جَعَلَ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنْهَٰرًا

"Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya?"(61)

Penciptaan Sungai-sungai Di Bumi

Sungai-sungai di bumi merupakan urat-urat nadi hayat. Ia menjalar mengalir di bumi dari timur ke barat dan dari utara ke selatan membawa bersama-samanya zat-zat kesuburan, hayat dan pembiakan. Sungai-sungai itu terjadi dari perkumpulan air hujan dan pengalirannya mengikut keadaan bumi. Allah yang telah menciptakan alam buana ini. Dialah juga yang menentukan dalam pelan induknya kemungkinan-kemungkinan berkumpulnya awan, turunnya hujan dan mengalirnya sungai-sungai. Tiada siapa pun yang mampu mendakwa ada yang lain dari Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir turut serta menciptakan alam buana ini dengan bentuk dan keadaannya yang ada sekarang. Pengaliran sungai-sungai merupakan satu hakikat yang nyata yang dapat dilihat oleh kaum Musyrikin. Oleh itu siapakah yang telah menciptakan hakikat ini? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِىَ

"Dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkan-nya."(61)

Peranan Gunung-Ganang

Gunung-ganang dan bukit-bukau terpacak teguh di atas bumi. Biasanya gunung-ganang inilah yang menjadi punca terbitnya sunga-sungai. Dari sanalah mengalirnya air

hujan menuju ke lembah-lembah dan mengorekkan saluran-saluran pengalirannya dengan sebab air memancut dengan kuat dari puncak-puncak gunung dan bukit yang tinggi itu.

Gunung-ganang yang terpacak teguh itu diimbangkan dengan sungai-sungai yang mengalir di dalam pemandangan alam yang ditayangkan oleh Al-Qur'an di sini. Pengimbangan ilustrasi itu dapat dilihat dengan jelas di dalam pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an dan ini salah satu darinya. Oleh sebab itulah ia menyebut gunung-ganang yang teguh selepas menyebut sungai-sungai yang mengalir.

"Dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah."(61)

Dinding Pemisah Di Antara Lautan Dan Muara Sungai

Laut yang masin dan sungai yang tawar kedua-duanya dinamakan sebagai dua lautan memandangkan kepada persamaan bahannya iaitu air. Dinding pemisah itu pada umumnya iaitu dinding tabii yang membuat air laut tidak mencurah ke dalam air sungai hingga merosakkannya kerana paras permukaan sungai itu lebih tinggi dari paras permukaan laut. Inilah yang menjadi dinding sekatan di antara air laut dan air sungai. Walaupun air sungai itu mencurah ke dalam laut, tetapi pengaliran sungai tetap bebas tidak dicerobohi air laut. Walaupun ketika permukaan sungai menjadi rendah dari permukaan laut kerana sesuatu sebab, namun dinding pemisah ini tetap berfungsi hasil dari tabi'at kepadatan air laut dan air sungai, kerana air sungai itu ringan dan air laut itu berat. Oleh sebab itu pengaliran air sungai dan air laut itu tetap berbeza dan tidak bercampuraduk dan tidak menceroboh satu sama lain. Ini adalah salah satu dari Sunnatullah dalam menciptakan alam buana dan menggariskan pelan ciptaannya mengikut undang-undang yang amat halus ini.

Siapakah yang menciptakan semuanya ini? Siapa? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Tiada siapa pun yang mampu membuat dakwaan seperti ini. Kesatuan pelan ciptaan alam memaksa seseorang mengakui keesaan Allah Yang Maha Pencipta itu.

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

"Malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(61)

Di sini Al-Qur'an menyebut ilmu pengetahuan kerana hakikat alam buana ini memerlukan kepada ilmu pengetahuan untuk membolehkan seorang meni'mati keindahan ciptaan dan penyusunan alam dan untuk meneliti undang-undang dan peraturan dalam ciptaan-ciptaan itu, juga kerana persoalan yang ditekankan di dalam seluruh surah ini ialah persoalan ilmu pengetahuan (sebagaimana telah kami terangkan dalam ringkasan surah ini di juzu' yang lepas).

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah dari pemandangan-pemandangan alam buana kepada ciri jiwa mereka sendiri:

أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ ٱلسُّوٓءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَآءَ ٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghapuskan kesusahan itu, dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(62)

Menemui Allah Di Sa'at Kesusahan Dan Melupakan-Nya Di Sa'at Kesenangan

Ayat ini menyentuh kesedaran mereka apabila ia mengingatkan mereka dengan perasaan-perasaan jiwa mereka dan keadaan-keadaan yang berlaku kepada mereka.

Orang yang berada di dalam sa'at-sa'at kesusahan dan kesulitan tidak menemui tempat perlindungan yang lain melainkan Allah. Kepada-Nyalah dia berdo'a supaya menghapuskan kesusahan dan kesulitan yang menimpanya itu. Keadaan ini berlaku apabila kepungan dan tekanan kesusahan itu dirasakan begitu sempit dan mencekik dan apabila kekuatan menjadi begitu lemah dan tempat-tempat pergantungan runtuh ranap semuanya. Ketika itu dia melihat di sekelilingnya dan dapati dirinya, tidak mempunyai sebarang pertolongan dan sebarang jalan untuk menyelamatkannya. Kekuatan dirinya dan kekuatan-kekuatan yang ada di bumi tidak dapat lagi menolongnya. Segala apa yang disediakannya untuk menghadapi zaman kesusahan telah hilang darinya dan sekalian orang yang selama ini diharap dapat membantunya di masa kesulitan itu telah tidak menghiraukannya lagi. Di sa'at inilah fitrah manusia sedar dan terus mencari perlindungan pada kekuatan Ilahi, iaitu satu-satunya kekuatan yang dapat menolong dan membantunya. Manusia akan bertawajjuh kepada Allah walaupun dia lupakan-Nya di sa'at-sa'at kesenangan, kerana Allahlah yang dapat menyahuti do'a orang yang ditimpa kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya. Dialah sahaja dan tiada yang lain dari-Nya yang dapat memperkenankan permohonannya untuk menghapuskan kesusahannya, mengembalikannya kepada keamanan dan keselamatan dan menyelamatkannya dari kesulitan yang telah mencekikkan lehernya itu.

Manusia lupakan hakikat ini apabila mereka berada di sa'at-sa'at kesenangan dan di masa-masa kelalaian. Mereka lupakan hakikat ini lalu mereka mencari kekuatan, pertolongan dan perlindungan pada mana-mana kuasa dari kuasa-kuasa bumi yang lemah dan kecil. Tetapi apabila mereka ditekankan kesusahan, maka selaput kelalaian yang membalut fitrah mereka akan hilang dan mereka akan kembali bertaubat kepada Tuhan mereka walau bagaimanapun sebelum ini, mereka lupakan-Nya dan bersikap sombong terhadap-Nya.

Al-Qur'an mengembalikan manusia-manusia yang angkuh dan ingkar itu kepada hakikat yang terpendam di dalam fitrah mereka ini. Ia mengemukakan hakikat ini kepada mereka semasa membentangkan hakikat-hakikat alam buana yang disebut sebelum ini, iaitu hakikat penciptaan langit dan bumi, hakikat penurunan hujan dari langit, hakikat penumbuhan kebun-kebun yang indah, hakikat penciptaan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap, hakikat gunung-ganang yang memantapkan bumi, hakikat pengaliran sungai-sungai dan hakikat dinding yang memisahkan air lautan yang masin dari air sungai yang tawar. Oleh itu tindakan orang yang ditimpakan kesusahan mencari perlindungan pada Allah dan kesediaan Allah menyahut do'anya itu juga merupakan satu hakikat yang sama dengan hakikat-hakikat yang tersebut. Hakikat-hakikat tadi ialah hakikat-hakikat di dalam alam buana, dan hakikat ini ialah hakikat di dalam jiwa mereka sendiri. Kedua-dua hakikat itu adalah sama sahaja.

Manusia Dilantik Sebagai Pemerintah Bumi

Kemudian Al-Qur'an terus menyentuh perasaan mereka dengan menyebut hakikat yang wujud di dalam kehidupan mereka "Dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi". Siapakah yang melantikkan manusia sebagai khalifah-khalifah di bumi? Bukankah Allah yang telah melantikkan bangsa manusia sebagai khalifah di muka bumi pada permulaan kali, kemudian terus melantikkan mereka sebagai khalifah abad demi abad, generasi demi generasi silih berganti memerintah kerajaan bumi?

Bukankah Allahlah yang telah menciptakan mereka mengikut undang-undang yang membolehkan mereka hidup di muka bumi ini? Bukankah Dialah yang telah melengkapkan mereka dengan daya tenaga dan bakat-bakat kebolehan yang membolehkan mereka memerintah bumi ini? Mereka dapat melaksanakan tugas yang amat besar ini dengan sebab wujudnya undang-undang yang menjadikan bumi ini sebagai tempat kediaman yang mantap, undang-undang yang mengatur seluruh alam ini berada dalam keadaan yang selaras dan imbang satu dengan lain, iaitu keadaan-keadaan yang membuat bumi ini cukup lengkap dengan suasana-suasana yang sesuai dan menolong untuk perkembangan makhluk-makhluk yang hidup. Andainya mana-mana syarat dari berbagai-bagai syarat yang ditetapkan di dalam pelan ciptaan dan perjalanan alam ini mungkir nescaya kewujudan

makhluk-makhluk yang hidup di muka bumi ini mustahil berlaku. [7]

Ni'mat Di Sebalik Pertukaran Generasi

Akhirnya bukankah Allahlah yang menentukan mati dan hidup dan melantikkan manusia sebagai khalifah generasi demi generasi? Andainya orang-orang yang dahulu kala itu terus hidup tentulah bumi ini menjadi sempit kepada orang-orang yang kemudian, tentulah perjalanan hidup, perkembangan tamadun dan pemikiran menjadi lambat, kerana pertukaran generasi-generasi itulah yang membolehkan fikiran-fikiran, pengalaman-pengalaman dan usaha-usaha itu bertukar baru, juga membolehkan bentuk-bentuk kehidupan terus membaru tanpa mewujudkan percanggahan di antara orang-orang yang dahulu dan orang-orang yang baru kecuali di alam fikiran dan perasaan sahaja. Tetapi andainya orang-orang yang dahulu itu terus hidup tentulah percanggahan dan pertentangan itu akan menjadi besar dan ini tentulah melumpuhkan angkatan hayat untuk maju ke hadapan.

Semuanya ini merupakan hakikat-hakikat di dalam jiwa manusia sama seperti hakikat-hakikat yang wujud di merata pelosok alam. Siapakah yang menciptakannya? Siapa?

أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"(62)

Manusia lupakan hakikat ini, sedangkan hakikat-hakikat ini tersemat di dalam lubuk jiwa mereka dan dapat dilihat di dalam kenyataan hidup mereka:

قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(62)

Andainya manusia ingat dan merenungi hakikat-hakikat ini tentulah dia akan kekal berhubung rapat dengan Allah seperti hubungan fitrahnya yang pertama, dan tentulah dia tidak lalai dari Tuhannya dan tidak mempersekutui-Nya dengan sesiapa pun.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan hakikat-hakikat yang lain yang terdapat di dalam kehidupan dan kegiatan manusia di bumi ini dan di dalam penyaksian-penyaksian mereka yang tidak dapat diingkarkan itu:

أَمَّن يَهْدِيكُمْ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَمَن يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِۦٓ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ تَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٣﴾

"Atau siapakah yang memandu (perjalanan) kamu di tengah-tengah kegelapan di daratan dan lautan, dan siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari apa yang dipersekutukan mereka."(63)

Pedoman-pedoman Dalam Perjalanan

Umat manusia termasuk orang-orang Arab yang mula-mula dihadapkan Al-Qur'an ini kepada mereka sentiasa bermusafir dan mengembara menempuh jalan-jalan darat dan laut, mereka dapat menyelami rahsia-rahsia perjalanan darat dan laut di dalam pengalaman-pengalaman mereka. Mereka mendapat pedoman-pedoman di dalam perjalanan-perjalanan itu. Siapakah yang memberi pedoman kepada mereka? Siapakah yang melengkapkan diri mereka dengan daya-daya berfikir? Siapakah yang membolehkan mereka berpedoman dengan bintang-bintang, alat-alat dan batu-batu tanda di perjalanan? Siapakah yang menghubungkan fitrah mereka dengan fitrah alam buana dan menyambungkan daya tenaga mereka dengan rahsia-rahsia alam buana ini? Siapakah yang melengkapkan telinga mereka dengan daya-daya kebolehan memungut dan menangkap suara dan bunyi, dan melengkapkan mata mereka dengan daya-daya kebolehan menangkap cahaya-cahaya? Siapakah yang melengkapkan pancaindera mereka dengan daya-daya kebolehan menangkap segala sesuatu yang nyata? Kemudian siapakah yang mengurniakan kepada mereka daya berfikir yang dinamakan akal atau hati yang membolehkan mereka mengambil faedah dari hasil-hasil tanggapan itu dan mengumpulkan pengalaman, pancaindera dan ilham?

Siapa? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Angin Yang Membawa Berita Gembira

Siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)?

Walau bagaimanapun pendapat-pendapat yang telah dikemukakan mengenai sebab-sebab kejadian angin dari segi ilmu falak dan ilmu geografi, namun ia adalah tetap mengikut undang-undang dari pelan ciptaan alam yang pertama iaitu undang-undang yang membolehkan angin itu berhembus seperti sekarang ini membawa awan dari satu tempat ke satu tempat dan membawa berita ketibaan hujan yang membawa rahmat Allah kerana hujan adalah punca hayat.

Siapakah yang menciptakan alam ini dengan penciptaan yang sesuai dengan kejadiannya kemudian melepaskan angin membawa berita ketibaan air hujan selaku rahmat-Nya? Siapa? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari segala sembahan yang dipersekutukan mereka.

---

[7] *Lihat tafsir firman Allah Taala "*وخلق كل شيء فقدره تقديرا*" di dalam Surah al-Furqan, juzu' 19.*

Kemudian kenyataan-kenyataan ini diakhiri dengan satu pertanyaan tentang kejadian mereka sendiri dan tentang kejadian mereka yang akan diulangkan sekali lagi, juga tentang rezeki mereka dari langit dan bumi dan pertanyaan ini disertakan pula dengan cabaran:

أَمَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَمَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٦٤﴾

"Atau siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar."(64)

Penciptaan Permulaan Dan Penciptaan Ulangan

Ciptaan permulaan merupakan satu hakikat yang jelas di alam kenyataan, tiada seorang pun yang dapat mengingkarkannya dan tiada siapa pun yang dapat menghuraikannya tanpa kewujudan Allah dan keesaan-Nya. Kewujudan Allah (pasti diakui) kerana kewujudan alam ini dengan sendirinya mengakui kewujudan Allah. Segala percubaan untuk mentafsirkan kewujudan alam yang menunjukkan adanya tadbir dan tujuan ini dengan pentafsiran yang lain dari mengakui kewujudan Allah dan keesaan-Nya itu telah gagal dari segi logik kerana kesan-kesan ciptaan-Nya dengan sendirinya mengakui keesaan-Nya, dan dari kesan-kesan inilah dapat dilihat perencanaan dan pentadbiran yang tunggal dan keselarasan yang sempurna yang secara pastinya menunjukkan wujudnya iradat yang tunggal yang telah menciptakan undang-undang alam yang tunggal itu.

Adapun persoalan penciptaan ulangan atau penciptaan semula (manusia selepas mati), maka persoalan ini telah menjadi persoalan yang dipertikaikan mereka, tetapi apabila telah diakui bahawa Allah itu berkuasa memulakan ciptaan makhluk-Nya dengan ciptaan yang memperlihatkan adanya perencanaan dan pentadbiran tujuan dan penyusunan yang rapi, maka pengakuan itu dengan sendirinya mengakui bahawa Allah berkuasa pula mengulangi atau menciptakan semula supaya manusia dapat menerima balasan yang sebenar terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka di dunia yang fana ini yang tidak mungkin menerima balasan yang sebenar walaupun kadang-kadang setengah-setengah perbuatan mereka menerima balasan di dunia ini. Penyelarasan yang rapi, yang dapat dilihat dengan jelas dalam penciptaan alam buana ini dengan sendirinya memerlukan adanya penyelarasan yang sempurna di antara amalan dan balasan, tetapi penyelarasan ini tidak terlaksana di dunia. Oleh sebab itu pastilah dipercayai adanya alam Akhirat, di mana akan terlaksana penyelarasan yang rapi dan sempurna itu. Adapun persoalan mengapa penyelarasan yang sempurna itu tidak dapat dilaksanakan di dunia, maka persoalan ini adalah terpulang kepada hikmat kebijaksanaan Allah Tuhan yang mencipta dan mentadbir, dan pertanyaan ini tidak sewajarnya dikemukakan kepada Allah, kerana sebagai Pencipta Dialah yang lebih mengetahui tujuan-tujuan ciptaan-Nya. Pendeknya rahsia ciptaan itu adalah tersimpan di sisi Allah yang menciptakannya, dan rahsia itu merupakan urusan ghaib yang tidak dapat diketahui oleh sesiapa pun.

Bertolak dari hakikat wujudnya pertalian yang rapat di antara pengakuan bahawa Allah itu berkuasa memulakan ciptaan hayat dengan pengakuan bahawa Allah juga berkuasa mengulangi ciptaan itu sekali lagi, maka Al-Qur'an bertanya kepada mereka **"Siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya?" "Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Pembekalan Rezeki Dari Langit Dan Bumi

Rezeki dari langit dan bumi itu mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan. Rezeki yang didapati manusia dari bumi itu dapat dilihat di dalam berbagai-bagai bentuk rupa. Yang paling jelas ialah dalam bentuk tumbuh-tumbuhan, haiwan, air dan udara untuk makanan, minuman dan pernafasan. Di antara rezeki-rezeki dari bumi lagi ialah sumber-sumber alam yang tersimpan di dalam bumi seperti galian-galian, harta-harta terpendam, juga khazanah-khazanah dalam laut seperti makanan dan bahan-bahan perhiasan. Di antaranya lagi ialah kuasa-kuasa yang menakjubkan seperti kuasa magnet, kuasa elektrik dan lain-lain kuasa yang masih belum diketahui sesiapa melainkan Allah. Dia hanya membuka sebahagian kecil dari kuasa-kuasa itu kepada manusia dari satu masa ke satu masa.

Bahan-bahan rezeki dari langit yang didapati manusia dalam kehidupan dunia ialah cahaya, haba, hujan dan seluruh kemudahan-kemudahan yang lain, yang disediakan Allah dari berbagai-bagai kuasa dan tenaga. Dan rezeki dari langit yang didapati mereka di Akhirat ialah limpah kurnia Allah yang dibahagikan kepada mereka. Ia merupakan rezeki dari langit dengan pengertiannya yang abstrak yang banyak disebut di dalam Al-Qur'an dan hadith, iaitu pengertian yang melambangkan ketinggian, keluhuran dan keunggulan darjat.

Al-Qur'an menyebut persoalan rezeki manusia dari langit dan bumi selepas menyebut persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan, kerana rezeki dari langit dan bumi itu mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan, kerana hubungan rezeki dari bumi dengan ciptaan permulaan itu memang diketahui umum lantaran dengan rezeki itulah manusia dapat hidup, dan hubungannya dengan ciptaan ulangan itu ialah manusia di Akhirat kelak akan dibalas mengikut amalan dan cara mereka menguruskan rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka di dunia. Hubungan rezeki dari langit dengan ciptaan permulaan itu

memang amat jelas iaitu di dunia rezeki itu ialah untuk hidup dan di Akhirat rezeki itu ialah untuk balasan. Demikianlah dapat dilihat dengan jelas bagaimana halusnya keselarasan dan keseimbangan yang wujud di dalam pengungkapan Al-Qur'an yang mengkagumkan itu.

Ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan merupakan satu hakikat, dan rezeki dari langit dan bumi itu merupakan satu hakikat yang lain pula, tetapi kaum Musyrikin itu lupakan hakikat-hakikat ini. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada hakikat ini dengan cara yang mencabar:

أَءِلَٰهٞ مَّعَ ٱللَّهِۚ قُلۡ هَاتُواْ بُرۡهَٰنَكُمۡ إِن كُنتُمۡ
صَٰدِقِينَ ٦٤

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar."(64)

Al-Qur'an Jadikan Seluruh Kejadian Alam Sebagai Kerangka Logik Pemikiran

Mereka sudah tentu lemah untuk menunjukkan bukti-bukti atau dalil-dalil kebenaran sebagaimana lemahnya orang-orang yang telah cuba mengemukakan dalil-dalil itu sehingga sekarang. Inilah cara Al-Qur'an memperdebatkan persoalan 'aqidah. Ia menggunakan pemandangan-pemandangan alam buana dan hakikat-hakikat jiwa manusia. Ia menggunakan seluruh alam buana ini sebagai frem logik pemikiran yang dapat mempengaruhi hati manusia dan menyedarkan fitrah mereka serta menggilapkannya supaya ia berhakimkan logiknya yang jelas, mudah dan menyampaikan kepada Allah, juga untuk merangsangkan perasaan dan kesedaran mereka dengan hakikat-hakikat yang terpendam di dalam hatinya dan diselubungi kelupaan, keingkaran dan kekufuran. Dengan logik fitrah inilah Al-Qur'an menjelaskan hakikat-hakikat yang mendalam, yang wujud dalam pelan ciptaan alam buana dan di dalam lubuk jiwa manusia, iaitu hakikat-hakikat yang tidak menerima perdebatan yang dicetuskan oleh logik pemikiran manusia yang dingin, yang menular kepada kita dari ilmu logik bangsa Greek dan merebak ke dalam ilmu tauhid atau ilmul-qalam itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 75)

Selepas menjelajah ke merata pelosok alam dan di dalam lubuk jiwa mereka untuk menegakkan konsep Wahdaniyah dan menolak konsep syirik, Al-Qur'an membawa mereka menjelajah ke alam ghaib yang tersembunyi, yang tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Allah Pencipta Yang Maha Esa dan Maha Pentadbir, juga menjelajah ke alam Akhirat, salah satu dari urusan-urusan Allah yang ghaib, iaitu sebuah alam yang diakui logik, tanggapan spontan dan fitrah manusia bahawa alam Akhirat itu perlu ada, tetapi hanya daya fikir dan ilmu pengetahuan manusia sahaja yang tidak dapat menentukan bilakah masanya:

قُل لَّا يَعۡلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ ٱلۡغَيۡبَ إِلَّا ٱللَّهُۚ
وَمَا يَشۡعُرُونَ أَيَّانَ يُبۡعَثُونَ ٦٥
بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلۡمُهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِۚ بَلۡ هُمۡ فِي شَكّٖ مِّنۡهَاۖ
بَلۡ هُم مِّنۡهَا عَمُونَ ٦٦
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبٗا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا
لَمُخۡرَجُونَ ٦٧
لَقَدۡ وُعِدۡنَا هَٰذَا نَحۡنُ وَءَابَآؤُنَا مِن قَبۡلُ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّآ
أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٦٨
قُلۡ سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلۡمُجۡرِمِينَ ٦٩
وَلَا تَحۡزَنۡ عَلَيۡهِمۡ وَلَا تَكُن فِي ضَيۡقٖ مِّمَّا يَمۡكُرُونَ ٧٠
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٧١
قُلۡ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعۡضُ ٱلَّذِي
تَسۡتَعۡجِلُونَ ٧٢
وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا
يَشۡكُرُونَ ٧٣
وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعۡلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمۡ وَمَا يُعۡلِنُونَ ٧٤
وَمَا مِنۡ غَآئِبَةٖ فِي ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ
مُّبِينٍ ٧٥

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66). Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah,

kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?(67). Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja(68). Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa(69). Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka(70). Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?(71). Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu(72). Dan sesungguhnya Tuhanmu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur(73). Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Keperluan Wujudnya Alam Akhirat

Beriman kepada hari kebangkitan, perhimpunan di Mahsyar, hisab dan balasan merupakan rukun 'aqidah Islam yang pokok. Sistem 'aqidah Islam tidak mungkin tegak di dalam kehidupan tanpa kepercayaan kepada rukun ini. Oleh sebab itu sebuah alam Akhirat yang ditunggu-tunggu pasti ada untuk menyempurnakan balasan (terhadap amalan-amalan manusia di dunia) dan mengimbangkan di antara amalan dan balasan. Alam Akhirat yang ditunggu-tunggu itu pasti ada supaya hati manusia mengingatinya dan jiwa mereka membuat perhitungannya, juga supaya manusia melakukan kegiatan-kegiatan hidupnya di bumi ini berdasarkan kepada balasan-balasan yang akan diterimanya di alam Akhirat sana.

Di dalam sejarah manusia dalam berbagai-bagai generasi dan risalah-risalah mereka telah memperlihatkan sikap yang aneh terhadap persoalan kebangkitan dan alam Akhirat walaupun persoalan itu mudah dan perlu. Mereka merasa begitu pelik apabila seorang rasul memberitahu mereka bahawa selepas mati ada kebangkitan dan selepas kehancuran jasad ada hidup sekali lagi. Mu'jizat qudrat Allah yang mula menciptakan hidup yang wujud di alam kenyataan ini, yang tidak dapat diingkarkan mereka tidak pernah mengilhamkan kepada mereka bahawa penciptaan hidup sekali lagi itu adalah lebih mudah dan lebih senang kepada Allah. Oleh sebab itulah mereka tidak menghiraukan amaran Rasul yang mengingatkan mereka dengan hari Akhirat dan terus ingkar, menentang dan mendustakan Rasul.

Alam Akhirat adalah sebuah alam ghaib, yang hanya Allah sahaja yang mengetahui-Nya, tetapi mereka menuntut supaya ditentukan waktunya. Jika tidak mereka akan terus mendustakan para rasul itu dan menganggapkan Akhirat itu sebagai dongeng-dongeng yang sering disebut-sebut tetapi tidak pernah wujud di alam kenyataan.

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa urusan ghaib itu adalah urusan Allah semata-mata, dan bahawa ilmu pengetahuan mereka mengenai alam Akhirat adalah amat terbatas:

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِي ٱلْءَاخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya."(66)

Manusia Di Hadapan Urusan Ghaib

Sejak mula diciptakan lagi manusia berdiri jahil di hadapan tabir alam ghaib yang tersembunyi. Ilmu pengetahuan mereka tidak dapat menembusinya. Mereka tidak mengetahui apa yang ada di sebalik tabir alam ghaib itu melainkan sekadar yang telah didedahkan Allah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib, dan apa yang dikehendaki Allah itu memang menjadi kebaikan kepada mereka, kerana sekiranya Allah mengetahui bahawa penyingkapan tabir alam ghaib itu boleh membawa kebaikan kepada manusia tentulah Allah bukakan tabir itu kepada mereka yang memang sangat kepingin untuk melihat rahsia-rahsia di sebaliknya.

Allah S.W.T. telah mengurniakan kepada manusia berbagai-bagai bakat kebolehan dan berbagai-bagai daya tenaga yang dapat mereka gunakannya untuk melaksanakan tugas khilafah yang besar di bumi ini dan tidak lebih dari tugas itu, sedangkan pembukaan tabir urusan ghaib untuk mereka bukanlah termasuk dalam perkara-perkara yang boleh menolong mereka untuk melaksanakan tugas ini, malah tertutupnya mata mereka dari melihat urusan ghaib itulah yang menggalakkan mereka ke arah mencari ilmu pengetahuan, mereka akan berusaha menggali, menyelidik dan menyiasat, dan di dalam perjalanan menyelidik dan menyiasat itu mereka berjaya mengeluarkan bahan-bahan yang tersembunyi di dalam bumi, di dalam lautan dan di pelosok-pelosok angkasa lepas, mereka dapat menemui undang-undang alam, kuasa-kuasa yang tersembunyi dan rahsia-rahsianya yang di simpan untuk kebajikan umat manusia, mereka berjaya menganalisakan bahan-bahan bumi, menyusun dan mengubah rupa bentuknya dan mereka berjaya merekakan berbagai-bagai bentuk hidup hingga mereka dapat menunaikan peranan mereka yang sempurna di dalam memaju dan memakmurkan bumi ini dan merealisasikan janji Allah yang telah melantikkan manusia sebagai khilafah untuk memerintah bumi ini.

Makhluk-makhluk Yang Lain Juga Tidak Mengetahui Urusan Ghaib

Bukannya makhluk manusia sahaja yang tertutup dari urusan-urusan Allah yang ghaib itu, malah seluruh makhluk Allah yang lain, yang ada di langit dan di bumi juga turut tertutup dari urusan ghaib, sama ada malaikat, jin dan lain-lain makhluk yang ada di dalam ilmu Allah. Seluruh mereka ditugaskan melaksanakan urusan-urusan yang tidak memerlukan kepada pembukaan tabir urusan ghaib, yang mana rahsianya hanya berada di dalam ilmu Allah sahaja tidak di dalam ilmu pengetahuan yang lain dari-Nya.

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah."(65)

Ini adalah satu nas yang tegas dan tiada siapa pun yang boleh membuat dakwaan yang berlainan darinya dan tiada ruang untuk khayal dan tahyul di samping nas (yang jelas ini).

Setelah membuat penjelasan yang menyeluruh mengenai urusan ghaib, Al-Qur'an mengkhususkan pula penerangannya mengenai kedatangan hari Akhirat kerana ia merupakan persoalan yang menjadi punca pertikaian dengan kaum Musyrikin selepas persoalan tauhid:

وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?"(65)

Pengetahuan Manusia Tentang Alam Akhirat

Di sini Al-Qur'an menafikan ilmu mereka tentang masa kebangkitan itu dalam bentuknya yang paling kabur iaitu sedar dan merasa, yakni mereka tidak mengetahui masa kebangkitan itu dengan yakin dan tidak pula sedar dan merasa ketika masa kebangkitan itu menghampiri mereka. Tegasnya masa kebangkitan itu merupakan perkara dari urusan ghaib yang tiada siapa pun mengetahuinya sama ada oleh makhluk yang ada di langit atau yang ada di bumi. Dari sini Al-Qur'an beralih dari persoalan ini untuk menceritakan keadaan mereka semasa berada di alam Akhirat dan sejauh mana mereka mengetahui hakikatnya:

بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِي ٱلْأَخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya."(66)

بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِي ٱلْأَخِرَةِ ۚ

"Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana)."(66)

Ilmu pengetahuan mereka telah berakhir di perbatasan-nya, ilmu pengetahuan mereka lemah untuk mengetahuinya. Ia terhenti setakat itu sahaja dan tidak dapat sampai kepadanya.

بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ

"Malah mereka berada di dalam keraguan terhadap-nya."(66)

akni mereka tidak yakinkan kedatangan hari Akhirat apatah lagi mengetahui masanya dan menunggu ketibaannya.

بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Malah mereka buta darinya."(66)

Yakni mereka berada di dalam keadaan buta tentang hari Akhirat. Mereka tidak nampak sedikit pun tentang urusan hari itu. Mereka tidak memahami sedikit pun tentang tabi'atnya, dan ini lebih jauh lagi dari keadaan yang pertama (ilmu yang tidak sampai) dan yang kedua (ragu-ragu):

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا لَمُخْرَجُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah, Kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?"(67)

Inilah kompleks yang sentiasa dihadapi oleh orang-orang kafir: Jika hidup ini telah berpisah dari kami dan jasad kami telah menjadi reput dan hancur lebur bertaburan di dalam kubur dan akhirnya menjadi tanah... jika semua ini berlaku – dan ia memang berlaku kepada orang yang mati setelah ditanam dalam tempoh yang tertentu kecuali di dalam kes-kes yang ganjil dan luar biasa – jika hal ini berlaku kepada kami dan kepada datuk nenek kami yang telah mati sebelum kami, apakah mungkin kami akan dibangkit hidup sekali lagi dan dikeluarkan dari bumi, di mana jasad-jasad kami telah hancur lebur dan menjadi tanah?

Demikianlah rungutan mereka dan gambaran kebendaan inilah yang menjadi penghalang yang menghalangkan mereka dari memahami konsep hidup Akhirat. Mereka lupa bahawa mereka dahulu telah pun dijadikan Allah bagi permulaan kali sedangkan mereka sebelum itu belum jadi apa-apa lagi. Tiada seorang pun mengetahui dari mana datangnya sel-sel dan zarah-zarah yang membentuk lembaga-lembaga tubuh badan mereka. Dahulu sel-sel dan zarah-zarah itu bertaburan di merata pelosok bumi, di dasar-dasar laut dan di ruang-ruang angkasa lepas. Di antaranya ada yang datang dari tanah bumi, ada yang datang dari anasir-anasir udara dan air, ada yang datang dari matahari yang jauh, ada yang datang dari pernafasan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan. Di antaranya pula ada yang datang dari

jasad yang reput, yang mana setengah-setengah anasirnya mengewap di udara, kemudian sel-sel dan zarah-zarah ini muncul dalam makanan yang dimakan mereka, dalam minuman yang diminum mereka, dalam udara yang disedut mereka dan dalam cahaya yang memanaskan diri mereka, dan ketika itulah sel-sel dan zarah-zarah yang bertaburan, yang tiada siapa mengetahui sumber dan bilangannya melainkan Allah itu berkumpul di dalam satu lembaga manusia. Ia berkembang subur dari sebiji telur yang kecil, yang melekat di dalam rahim ibu dan pada akhir-nya dia menjadi jasad yang ditutup dengan kain kapan. Demikianlah mereka dijadikan Allah pada permulaan kali. Oleh itu adakah pelik bagi Allah untuk menjadikan mereka sekali lagi seperti itu atau dalam bentuk yang lain? Tetapi mereka tetap merungut seperti ini dan setengah-setengah mereka masih terus merungut begitu pada hari ini dengan sedikit perbezaan sahaja.

Demikianlah rungutan mereka kemudian mereka iringkan pula rungutan yang jahil dan buta ini dengan ejekan dan sangkalan:

"Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja."(68)

Mereka tahu bahawa rasul-rasul sebelum mereka telah mengingatkan datuk nenek mereka dengan kebangkitan semula selepas mati. Ini menunjukkan bahawa fikiran orang-orang Arab bukannya sunyi dari 'aqidah dan bukannya langsung tidak peduli kepada konsep-konsepnya, malah mereka hanya memandang janji-janji itu tidak pernah dikotakan sejak zaman dahulu kala lagi, dan berdasarkan hakikat inilah mereka mempermain-mainkan janji yang baru ini sambil mengatakan bahawa janji-janji itu hanya dongeng-dongeng orang-orang purbakala sahaja yang diceritakan oleh Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan mereka lupa bahawa Qiamat itu mempunyai masanya yang tertentu, yang tidak akan dipercepatkan kerana gesaan manusia dan tidak akan diperlambatkan kerana memenuhi harapan mereka. Qiamat itu akan datang tepat pada waktunya yang diketahui Allah dan tidak diketahui oleh mana-mana makhluk baik di langit mahupun di bumi. Rasulullah s.a.w. pernah menjawab pertanyaan Jibril a.s. apabila dia bertanya beliau tentang masa Qiamat dengan sabdanya: "Orang yang ditanya bukannya lebih tahu dari orang yang bertanya."[8]

Pendusta Qiamat Disaran Menjelajah Dunia

Di sini Al-Qur'an menyentuh hati mereka dan membimbing mereka supaya merenungi akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang sebelum mereka yang telah mendustakan janji Qiamat itu dan Al-Qur'an menamakan orang-orang ini sebagai orang-orang yang berdosa:

"Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa."(69)

Tujuan bimbingan ini ialah untuk meluaskan ufuk-ufuk pemikiran mereka, kerana sesuatu generasi manusia itu bukannya terputus dari pokok salsilah umat manusia, malah generasi itu juga diperintah dengan undang-undang yang memerintah pokok salsilah umat manusia. Oleh itu apa yang telah berlaku kepada orang-orang yang berdosa sebelum mereka akan berlaku pula kepada orang-orang yang berdosa selepas mereka, kerana undang-undang Allah tidak pernah mungkir dan tidak memilih kasih. Penjelajahan di merata pelosok bumi itu akan mendedahkan kepada manusia berbagai-bagai contoh teladan, berbagai-bagai kelakuan dan keadaan yang dapat memberi pengajaran, dapat membuka jendela-jendela yang terang dan dapat menyentuh hati mereka yang kadang-kadang boleh menyedar dan menghidupkannya. Al-Qur'an mengarah manusia supaya mengkaji undang-undang Allah yang berterusan kuatkuasa-Nya serta memikirkan langkah-langkah dan rangkaian-rangkaian pertaliannya supaya mereka hidup dengan perhubungan-perhubungan yang bersambung dan ufuk-ufuk pemikiran yang luas, bukannya hidup beku membatu, hidup tertutup, sempit dan putus hubungan.

Setelah mengarah mereka membuat penjelajahan ini, Allah menyuruh Rasul-Nya s.a.w. supaya berlepas tangan dari mereka dan tinggalkan sahaja mereka menerima nasib kesudahan mereka sendiri seperti yang telah diterima oleh orang-orang seperti mereka, juga supaya beliau jangan merasa begitu susah hati dengan tipu daya mereka, kerana mereka tidak akan berdaya melakukan apa-apa kemudharatan kepadanya, juga supaya beliau jangan merasa dukacita terhadap sikap mereka, kerana beliau telah pun menunaikan kewajipannya terhadap mereka, dan telah pun menyampai dan memberi penerangan yang jelas kepada mereka.

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka."(70)

[8] Dari hadith Abdullah ibn Umar mengenai hakikat Islam dan iman. Ia dikeluarkan oleh Muslim dan Ashab As-sunan.

Ayat ini menggambarkan perasaan hati Nabi s.a.w. dan kesedihan beliau terhadap nasib kesudahan kaumnya yang diketahuinya sama dengan nasib kesudahan yang telah diterima para pendusta sebelum mereka. Ayat ini juga menunjukkan betapa kejamnya tipu daya mereka terhadap beliau, terhadap da'wah dan terhadap kaum Muslimin hingga dada beliau yang lapang itu dirasakannya begitu sempit.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan penceritaannya mengenai kata-kata mereka terhadap persoalan kebangkitan dan ejekan mereka terhadap janji-janji azab di dunia dan Akhirat:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٧١﴾

"Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?"(71)

Mereka berkata begitu setiap kali apabila mereka diancam dengan nasib kesudahan yang telah menimpa orang-orang yang berdosa sebelum mereka dan kesan-kesan kebinasaan negeri-negeri yang dilalui mereka seperti kesan-kesan negeri Lut, kesan-kesan Thamud di al-Hijr, kesan-kesan 'Ad di al-Ahqaf dan tempat-tempat kediaman di Saba' setelah berlaku banjir al-'Arim. Mereka berkata mengejek: **"Bilakah janji azab ini jika kamu benar?"** Bilakah datangnya azab yang kamu ancamkan kami dengannya itu? Jika kamu benar bawalah azab itu sekarang atau cakapkan kepada kami bilakah masanya yang telah ditetapkan?

Di sini datanglah jawapan yang membayangkan kedahsyatan azab yang ditunggu-tunggu itu dan membayangkan ejekan dan amaran dalam beberapa kalimat yang pendek sahaja:

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعْضُ ٱلَّذِى تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٧٢﴾

"Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu."(72)

Jawapan demikian menimbulkan perasaan takut dan gelisah di dalam hati mereka terhadap bayang-bayang azab itu. Mungkin azab itu sudah berada di belakang mereka seperti pembonceng di belakang penunggang kenderaan, sedangkan mereka tidak sedar. Mereka yang dilamun kelalaian itu menggesa agar azab itu menimpa mereka dengan segera, sedangkan azab itu sedang membonceng di belakang mereka. Alangkah dahsyatnya kejutan azab ini yang sudah tentu menggerunyutkan urat saraf mereka, sedangkan mereka terus mengejek dan tidak mempedulikan apa-apa.

Siapakah yang mengetahui? Sesungguhnya urusan ghaib itu adalah tersembunyi dan terlindung di belakang tabir yang dilabuhkan. Tiada siapa pun yang mengetahui segala apa yang ada di sebaliknya. Mungkin tidak beberapa langkah lagi akan berlaku sesuatu yang memeranjat dan menakutkan. Hanya orang yang berakal sahaja yang sentiasa beringat, dan bersedia di setiap waktu untuk menghadapi peristiwa-peristiwa yang tersembunyi di sebalik tabir ghaib itu.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Dan sesungguhnya Tuhamnu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur."(73)

Limpah kurnia Allah itu dapat dilihat pada kemurahan-Nya menangguhkan azab terhadap mereka, sedangkan mereka berdosa atau cuai, supaya mereka dapat bertaubat dan kembali ke pangkal jalan yang lurus. **"Tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur"** di atas limpah kurnia-Nya itu, malah mereka mengejek dan menggesa supaya disegerakan azab itu atau mereka terus lalai di dalam kesesatan dan tidak memikirkannya.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٤﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka."(74)

Yakni Allah menangguhkan azab terhadap mereka, sedangkan dia tahu segala isi hati mereka dan segala kejahatan yang dinyatakan lidah dan tindak-tanduk mereka. Tegasnya penangguhan azab itu adalah dilakukan dengan penuh ilmu pengetahuan dan dengan penuh limpah kemurahan Allah, sedangkan mereka selepas itu akan dihisab segala kejahatan yang disembunyikan di dalam hati mereka dan segala kejahatan yang dizahirkan mereka.

Kemudian penjelajahan ini diakhiri dengan menjelaskan ilmu Allah yang lengkap dan sempurna. Tiada suatu pun yang tersembunyi dari ilmu-Nya baik di langit mahupun di bumi:

وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِى ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

"Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Minda dan imaginasi manusia menjelajah di langit dan di bumi mencari segala sesuatu yang ghaib, rahsia yang ghaib, kekuatan dan berita yang ghaib, sedangkan seluruh yang ghaib itu terikat dengan ilmu Allah belaka, tiada suatu pun yang terlepas dan hilang dari ilmu-Nya. Penekanan di dalam surah ini semuanya ialah pada hakikat ilmu pengetahuan. Berbagai-bagai isyarat telah disebut mengenai hakikat itu dan inilah salah satu darinya yang mengakhiri penjelajahan ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 91)

Sesuai dengan pembicaraan mengenai ilmu Allah yang sempurna itu, Allah menyebut keterangan yang disebut oleh Al-Qur'an mengenai keputusan muktamad dalam perkara-perkara yang dipertikaikan oleh Bani Israel, kerana keputusan itu merupakan sebahagian dari ilmu Allah yang diyakini kebenaran-Nya dan merupakan contoh dari limpah kemurahan Allah dan contoh pengadilan-Nya di antara mereka yang bertikai satu sama lain supaya keterangan ini dapat menghiburkan Rasulullah s.a.w. agar beliau tinggalkan sahaja urusan kaum Musyrikin itu kepada Allah untuk mengadili di antara beliau dan mereka dengan keputusannya yang final:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾

وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُم بِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٧٨﴾

فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ﴿٧٩﴾

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٨٠﴾

وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِى ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang mereka berselisih faham mengenainya(76). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para mu'minin(77). Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya, dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata(79). Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangi-mu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Kaum Kristian telah bertikai di antara mereka tetang hakikat at-Masih a.s. dan ibunya Maryam.

Persoalan-persoalan Yang Diperintahkan Oleh Penganut-penganut Kristian

Segolongan dari mereka berpendapat bahawa al-Masih itu adalah seorang manusia tulen. Sementara segolongan lagi berpendapat bahawa sang bapa, sang anak dan Ruhul-Quds itu merupakan gambaran-gambaran yang berlainan, yang digunakan Allah untuk menyatakan diri-Nya kepada manusia. Jadi menurut dakwaan mereka Allah itu tersusun dari tiga uqnum iaitu sang bapa, sang anak dan Ruhul-Quds. Sang anak ialah Isa. Allah yang menjadi sang bapa itu telah turun menjelma dengan rupa Ruhul-Quds dan menjelma menjadi manusia di dalam rahim Maryam kemudian lahir dari Maryam sebagai Yasu' (Isa). Segolongan pula berpendapat bahawa sang anak itu tidak azali seperti sang bapa, malah dia adalah makhluk yang diciptakan sebelum alam dan oleh sebab itulah dia lebih rendah dari sang bapa dan tunduk patuh kepadanya. Segolongan lagi mengingkarkan Ruhul-Quds itu sebagai salah satu uqnum. Majlis paderi Nicaea (Council of Nicaea) pada tahun 325 dan majlis paderi Constantinople (Council of Constantinople) pada tahun 381 telah membuat keputusan bahawa sang anak dan Ruhul-Quds adalah sama dengan sang bapa dalam unit ketuhanan dan bahawa sang anak itu telah dilahirkan sejak azali lagi dari sang bapa dan bahawa Ruhul-Quds itu terbit dari sang bapa. Sementara majlis paderi Toledo (Council of Toledo) pada tahun 589 telah memutuskan bahawa Ruhul-Quds adalah juga terbit dari sang anak. Gereja Timur dan Gereja Barat telah berselisih pendapat tentang masalah ini dan terus bertikai sehingga akhir. Kemudian datang Al-Qur'anul-Karim memberi keputusan muktamad di antara mereka. Ia menjelaskan bahawa al-Masih ialah Kalimatullah yang dicampakkan kepada Maryam dan roh dari ciptaan-Nya dan bahawa al-Masih hanya seorang manusia sahaja. Firman Allah:

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَٰهُ مَثَلًا لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٥٩﴾

"Dia (Isa) tidak lain melainkan hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat kepadanya dan Kami jadikannya sebagai bukti (kekuasaan Kami) kepada Bani Israel."

(Surah az-Zukhruf: 59)

Ini merupakan kata pemutus dalam persoalan yang dipertikaikan mereka.

Mereka telah bertikai pendapat seperti ini juga di dalam masalah salib Nabi Isa a.s. Setengah mereka berpendapat bahawa Isa telah disalibkan sehingga mati dan dikebumikan, kemudian selepas tiga hari beliau bangkit dari kuburnya dan terus naik ke langit. Setengahnya pula berpendapat Yahuza, salah seorang pengikut atau sahabat Isa yang telah mengkhianatinya dan menunjukkan tempat persembunyian-nya, telah diserupakan dengan rupa beliau dan dialah yang disalibkan. Ada pula yang berkata bahawa sahabat yang diserupakan dengan Isa

itu ialah Simon dan dialah yang ditangkap. Kemudian Al-Qur'an mengemukakan cerita yang benar dengan firman-Nya:

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ

"Mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi mereka telah dikelirukan dengan orang yang serupa (dengan Isa)."

(Surah an-Nisa': 157)

Dan firman-Nya lagi:

يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ

"Wahai Isa! Sesungguhnya Akulah yang mewafatkan engkau dan Akulah yang telah mengangkatkan engkau kepada-Ku dan membersihkan engkau...."

(Surah Aali 'Imran: 55)

Inilah kata pemutus di dalam pertikaian itu.

Sebelum ini kaum Yahudi telah mengubahkan kitab Taurat dan meminda undang-undangnya yang telah ditetapkan Allah, lalu Al-Qur'anul-Karim datang menerangkan undang-undang yang asal yang telah diturunkan Allah:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ

"Dan Kami telah menetapkan ke atas mereka di dalam kitab Taurat bahawa nyawa dibalas dengan nyawa, mata di balas dengan mata, hidung di balas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka dibalas dengan setimpal."

(Surah al-Ma'idah: 45)

Al-Qur'an Membersihkan Nabi-nabi Dari Anggapan Yang Jahat

Al-Qur'an telah menceritakan kepada mereka cerita yang sebenar tentang sejarah mereka dàn nabi-nabi mereka, iaitu cerita yang bersih dari berbagai-bagai dongeng yang karut dari riwayat-riwayat yang bercanggah satu sama lain, dan cerita yang membersihkan segala kekotoran yang dilumurkan oleh riwayat-riwayat itu terhadap nabi-nabi mereka. Mengikut riwayat-riwayat itu tiada seorang pun dari nabi-nabi Bani Israel yang bersih. Nabi Ibrahim - mengikut dakwaan mereka - telah menyerahkan isterinya kepada Abi Malak raja orang-orang Palestin dan kepada Fir'aun raja negeri Mesir atas namanya sebagai saudara perempuannya dengan harapan untuk mendapatkan ni'mat layanan yang baik dari kedua orang raja itu. Nabi Ya'kub iaitu Israel telah mengambil secara curi, tipu helah dan dusta biri-biri datuk Ibrahim dari ayahnya Ishaq, sedangkan menurut dakwaan mereka biri-biri itu adalah kepunyaan saudara tuanya 'Aisu. Mereka juga mendakwa bahawa Nabi Lut telah diberi minuman yang memabukkan oleh kedua anak perempuannya semalam seorang dengan tujuan supaya beliau tidur dengannya agar dia dapat melahirkan anak dari bapanya dan dengan ini harta kekayaan bapanya tidak terlepas ke tangan orang lain kerana Lut tidak mempunyai anak lelaki yang mewarisinya, dan kehendak kedua-dua anak perempuannya itu telah tercapai. Nabi Daud pula telah ternampak seorang perempuan yang cantik dari atas sutuh istananya. Beliau kenal perempuan itu sebagai isteri kepada salah seorang askarnya, lalu beliau menghantar askar itu ke tempat yang membinasakannya untuk mendapatkan - menurut dakwaan mereka - isterinya itu. Nabi Sulaiman pula cenderung menyembah keldai kerana mengambil hati salah seorang isterinya yang amat disayanginya dan tidak pernah dibantahkan kehendak-kehendaknya.

Al-Qur'an telah datang membersihkan lembaran sejarah para rasul yang mulia itu, yang telah dicemari oleh dongeng-dongeng Israel, yang ditokok tambah ke dalam kitab Taurat yang telah diturunkan Allah itu. Begitu juga Al-Qur'an telah membetulkan cerita-cerita karut mengenai Nabi Isa a.s.

Kitab suci Al-Qur'anul-Karim yang mengawasi kitab-kitab suci sebelumnya itu telah memberi kata pemutus dalam pertelingkahan-pertelingkahan kaum (Ahlil-Kitab). Ia telah mengadili di dalam persoalan-persoalan yang dipertikaikan mereka tetapi kitab suci Al-Qur'anul-Karim inilah yang dipertikaikan kaum Musyrikin (Makkah), sedangkan kitab suci inilah yang menjadi pengadil yang memberi kata pemutus di antara mereka (Ahlil-Kitab) yang berselisih dan bertelagah sesama mereka.

وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin."(77)

"Suatu hidayat" yang dapat menyelamatkan mereka dari perselisihan dan kesesatan, menyatukan cara hidup dan membantu perjalanan (menuju kepada Allah) dan menghubungkan mereka dengan undang-undang umum alam buana yang tidak pernah mungkir dan menyimpang. **"Dan rahmat"** yang melindungi mereka dari keraguan, kegelisahan, kebingungan dan dari meraba-raba di antara berbagai-bagai sistem hidup dan teori-teori yang tidak pernah mantap, dan menghubungkan mereka dengan Allah supaya mereka tenang tenteram berada di samping-Nya dan di dalam perlindungan-Nya dan supaya mereka hidup aman damai dengan diri sendiri dan dengan orang ramai di sekeliling mereka dan akhirnya supaya mereka mencapai keredhaan Allah dan pahalanya yang melimpah-ruah.

Sistem Hidup al-Qur'an Selaras Dengan Fitrah Dan Undang-undang Alam

Sistem hidup Al-Qur'an adalah satu sistem yang unik untuk membangun semula jiwa manusia dan untuk mengaturkannya supaya selaras dengan kehendak fitrah manusia yang bersih dan selaras pula dengan alam buana yang menjadi gelanggang hidupnya, juga selaras dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini dengan mudah, selesa dan tanpa sebarang keberatan itu. Oleh sebab itu dia dapat meni'mati di dalam jiwanya rasa kedamaian dan ketenteraman yang amat besar kerana dia hidup di sebuah alam yang tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturannya apabila dia telah mengenal titik-titik hubungannya dengan alam buana itu dan apabila dia mengetahui bahawa undang-undang jiwanya itu sama dengan undang-undang alam buana. Keselarasan dan keharmonian di antara jiwa dengan alam buana, kedamaian besar di antara hati manusia dengan alam buana yang besar ini adalah melahirkan kedamaian di antara kelompok manusia dan kedamaian di antara umat manusia dan mencetuskan ketenteraman dan kemantapan hidup mereka. Inilah rahmat dalam gambaran dan ertinya yang paling sempurna .

Selepas menyebut limpah kurnia Allah kepada manusia yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an yang memberi keputusan muktamad di dalam pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku di kalangan Bani Israel dan memimpin orang-orang yang beriman kepadanya ke jalan hidayat serta melimpahkan rahmat ke atas mereka, maka Al-Qur'an menjelaskan pula kepada Rasulullah s.a.w. bahawa Allah akan memberi keputusan-Nya yang muktamad di dalam perselisihan yang berlaku di antaranya dengan kaumnya, dan Dia akan mengadili di antara mereka dengan keputusan yang benar, yang tidak dapat ditolak iaitu keputusan yang kukuh yang berlandaskan ilmu yang penuh yakin:

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُم بِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٧٨﴾

فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ﴿٧٩﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata."(79)

Kemenangan Kebenaran Merupakan Undang-undang Alam

Allah S.W.T. telah menjadikan kemenangan kebenaran itu sebagai undang-undang alam yang sama dengan undang-undang kejadian langit dan bumi dan undang-undang pertukaran siang dan malam, iaitu satu undang-undang yang tidak pernah mungkir. Kadang-kadang kemenangan itu dirasa terlambat. Ia terlambat kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah untuk mencapai tujuan-tujuan yang ditetapkan-Nya, tetapi undang-undang itu tetap berjalan seperti yang dijanjikan Allah dan Allah tidak pernah memungkiri janji-Nya. Keimanan tidak sempurna melainkan dengan mempercayai kebenaran janji Allah dan sanggup menunggu masa terkotanya janji itu, kerana janji Allah mempunyai waktunya yang tetap, tidak terdahulu dan tidak pula terlewat darinya.

Al-Qur'an terus menghiburkan Rasulullah s.a.w. kerana keliaran kaumnya dan kedegilan mereka yang terus kafir itu walaupun beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh memberi nasihat dan penjelasan dan mengemukakan ayat-ayat Al-Qur'an kepada mereka. Al-Qur'an terus menghibur-hati beliau di atas segala yang berlaku itu kerana beliau bukannya cuai menjalankan da'wahnya, tetapi beliau hanya berkuasa memperdengarkan da'wahnya kepada mereka yang mempunyai hati yang hidup dan mempunyai telinga-telinga yang dapat mendengar, kerana orang-orang inilah sahaja yang tergerak hati mereka untuk menerima nasihat dari penasihat yang jujur. Adapun orang-orang yang mempunyai hati yang mati dan mata yang buta dari melihat bukti-bukti hidayat dan iman, maka beliau tidak berkuasa berbuat apa-apa terhadap mereka. Beliau tidak mempunyai sebarang jalan untuk menembusi hati mereka dan di samping itu tidak ada apa-apa kesalahan kepada beliau jika mereka terus berada di dalam kesesatan mereka yang begitu lama itu:

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٨٠﴾

وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِى ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangi-mu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Kelompok Manusia Yang Menyambut Da'wah

Pengungkapan Al-Qur'an yang indah itu melukiskan satu gambaran yang hidup dan bergerak, iaitu gambaran keadaan jiwa manusia yang tidak dapat dilihat, gambaran keadaan hati yang beku, keadaan roh yang mati, keadaan perasaan yang bebal dan hambar. Sekali ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan manusia yang mati, di mana Rasulullah s.a.w. sedang menyampaikan seruan kepada mereka, tetapi mereka tidak mendengar seruannya kerana orang-orang yang mati itu memang

tidak sedar. Sekali pula ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan orang-orang yang pekak yang tidak menghiraukan orang yang menyeru mereka, kerana orang-orang yang pekak itu memang tidak dapat mendengar, sekali pula ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan orang-orang yang buta yang terus hidup dalam kebutaan mereka. Mereka tidak melihat orang yang hendak memberi hidayat kepada mereka kerana orang-orang yang buta itu memang tidak dapat melihat. Gambaran-gambaran ini kelihatan benar-benar jelas, hidup dan bergerak menggambarkan pengertian itu dan mendalamkannya di dalam perasaan kita.

Di hadapan kumpulan manusia yang mati, pekak dan buta itu di sana berdirinya kumpulan manusia yang beriman. Merekalah kumpulan manusia yang hidup yang dapat mendengar dan melihat.

إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Yakni engkau hanya dapat memperdengarkan da'wahmu kepada orang-orang yang mempunyai hati yang bersedia untuk menerima ayat-ayat Allah, iaitu mereka yang bersedia dengan hidup mereka, dengan pendengaran dan penglihatan mereka. Alamat hidup ialah kesedaran, dan alamat mendengar dan melihat ialah kebolehan mengambil manfa'at dari apa yang didengar dan dilihat mereka. Orang-orang yang beriman sentiasa mengambil manfa'at dari hidup mereka, dari pendengaran dan penglihatan mereka. Tugas Rasulullah s.a.w. ialah memperdengarkan da'wah kepada mereka, membentangkan ayat-ayat Allah kepada mereka dan lantas mereka menerimanya dan menyerah diri kepada Allah pada sa'at itu juga.

Islam itu mudah, jelas dan dekat dengan fitrah yang sihat. Sebaik sahaja hati yang sihat itu mengenal Islam ia terus menerima dan menyerahkan dirinya. Ia tidak membantah dan menyangkal. Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan hati orang-orang yang beriman yang bersedia menerima hidayat dan mendengar da'wah tanpa menyangkal dan membantah. Sebaik sahaja mereka diseru oleh Rasul dan disampaikan ayat-ayat Allah, mereka terus beriman dan menyahuti da'wah itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 82 - 90)

Selepas itu Al-Qur'an membawa mereka mengembara lagi untuk meninjau alamat-alamat Qiamat dan setengah-setengah pemandangannya sebelum membuat kenyataan yang akhir menamatkan surah ini. Dalam pengembaraan ini disebut tentang kelahiran binatang yang bercakap kepada manusia yang tidak beriman kepada bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana ini, juga dilukiskan satu pemandangan perhimpunan manusia di padang Mahsyar, di mana para pendusta ayat-ayat Allah itu dikecam, sedangkan mereka tunduk terpegun dan diam membisu. Kemudian dari pemandangan ini Al-Qur'an membawa mereka meninjau dua tanda kekuasaan Allah iaitu kejadian malam dan siang yang dibentangkan di hadapan mata manusia, sedangkan mereka lalai dari memikirkannya. Kemudian ia membawa mereka sekali lagi meninjau pemandangan yang amat mengerikan pada hari ditiup sangkakala, pada hari gunung-ganang berjalan dan melintas laju seperti awan, kemudian ditayangkan pula kepada mereka pemandangan para Muhsinin yang aman dari malapetaka yang ngeri itu dan pemandangan orang-orang yang berdosa yang disembamkan muka mereka ke dalam api Neraka:

وَإِذَا وَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَّةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ﴿٨٢﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿٨٣﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ﴿٨٥﴾

أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٨٦﴾

وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ﴿٨٧﴾

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ هَلْ

تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan apabila keputusan (azab) telah dijatuhkan ke atas mereka, kami akan keluarkan kepada mereka sejenis binatang dari bumi yang berbicara dengan mereka: Sesungguhnya manusia telah tidak yakin kepada ayat-ayat Kami(82). Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)(83). Sehingga apabila mereka semua datang Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?(84). Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)(85). Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang .beriman(86). Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Kelahiran Binatang Yang Pandai Bercakap

Cerita keluarnya binatang yang disebut di dalam ayat ini telah disebut oleh hadith- hadith yang banyak dan setengahnya merupakan hadith-hadith yang sahih, tetapi tidak terdapat di dalam hadith yang sahih ini sifat-sifat binatang itu, malah sifat-sifat itu hanya disebut dalam hadith-hadith yang tidak sampai martabat sahih sahaja. Oleh sebab inilah kami abaikan sahaja sifat-sifat binatang itu, kerana ia tidak membawa apa-apa erti sama ada panjang binatang itu enam puluh hasta atau ia mempunyai bulu-bulu halus atau bulu-bulunya seperti burung atau berkuku seperti kuda atau berjanggut atau berkepala seperti lembu atau bermata seperti babi atau bertelinga seperti gajah atau bertanduk seperti rusa atau berleher seperti burung kasawari atau berdada seperti singa atau berwarna seperti harimau belang atau berpinggang seperti kucing atau berekor seperti kibas, atau berkaki seperti unta dan sebagainya dari sifat-sifat yang menarik hati ahli-ahli tafsir.

Cukuplah bagi kita berhenti setakat keterangan nas Al-Qur'an ini dan keterangan hadith yang sahih, yang menerangkan bahawa keluarnya binatang itu merupakan salah satu dari alamat-alamat Qiamat, iaitu apabila tamat tempoh taubat dan apabila keputusan azab telah dijatuhkan ke atas mereka dan tidak lagi diterima taubat dari mereka, malah mereka akan dihukum mengikut dosa-dosa mereka, maka di waktu itulah Allah akan mengeluarkan binatang yang dapat bercakap kepada mereka. Binatang-binatang biasanya tidak bercakap atau percakapannya tidak dapat difahami manusia, tetapi pada hari ini mereka dapat memahami percakapan binatang itu dan mereka juga tahu bahawa binatang itu merupakan satu kejadian luar biasa yang mengalamatkan hampirnya hari Qiamat, sedangkan dahulunya mereka tidak percaya kepada ayat-ayat Allah dan kepada hari Qiamat yang dijanjikan itu.

Di antara perkara-perkara yang dapat diperhatikan di dalam Surah al-Naml ialah pemandangan-pemandangan dialog-dialog di antara sekumpulan serangga, burung dan jin dengan Nabi Sulaiman a.s., oleh itu penceritaan tentang binatang yang dapat bercakap kepada manusia itu adalah selaras dengan pemandangan-pemandangan dan suasana surah dan ia dapat mewujudkan keserasian ilustrasi di dalam Al-Qur'an dan menyatukan segala bahagian yang membentukkan pemandangannya yang am itu. [9]

Dari alamat yang menunjukkan kehampiran Qiamat ini, Al-Qur'an menyeberang pula kepada pemandangan padang Mahsyar:

وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)."(83)

Seluruh manusia kelak akan dikumpul dan di sini Al-Qur'an mahu menunjukkan keadaan para pendusta ketika seluruh mereka dibawa ke padang Mahsyar di luar kemahuan, tujuan dan pilihan mereka:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

"Sehingga apabila mereka semua datang, Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?"(84)

Pertanyaan yang pertama bertujuan memalu dan mengecamkan sikap mereka kerana mereka selama ini terkenal dengan sikap mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah. Pertanyaan yang kedua bertujuan mengejek. Ia serupa dengan pertanyaan-pertanyaan: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat Allah? Apakah yang dibuat oleh kamu? Yakni kamu tidak mempunyai satu kerja yang jelas, yang dapat dikatakan bahawa kamu telah menghabiskan masa

---

[9] *Lihat bab "التناسق الفني" dalam buku "التصوير الفني في القرآن" muka surat 86 -107 cetakan yang ketiga.*

hidup kamu untuk melaksanakannya selain dari kerja mendusta yang keji ini, yang tidak sewajarnya dilakukan. Pertanyaan yang seperti ini tidak dapat dijawab selain dari diam dan terpegun sedih, seolah-olah pihak yang ditanya itu terkunci lidahnya dan tertutup hatinya:

وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)."(85)

Yakni keputusan azab telah dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim di dunia dan mereka kelihatan terpegun sedih dan diam membungkam, sedangkan sebentar tadi binatang dapat bercakap kepada mereka, tetapi sekarang mereka manusia pula yang tidak dapat bercakap. Itulah di antara perbandingan-perbandingan yang indah di dalam pengungkapan Al-Qur'an dan di dalam ayat-ayat Allah yang dinyatakan oleh Al-Qur'an.

Cara pembentangan dalam penjelajahan ini menampilkan satu ciri istimewa iaitu menggandingkan pemandangan-pemandangan dunia dengan pemandangan-pemandangan Akhirat dan berpindah dari pemandangan dunia kepada pemandangan Akhirat di sa'at yang sesuai untuk merangsangkan keinsafan dan untuk i'tibar.

Di sini Al-Qur'an berpindah dari pemandangan para pendusta ayat-ayat Allah yang sedang berada dalam keadaan bingung di padang Mahsyar kepada satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan dunia yang sepatutnya membangkitkan kesedaran mereka dan mendorong mereka meneliti dan memikirkan peraturan-peraturan dan gejala-gejala alam buana dan seterusnya menimbulkan kefahaman di dalam hati mereka bahawa di sana ada Tuhan yang memeliharakan mereka dan menyediakan segala sumber kehidupan dan kesenangan kepada mereka, iaitu Tuhan yang menciptakan alam buana ini sesuai dengan kehidupan mereka bukannya bertentangan dengannya atau menghalangkan kewujudan dan kesinambungan hidup mereka:

أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٨٦﴾

"Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(86)

Pemandangan hari malam yang tenang, pemandangan hari siang yang terang sepatutnya menimbulkan kesedaran keagamaan di dalam hati manusia yang boleh membawa mereka berhubung rapat dengan Allah yang menggilirkan malam dan siang itu. Kedua-dua hari, malam dan hari siang itu merupakan dua bukti kebuanaan kepada mereka yang bersedia untuk beriman, tetapi malangnya mereka tidak beriman.

Andainya tidak ada hari malam dan seluruh masa hanya hari siang sahaja sudah tentu makhluk-makhluk yang hidup akan pupus di atas muka bumi ini. Begitu juga jika seluruh masa itu hanya hari malam sahaja atau andainya hari malam itu lebih panjang sebanyak sepuluh kali ganda dari masanya yang ada sekarang ini, maka sudah tentu matahari akan membakar segala tumbuhan yang ada di bumi di waktu siang hari dan sudah tentu segala tumbuhan-tumbuhan akan membeku di waktu malam. Ketika itu makhluk yang hidup tidak mungkin hidup lagi. Kejadian malam dan siang dengan keadaannya yang sesuai dengan makhluk yang hidup itu adalah mengandungi berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah, tetapi malangnya mereka tidak mahu beriman.

Dari pembicaraan mengenai malam dan siang di bumi dan mengenai kehidupan mereka yang aman damai dan terjamin di bawah naungan peraturan alam buana yang halus itu, Al-Qur'an membawa mereka dalam sekelip mata menyeberang kepada hari Qiamat, di mana sangkakala ditiup dan berlakulah ketakutan dahsyat yang meliputi langit dan bumi dan sekalian penghuninya, melainkan mereka yang dikehendaki Allah, dan di mana berjalannya gunung-ganang yang teguh, yang menjadi simbol kemantapan, dan ketika itu berakhirlah hari kehidupan dunia ini dengan kesudahan mendapat pahala keamanan dan kebajikan atau mendapat balasan seksa dengan ketakutan yang dahsyat, di mana muka-muka akan disembam di dalam Neraka:

وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ﴿٨٧﴾

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Tiupan Sangkakala

Sangkakala ialah nafiri yang ditiup dan tiupan ini akan melahirkan ketakutan yang amat dahsyat kepada seluruh penghuni langit dan bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah berada di dalam keadaan aman dan tenang. Menurut satu pendapat: Mereka ialah para syuhada'. Dan dengan tiupan ini dimatikan setiap yang bernyawa di langit dan di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah.

Kemudian berlaku pula tiupan menghidupkan mereka kembali kemudian tiupan mengumpulkan mereka di padang Mahsyar dan di sinilah seluruh manusia dihimpunkan. **"Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya (Allah) dengan merendahkan diri"** yakni datang dengan hina dan menyerah diri.

Peristiwa ketakutan yang dahsyat itu disertai pula dengan berlakunya kekacauan seluruh alam buana, di mana perjalanan dan peredaran seluruh cakerawala dan bintang-bintang menjadi kacau-bilau, dan di antara gejala-gejala kacau-bilau itu ialah gunung-ganang yang teguh berjalan laju dan bertaburan seperti awan. Pemandangan keadaan gunung-ganang yang seperti ini selaras dengan suasana ketakutan yang amat dahsyat itu. Seluruhnya kelihatan dalam ketakutan dan kekejutan seolah-olah gunung-ganang juga turut takut dan terkejut bersama-sama orang-orang yang takut dan terkejut dan turut bingung dan turut lari berkeliaran bersama-sama orang-orang yang lari bertempiaran tidak tentu arah.

Gunung-ganang Berjalan Laju

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.(88)

Maha Sucilah Allah! Segala sesuatu di alam al-Wujud ini memperlihatkan kehalusan pertukangan dan penciptaan-Nya. Di sana tidak terdapat sebarang yang longgar, sebarang yang berlaku secara kebetulan, sebarang lubang-lubang dan tembusan, sebarang kekurangan, sebarang lebih kurang dan sebarang kelupaan. Setiap orang yang memperhatikan segala kesan penciptaan Allah yang amat menakjubkan itu tidak akan menemui sebarang sifat yang terbiar dan terbengkalai tanpa diciptakan dengan ukuran dan hitungan yang rapi dalam seluruh kejadian; yang kecil dan yang besar, yang mulia dan yang hina, malah segala-galanya diciptakan dengan ukuran dan hitungan yang halus dan menakjubkan setiap orang yang memperhatikan dan menelitinya.[10]

إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

"Sesunggahnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(88)

Inilah Hari Hisab untuk menghisabkan segala perbuatan yang dilakukan kamu. Inilah hari yang telah ditentukan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Dia akan membawa Hari Hisab ini tepat pada waktunya; tidak cepat dan tidak pula lewat supaya hari ini dapat memainkan peranannya dalam undang-undang penciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu dengan bijaksana dan dengan tadbir yang halus, iaitu supaya Hari Hisab ini dapat mewujudkan keselarasan di antara amalan dan balasan di dalam dua kehidupan dunia dan Akhirat yang sepadu lain itu. **"(Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."**

Pada hari yang penuh dengan ketakutan yang amat dahsyat ini, maka rasa aman dan tenteram dari ketakutan itu merupakan balasan kepada orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang baik di dunia selain dari pahala-pahala yang diperolehi mereka yang lebih banyak dan lebih baik dari amalan-amalan yang baik yang dilakukan mereka:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾

"Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu."(89)

Yakni keamanan dari ketakutan itu sendiri merupakan satu balasan dan balasan yang lebih dari itu merupakan limpah kurnia Allah. Oleh kerana di dunia mereka takut kepada Allah, maka Allah tidak mengumpulkan bagi mereka ketakutan di dunia dan ketakutan di Akhirat, malah Allah mengurniakan

[10] *Lihat tafsir firman Allah "وخلق كل شيء فقدره تقديرا" dalam Surah al-Furqan juzu' yang kesembilan belas.*

perasaan aman tenteram kepada mereka pada hari Qiamat, di mana seluruh penghuni langit dan bumi dilanda ketakutan kecuali mereka yang dikehendaki Allah.

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتۡ وُجُوهُهُمۡ فِي ٱلنَّارِ هَلۡ تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Ini adalah satu pemandangan yang ngeri. Mereka disembamkan ke atas muka mereka di dalam Neraka kemudian ditambahkan pula dengan kenyataan yang mengecam dan mencela:

إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Mereka telah menjauhi hidayat dan memalingkan muka mereka darinya, maka kerana itu muka-muka mereka disembam ke dalam api Neraka sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang memalingkan muka dari kebenaran yang jelas seperti jelasnya hari siang dan hari malam itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 91 - 93)

Pada akhirnya tibalah nada kenyataan-kenyataan yang akhir, di mana Rasulullah s.a.w. menyaripatikan da'wahnya dan cara-cara yang diikutinya dalam da'wah itu, kemudian beliau menyerahkan pilihan kepada mereka untuk menentukan nasib kesudahan yang disukai mereka untuk diri mereka sendiri setelah diberi penerangan yang jelas kepada mereka, kemudian ia tamatkan dengan ucapan Alhamdulillah sebagaimana ia mulakan dengannya dan menyerahkan mereka kepada Allah supaya menunjukkan ayat-ayat-Nya kepada mereka dan menghisabkan segala amalan yang dilakukan mereka:

إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩١﴾

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memper-lihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93).

Mereka memang percaya kepada kesucian negeri Makkah dan Baitul-Haram. Mereka mendapat kekuasaan menjadi ketua orang-orang Arab yang lain dari 'aqidah yang menganggapkan Baitil-Haram itu sebagai rumah suci, tetapi kemudian mereka tidak mentauhidkan Allah yang telah menjadikan Baitil-Haram itu sebagai rumah yang suci dan menegakkan seluruh kehidupan mereka di atasnya.

Tugas Rasulullah s.a.w. ialah membetulkan 'aqidah sebagaimana yang sewajarnya dibetulkan. Oleh sebab itu beliau mengumumkan bahawa beliau diperintah supaya menyembah Tuhan yang telah menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang suci dan tiada sekutu bagi-Nya dan supaya menyempurnakan kefahaman Islam mengenai Uluhiyah Yang Maha Esa. Jadi, Tuhan negeri yang suci ini adalah Tuhan sekalian makhluk di alam buana ini dan Dia **"Memiliki segala sesuatu"**. Selanjutnya beliau mengumumkan bahawa beliau telah diperintah supaya memasukkan dirinya ke dalam golongan para Muslimin, iaitu angkatan orang-orang yang menyerahkan segala apa yang ada pada mereka kepada Allah dan tidak memper-sekutukan-Nya kepada yang lain dari Allah. Merekalah angkatan yang bersinambung dalam zaman sejak begitu lama. dari angkatan Mu'min yang mentauhid dan menyerahkan diri kepada Allah.

Inilah saripati da'wahnya dan sarana da'wah ini ialah membaca Al-Qur'an:

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ

"Dan supaya aku membaca Al-Qur'an."(92)

Al-Qur'an ialah kitab suci dan perlembagaan da'wah, juga sarana da'wah. Dengan kitab inilah beliau telah diperintah berjuang menghadapi orang-orang kafir kerana dengan kitab ini sahaja sudah cukup untuk menghadapi perjuangan jiwa dan akal. Isi kandungannya dapat menguasai segala pelosok jiwa manusia dan segala lorong-lorong perasaannya dan dapat menggoncangkan hati mereka yang keras. Perintah berperang yang disyari'atkan selepas itu adalah semata-mata bertujuan untuk melindungkan orang-orang yang beriman dari penindasan dan menjaminkan kebebasan berda'wah dengan Al-

Qur'an, juga untuk menegakkan pelaksanaan hukum-hukum syara' dengan kuasa pemerintahan. Adapun perjuangan berda'wah, maka cukuplah dengan menggunakan kekuatan kitab suci Al-Qur'an itu sahaja **"Dan supaya aku membaca Al-Qur'an."**

وَأَنْ أَتْلُوَا الْقُرْآنَ ۖ فَمَنِ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَا أَنَا مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

"Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja."(92)

Ayat ini mengemukakan dasar tanggungjawab individu dalam neraca pertimbangan Allah mengenai hidayat dan kesesatan, dan dasar inilah yang mencerminkan kehormatan manusia yang dijaminkan Islam. Oleh itu mereka tidak diseretkan kepada keimanan seperti diseretkan kumpulan kambing-kambing, malah yang dibacakan kepada mereka ialah Al-Qur'an dan membiarkan Al-Qur'an itu sendiri mempengaruhi jiwa mereka menurut caranya yang amat halus dan amat mendalam, iaitu cara berbicara dengan fitrah manusia mengikut undang-undangnya yang sesuai dengan sistem hidup Al-Qur'an.

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah."(93)

Ayat ini merupakan kata pendahuluan kepada pembicaraan yang akan dikemukakan mengenai ciptaan Allah:

سَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ

"Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya."(93)

Kenyataan Allah ini amatlah benar kerana setiap hari Dia memperlihatkan kepada para hamba-Nya setengah-setengah bukti kekuasaan-Nya yang terdapat pada diri mereka dan di merata pelosok alam buana dan mendedahkan kepada mereka sebahagian dari rahsia-rahsia alam buana yang memang penuh dengan rahsia itu.

وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Demikianlah Al-Qur'an menyampaikan kepada mereka kenyataan akhir yang menamatkan surah ini, dan kenyataan ini disampaikan dengan ungkapan yang halus dan menakutkan, kemudian ia membiarkan mereka melakukan apa yang mahu dilakukan mereka, sedangkan di dalam hati mereka tersemat kesan kenyataan yang amat mendalam. **"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."**

******